

**Jilid I
Bil. 10**



MALAYSIA

**Hari Khamis
11hb Mach, 1971**

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 833]

USUL²:

Atoran Urusan Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 876]

Uchapan Terima Kaseh kapada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 877]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 876]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 11hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

Yang Berhormat Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- „ **Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).**
- „ **Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).**
- „ **Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ **Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).**
- „ **Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).**
- „ **Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).**
- „ **NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).**
- „ **DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K (Tumpat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).**
- „ **TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).**

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).**
- „ **DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).**
- „ **DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).**
- „ **CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).**
- „ **TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).**
- „ **AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).**
- „ **TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).**
- „ **TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).**
- „ **TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).**

- Yang Berhormat TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ DATO' MOHAMMAD SAID BIN KERUAK (Kota Belud).
- Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

RELIGIOUS PERSECUTION IN SABAH— ALLEGATION OF

1. Tuan Edmund Langgu anak Saga asks the Prime Minister to state whether he is aware of the allegation made by the Honourable Mr Peter Mojuntin, a Sabah State Assemblyman, that in Sabah there is religious persecution.

Perdana Menteri: (*Dengan izin*) Yes. I am aware of the allegation made by the Honourable Mr Peter Mojuntin. I am satisfied that there has not been any persecution of the Christians in Sabah. It is true that there has recently been a number of people in Sabah who had embraced Islam. But this they have done so on their own free will.

Dato' K. M. James Wong: Supplementary question. May I ask the Honourable Prime Minister whether he is aware that although in the other States of Malaysia, including Sarawak, carol singing during Christmas was allowed but in Sabah this was not permitted—why?

Perdana Menteri: Sir, I am not aware of that, but as far as I know there is freedom of religion in this country under the Constitution, and I expect that the provisions of the Constitution are being adhered to.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) I would like to ask the Honourable Prime Minister whether he has received a detailed letter from Mr Peter Mojuntin dated 14th November making not general allegations as such but specified instances of alleged religious persecution, and in view of the fact that these allegations were made by a responsible representative of the people, whether this would not warrant an enquiry into a very serious allegation?

Perdana Menteri: As I have said, I have received this allegation from Mr Peter Mojuntin and I have made due inquiry and I am satisfied there has not been any persecution of the Christians as alleged in that letter.

Tuan Lim Kit Siang: Can the Honourable Prime Minister let us know the nature of the enquiry that he had instituted into this allegation?

Perdana Menteri: Sir, Government normally carries out enquiries through the various Government machinery in its own way.

Dato' K. M. James Wong: Will the Honourable Prime Minister assure the Honourable Members of this House that carol singing in future for Christmas will be allowed in Sabah? I have here a photostat copy of an application by one Stella Maria Church asking for permission to conduct carol singing. This was disallowed by the Police. Could we have an assurance from the Prime Minister that freedom of religion will be permitted and carol singing would be allowed for Christmas, as traditional?

Perdana Menteri: Sir, I have already made it clear that under the provisions of the Constitution, although Islam is the official religion in the country, other religions are allowed to be practised. But I cannot say about the specific instance mentioned by the Honourable Member. There may be instances where, perhaps due to security reasons, processions are not allowed and this may be a case. During the Emergency on security grounds processions at night were not

allowed. This is probably the reason why carol singing at that particular time was not allowed in Sabah.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, in view of the fact that Mr Peter Mojuntin has made specific allegations, whether, in the Government enquiry into his allegations, Mr Peter Mojuntin was called or was approached to substantiate his allegations which are very specific. If I may just quote one of them, for instance—there are about thirty-over in his letter to the Honourable Prime Minister dated 13th of November—allegations for instance, such as this: "An education officer was tempted to leave his Catholic religion to become a Muslim in order for him to qualify for an appointment as Deputy Director of Education in Sabah. He refused the offer and was promptly transferred to a remote district. In contrast, a junior Malay Supervisor of Schools who is a Kadazan Catholic succumbed to the proposal".

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu Ahli Yang Berhormat daripada . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti-lah dahulu

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Saya mustahak hendak bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya—dia tengah berucap.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengesahkan Ahli Yang Berhormat ini dia Ahli Dewan Ra'ayat atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan yang membazirkan. Sila duduk.

Tan Sri Syed Jaafar bin Hasan Albar: Ini perkara mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Continue.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, I would like to make it clear that in making these questions, I am not saying that these are true or untrue, but we are suggesting these are very serious allegations which must be looked into because they concern a fundamental freedom entrenched in the Constitution, and if I may continue, Mr Speaker, Sir "In contrast a

Junior Malay Supervisor of Schools who is a Kadazan Catholic succumbed to the proposal and was promptly promoted to Division I." Sir, these are very serious allegations and I think, to assure the public and the people in Sabah and the people in Malaysia, a Commission of Enquiry is warranted because Mr Peter Mojuntin can be asked to substantiate these allegations.

Perdana Menteri: I have already stated that I am aware of these allegations, I have made inquiry and I am satisfied that there is no persecution of Christians in Sabah as alleged in that allegation, and I have nothing further to add.

JABATAN² PERSEKUTUAN DI-SARAWAK—BILANGAN PEGAWAI²

2. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Perdana Menteri berapa bilangan Jabatan² Persekutuan di-Sarawak yang di-ketuaⁱ oleh:

- (a) Pegawai² dari Perkhidmatan Awam Sarawak;
- (b) Pegawai² dari Perkhidmatan Awam Malaysia Barat; dan
- (c) Pegawai² bukan daripada salah satu golongan yang tersebut di-atas.

Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Bilangan Jabatan² Persekutuan di-Sarawak yang di-ketuaⁱ oleh Pegawai² Perkhidmatan Awam Sarawak ia-lah 27. Pegawai² dari Perkhidmatan Awam Malaysia Barat 13; dan Pegawai² bukan daripada salah satu golongan yang tersebut di-atas ia-lah 2.

PILEHANRAYA UMUM DI-SARAWAK—KEMASOKAN AHLI² POLITIK TERTENTU

3. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah beliau sedar bahawa dalam Pilehanraya Umum yang lalu di-Sarawak ada Ahli² Politik yang tertentu membawa masuk ka-Sarawak orang yang tertentu yang pada masa itu ada-lah sa-orang penderhaka yang belum di-ampuni terhadap negara.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, sa-takat pengetahuan saya tidak ada orang yang menderhaka yang tidak di-ampunkan telah di-bawa masuk ka-Sarawak dalam masa Pilehanraya Umum. Oleh kerana soalan ini kurang jelas, saya hanya dapat menjawab sa-chara umum sahaja. Jika Ahli Yang Berhormat yakin ada sa-orang

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Mr Speaker, Sir, may I have the reply in English, please.

Tuan Yang di-Pertua: You have no right to ask the speaker to speak in English—he has his wish—you have no right to dictate to him in what language he should speak.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: All right, thank you, Mr Speaker, Sir.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Jika Ahli Yang Berhormat yakin ada sa-saorang penderhaka yang belum di-ampun di-Sarawak, saya dengan tegas-nya menasihatkan beliau membawa perkara ini kepada perhatian Kementerian ini, atau ka-perhatian Peguam Negara dengan memberi butir² yang penoh mengenai orang yang berkenaan termasuk tarikh-nya di-bicharakan dan di-dapati salah oleh Mahkamah dalam negara ini.

JALAN RAYA DARI DEBAK KA-PUSA, SARAWAK

4. Tuan Edmund Langgu anak Saga (di-bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah apa² ranchangan dalam Ranchangan Lima-Tahun Malaysia Yang Kedua hendak menyambong jalan raya yang ada sekarang ini di-Debak ka-Pusa atau sa-balek-nya, dari Spaoh ka-Pusa, di-Bahagian Kedua Sarawak dalam Daerah Betong; jika tiada, terangkan sebab²-nya, dan jika ada, dapat Menteri memberi jaminan bahawa kerja² tersebut akan di-jalankan dengan segera.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Speaker, jalan Debak ka-Pusa ia-lah jalan Negeri dan oleh itu kelanjutan-nya ia-lah tanggong-jawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimana pun ada-lah di-fahami bahawa ranchangan untok projek tersebut di-atas telah di-masokkan dalam

Ranchangan Malaysia Kedua dan telah di-jadualkan untuk pembenaan dalam tahun 1972.

TANAH SIMPANAN MELAYU YANG TERGADAI

5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian dan Tanah berapa luas jumlah tanah kawasan Melayu yang sedang tergadai, dan nyatakan dalam negeri² mana-kah di-Malaysia ini. Apa-kah langkah sedang di-buat supaya tanah ini di-tebus oleh ampunya.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, ma'alumat tidak boleh diperolehi dengan serta-merta mengenai jumlah luas Tanah Simpanan Melayu di-dalam tiap² negeri yang terta'alok kepada gadaian kerana suatu siasatan seperti itu belum pernah di-jalankan di-Malaysia Barat. Jikalau ma'alumat ini hendak di-perolehi, satu siasatan khas hendak-lah di-jalankan. Tugas² yang terlibat akan termasuk pemeriksa daftar² hakmilk tanah di-dalam 81 Pejabat² Tanah sa-lain daripada Pulau Pinang dan Melaka dan di-dalam 9 Pejabat² Pendaftaran Negeri, dengan sa-chara mendalam. Penggadaian² ini termasuk juga tanah² yang di-sandar untuk mendapat pinjaman dari MARA, Bank Bumiputra, Majlis Tempatan, Setiausaha² Kerajaan dan lain² badan.

Majlis Gerakan Negara baharu² ini telah melantek sa-buah Jawatan-kuasa untuk menyiasat soal berkaitan dengan penggunaan dan penyekatan Tanah Simpanan Melayu oleh orang² yang bukan Melayu dan juga untuk membuat chadangan bagaimana tanah² yang telah tergadai, jika ada, dapat di-kembalikan kepada tuan tanah yang asal.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini apa-kah puncha yang besar menyebabkan tergadai-nya tanah² orang² Melayu ini—sa-chara kasar-nya?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, Laporan Jawatan-kuasa itu akan siap tidak berapa lama lagi dan akan di-serahkan kepada Jema'ah Menteri dan pada masa itu sebab² berhubung dengan masalah penggadaian itu barangkali dapat di-terangkan.

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sah dari segi undang² negara gadaian ini di-jalankan?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Perkara itu terpulang kepada keadaan². Kalau sa-kira-nya tanah Malay Reservation di-gadai kepada MARA, saya perchaya perkara itu sah.

Tuan Tajuddin bin Ali: Kalau gadai kepada orang bukan Melayu atau pun bukan bumiputra sah atau tidak pada undang² negara?

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seperti itu akan di-timbangkan apakala sakan keterangan di-sampaikan kepada Jabatan Peguam Negara dan juga Penasihat Undang² Negeri. Belum lagi perkara itu di-sampaikan dan di-timbangkan pada masa ini.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah sa-telah selesai-nya penyiasatan kelak sa-kira-nya di-dapati ada tanah² Melayu yang tergadai boleh-kah Kerajaan menimbangkan chara pertolongan yang liberal bagi melepaskan tanah² itu daripada belenggu penghisap² darah itu?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Itu akan di-timbangkan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir hampir 20 bulan lama-nya telah perkara ini diperentahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyiasat perkara² tanah gadaian ini terutama di-negeri Perak, maka mengapa begitu lama jumlah bilangan tanah yang tergadai pun tidak dapat kita kemukakan?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Siasatan belum selesai lagi, Tuan Yang di-Pertua, dan manakala selesai Laporan sedang di-buat dan akan di-serahkan kepada Jema'ah Menteri.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini anggaran berapa lama Laporan itu akan di-kemukakan kepada Kabinet?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya anggar lebeh kurang dalam dua bulan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-lain daripada MARA dan Bank Bumiputra meng-gadaikan tanah² kawasan Melayu, ada-kah kapada cheti² kawasan² Melayu ini tergadai?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Sa-bagaimana yang saya terangkan tadi, siasatan yang terus belum di-buat, kalau sa-kira-nya hendak di-buat akan mengambil masa yang panjang. Jadi, saya maseh menunggu laporan daripada jawatan-kuasa itu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar bahawa selalu-nya terjadi gadaian reserve Melayu atau pun tanah² Melayu kapada orang² bukan Melayu dengan chara orang yang bukan Melayu menggunakan orang² nama Melayu di-waktu memindahkan hakmilk?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar cherita itu tetapi saya maseh menunggu laporan yang sah daripada jawatan-kuasa itu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Ada-kah Kerajaan berchadang untuk mengadakan satu Undang² menghukumkan perbuatan² bagi pehak² yang bekerja sa-bagaimana yang telah di-kerjakan itu kerana itu ada-lah merugikan orang² Melayu?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Perkara itu akan di-timbangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Polis sekarang sedang menyiasat dan satu laporan akan di-bentangkan kapada Kabinet. Saya ingin tahu ada-kah sa-takat badan ini bekerja kapada orang Melayu sahaja tidak kapada orang China, orang India yang juga teraniannya oleh pembunga². Ada-kah tertentu kapada orang Melayu sahaja atau boleh di-luaskan kapada orang yang bukan Melayu, orang China, orang India yang miskin yang teraniaya oleh pegadai² itu?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya rasa itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena mengena.

PENANAMAN PADI DUA KALI SA-TAHUN DI-SARAWAK

6. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah bertanya kapada Menteri Pertanian dan Tanah sama ada penanaman padi dua kali sa-tahun telah di-mulakan di-Sarawak; jika sudah, ada-kah Menteri akan memberi jaminan bahawa langkah yang lebeh berkesan akan di-jalankan oleh Kementerian beliau supaya penanaman chara itu boleh terdapat pada petani luar bandar dalam negeri Sarawak; jika langkah saperti ini belum di-jalankan, boleh-kah Menteri menerangkan apa sebab²-nya.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, suatu projek pengayuran Paya Selanyau, Perengkat II meliputi 1,400 ekar untuk tanaman padi dua kali sa-tahun sekarang ini sedang di-uruskan dan pembenaan akan selesai pada tahun 1973. Perengkat I ranchangan ini meliputi 250 ekar telah pun selesai dalam tahun 1970. Ada-lah di-harapkan bahawa 100 ekar akan dapat di-tanam dua kali sa-tahun dalam 1971. Kerajaan Persekutuan sekarang sedang menimbang Dasar Beras bagi Malaysia Barat. Perkembangan dasar ini ka-Malaysia Timor akan di-kaji sa-chara berasing dengan mengadakan perbincangan dengan negeri² yang berkenaan. Tambahan kapada kawasan yang akan di-tanam dua kali sa-tahun itu ada-lah bergantung pada keputusan dasar ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah jikalau sa-kira-nya tanaman dua kali sa-tahun padi di-Sarawak, ada-kah Kementerian Pertanian berhajat untuk mengadakan meshen² moden untuk petani² di-sana?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ini akan di-timbangkan, Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya pembukaan di-buat.

MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA

7. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sudah-kah di-tubuhkan Majlis Kebudayaan Negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya belum lagi.

Tuan Haji Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila agak-nya hendak di-tubuhkan?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara penubuhan Majlis Kebudayaan Negara ini ada-lah dalam kajian Kementerian saya. Rang Undang² untuk menubuhkan Majlis ini sudah-lah hampir siap dan saya berchadang akan membentangkan ka-Dewan ini pada persidangan yang akan datang.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, kalau begitu harapan saya berhasil. Ada-lah juga langkah dari ka-arrah ini, tetapi saya ingin tahu berhubung dengan rangka Rang Undang² itu, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini dapat memberikan satu bentok yang tegas bahawa teras kebudayaan Malaysia yang akan datang ia-itu teras kebudayaan Melayu di-jadikan sa-lain mengambil kebudayaan² lain yang ada dalam Malaysia ini, ini jaminan yang saya hendak.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan masaalah sama ada ketetapan di-atas chara atau pun teras kebudayaan tidak-lah terkandung dalam Rang Undang² ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Berhormat Menteri ini memberikan jaminan bahawa teras kebudayaan Malaysia berteraskan kebudayaan Melayu dapat-kah di-berikan jaminan di-atas masaalah ini kepada kami semua?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya rasa soalan-nya itu terkeluar daripada soalan yang di-tanya oleh Yang Berhormat itu.

SUROHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM—LANTEKAN AHLI

8. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Perdana Menteri sama ada sa-orang ahli politik yang belum berhenti daripada gerakan² politik-nya boleh di-lantek oleh Kerajaan sa-bagai sa-orang Ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, Ya. Dengan syarat sa-orang itu bukan Ahli Parlimen atau Ahli Majlis Undangan Negeri. Perlembagaan kita hanya

melarang perlantekan² sa-saorang Ahli Parlimen atau Ahli Majlis Undangan Negeri menjadi Ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan. Apa yang saya dapat tahu, benar-kah atau tidak bahawa sa-orang yang memegang peranan di-dalam mana² parti politik atau pehak penting daripada parti politik juga tidak di-bolehkan menjadi Surohanjaya Perkhidmatan Awam ini?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tidak ada larangan sa-lain daripada yang saya sebutkan tadi.

BIASISWA² RANCHANGAN COLOMBO DAN PERSEKUTUAN

9. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Perdana Menteri memandang bahawa beliau kerap kali mengishtiharkan ia-itu Negeri² di-Malaysia ini ada-lah sama rata dan demokratik, mengapa Biasiswa² Ranchangan Colombo dan Persekutuan yang di-berikan kepada penuntut² di-Sarawak sa-chara langsung tiap² tahun oleh Negeri² Asing dan Kerajaan Persekutuan tidak di-buat mengikut pilihan Surohanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak sendiri mulai tahun 1970.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, semenjak tahun 1970 sistem memilih chalun² untuk mendapatkan biasiswa Colombo Plan dan Federal Scholarship telah pun di-susun sa-mula dan telah di-satukan, dan permintaan daripada chalun² dari Sarawak ada-lah di-terima dan di-timbangan sama² dengan permintaan daripada chalun² dari negeri² lain. Saya rasa tidak ada diskriminasi telah di-jalankan terhadap chalun² daripada Sarawak dengan ada-nya sistem baharu ini di-jalankan. Dan saya tidak dapat menchari satu sebab pun mengapa Ahli Yang Berhormat itu mengatakan dengan ada sistem baharu ini Sarawak menjadi kurang demokratik atau pun tidak equal.

LAPORAN JAWATAN-KUASA ANTARA KERAJAAN DAN PERJANJIAN LONDON

10. Dato' K. M. James Wong minta kepada Perdana Menteri untuk menjelaskan sama ada Laporan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan dan Perjanjian London di-mana Sarawak dan Sabah memasoki Persekutuan Malaysia dalam tahun 1963.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menganggap laporan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan dan Perjanjian Malaysia itu maseh sah dan terikat kerana document² tersebut-lah yang menjalin-kan penubohan Malaysia.

DEWAN UNDANGAN NEGERI— KEBENARAN MENGADAKAN MESHUARAT

11. Dato' K. M. James Wong minta kepada Perdana Menteri mengesahkan bahawa semua Dewan Undangan Negeri sekarang ini di-benar mengadakan meshuarat masing².

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Jawab-nya, Tuan Yang di-Pertua, ya.

Dato' K. M. James Wong: Am I correct in assuming that what the Assistant Minister meant is that the Council Negri can immediately be convened?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: That is up to the State Government.

LAPORAN² GAJI SUFFIAN DAN AZIZ— CHADANGAN² TANGGA GAJI

12. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Perdana Menteri bila-kah Kerajaan Pusat akan menyiarkan Laporan² Suffian dan Aziz mengenai ulangkaji gaji² Pegawai² Kerajaan dan Guru² di-Sarawak, dan mengapa laporan² itu lewat di-siarkan.

Tuan Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, Laporan Suffian telah di-chetak dan di-terbitkan pada 23-10-1969 oleh Penchetak Kerajaan untuk di-jual kepada orang ramai. Laporan Aziz yang di-semak sa-mula itu belum lagi di-terbitkan kerana ia-nya maseh belum lagi di-siap dan di-kemukakan kepada Jema'ah Menteri dalam bentok-nya yang mu'tamad.

Perakuan yang di-buat oleh Surohanjaya Gaji Suffian belum lagi dapat di-laksanakan di-Malaysia Timor kerana Kerajaan Sarawak dan Sabah telah mengemukakan chadangan² mengenai tangga gaji dan sharat² perkhid-matan yang berlainan daripada apa yang di-perlukan oleh Surohanjaya Gaji Suffian. Chadangan² Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak itu sekarang ini sedang di-timbang-kan dengan giat-nya oleh Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan bila-kah Laporan Aziz ini akan di-siarkan?

Tuan Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, sudah di-jawab tadi.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini sedar dalam Laporan Aziz itu telah meninggalkan tingkatan gaji guru² ugama dalam negeri ini, sa-kira-nya pehak guru ugama akan menyam-paikan laporan ini kepada Laporan Aziz ada-kah pehak Kerajaan sedia menerima-nya?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, itu lain soalan-nya.

PASOKAN² BERSENJATA MALAYSIA— KURSUS LATEHAN SEBERANG LAUT

13. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pertahanan sama ada banyak pasokan² bersenjata Malaysia yang telah di-hantar mengikut kursus latehan tentera di-Negara² yang mengikut latehan itu semenjak tahun 1969 hingga akhir Disember, 1970. Tentera Laut, Udara dan Darat dan di-negara² mana-kah mereka di-hantar dan siapa yang membiayai-nya.

Menteri Muda Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Unit² Angkatan Tentera Malaysia tidak pernah di-hantar ka-mana² negeri seberang laut untuk mendapatkan latehan tentera. Walau bagaimana pun beberapa orang Pegawai² dan anggota² lain pangkat Angkatan Tentera kita telah di-hantar untuk latehan ka-negara² di-seberang laut saperti Amerika Sharikat, Australia, Britain, Canada, France, Holland, India, Indonesia dan Pakistan.

Di-antara tahun² 1969-1970, seramai 326 Pegawai² dan 271 orang anggota² lain pangkat telah di-hantar ka-seberang laut untuk berkursus. Tentera Laut kita telah menghantar 82 orang Pegawai dan 209 orang anggota lain pangkat untuk latehan di-seberang laut. Tentera Udara di-Raja Malaysia juga telah menghantar 166 Pegawai dan 418 anggota² lain pangkat untuk ber-kursus dalam jangka masa itu.

Perbelanjaan untuk latehan² yang di-jalan-kan di-Amerika Sharikat, Australia dan

New Zealand telah di-bayar oleh Kerajaan itu. Sa-lain daripada bayaran yuran yang tidak di-kenakan, sa-bahagian besar perbelanjaan latehan bagi pegawai² dan anggota² tentera Malaysia di-negeri² Britain, India dan Perancis telah pun di-tanggongkan oleh Kerajaan Malaysia sendiri.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan berchadang hendak menghantarkan tentera kita berlateh ka-negeri Russia dan lain² negeri kominis oleh sebab kita sekarang ini kita ada perhubungan dengan negara² itu, sekurang²-nya kita mendapati pelajaran daripada tektik dia kepada tentera kita?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini jikalau kita menimbangkan dari satu masa ka-satu masa, jikalau latehan yang di-beri di-negeri² lain mungkin kita akan pertimbangkan daripada satu masa ka-satu masa kalau sesuai dengan negara kita.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan Russia ada-lah satu kuasa besar, kuasa atom dan kuasa lain² yang boleh menyamai kuasa Amerika. Jadi, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengambil faedah daripada apa yang saya chakapkan tadi supaya menghantar tentera kita kepada negara² itu?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah kata negara itu negara besar patut kita hantar, kita mesti lihat semua keadaan, senjata, apakah latehan yang boleh di-beri. Jadi pada fikiran saya, kita mesti-lah menimbangkan mengikut masa juga seperti saya katakan ada-kah sesuai kepada negara, itu-lah asas yang patut kita timbangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-takat ini adakah kita dapat menerima pelawaan daripada negara² ini sa-kira-nya di-beri pelawaan, sedia-kah kita menimbangkan bagi memasoki latehan bahagian tentera ini pada negeri yang tersebut?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya tidak, di-fahami tidak ada pelawaan² tetapi kita akan menimbangkan, seperti saya kata asas yang sesuai kepada kita atau tidak.

HASIL² YANG DI-PUNGUT DARI SARAWAK OLEH KERAJAAN PUSAT

14. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta kepada Menteri Kewangan memberikan keterangan tentang jumlah² hasil yang telah di-pungut dari Sarawak oleh Kerajaan Pusat dalam tahun 1968, 1969 dan 1970 dan juga jumlah² perbelanjaan² untuk satu² tahun tersebut di-bayar balek kepada Sarawak.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendapatan hasil yang di-pungut oleh Kerajaan Persekutuan dalam negeri Sarawak bagi tahun 1968, 1969 dan 1970 ia-lah seperti berikut:

1968 ...	\$84.2 juta
1969 ...	\$85.6 juta
1970 ...	\$93.5 juta (Jumlah ini ia-lah anggaran sahaja oleh kerana kira ² tahun 1970 belum di-sahkan lagi).

Jumlah yang di-bayar balek sa-bagai pemberian kepada negeri Sarawak dan perbelanjaan di-atas perkhidmatan² Kerajaan Pusat dan projek² pembangunan dalam negeri itu bagi tiap² tahun yang tersebut ia-lah \$174.2 juta, \$168.8 juta dan \$198.0 juta. Sa-bagai tambahan kepada angka² itu Kerajaan Persekutuan juga membelanjakan \$6.2 juta, \$2.6 juta dan \$3.2 juta dalam 3 tahun yang berkenaan bagi beberapa perkhidmatan di-Malaysia Timor yang tidak boleh di-bahagikan di-antara Sabah dan Sarawak. Oleh itu akan di-lihat bahawa hasil yang di-dapati dari Sarawak ada-lah kira² sa-tengah sahaja dari yang di-belanjakan di-Sarawak untuk negeri itu oleh Kerajaan Pusat. Angka² ini ada-lah lebeh jelas dari perkataan.

TALIPON DI-PESISIR SARAWAK DI-HENTIKAN

15. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

- mengapa sekim untuk mengadakan Talipon di-pesisir, terlebeh lagi di-tempat² yang jauh dari Pejabat² Kerajaan, telah di-hentikan di-Sarawak;
- boleh-kah Menteri memberi jaminan supaya sekim ini akan di-jalankan lagi untuk kesenangan ra'ayat, terlebeh lagi pada musim banjir dan pada masa kekacauan dan kesusahan, di-dalam pesisir.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-anggap bahawa Ahli Yang Berhormat merujuk kepada sekim perkhidmatan atau pun rangkaian radio hulu yang telah di-berhentikan dan di-ganti dalam tahun 1963 dengan satu sekim panggilan radio.

Rangkaian Radio Hulu ini sungguh pun telah memberi satu perkhidmatan tetapi tidak-lah memuaskan oleh sebab berikut:

Perkhidmatan-nya terhad, pengguna² perkhidmatan ini tidak di-benarkan menggunakan kemudahan² rangkaian talipon awam. Jenis alat generator tangan yang telah dipakai di-kawasan² luar hanya mempunyai kuasa lebih kurang dua watt atau kurang dan oleh itu banyak aduan bahawa penerimaan telah terganggu oleh steshen² yang mempunyai kuasa lebih besar di-negeri² jiran. Alat generator tangan ini tidak di-keluarkan lagi dan tidak ada penggantian yang sesuai. Ada-lah menjadi masalah penyelenggaraan set² ini oleh kerana susah mendapatkan alat² ganti.

Perkhidmatan panggilan radio baharu itu ada-lah lebih modern dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan² di-kawasan luar bandar dan juga pelanggan² di-kawasan pantai. Oleh yang demikian tidak ada soal memberhentikan apa² sekim perkhidmatan talipon kepada kawasan² pantai atau kawasan² luar bandar. Malahan perkhidmatan radio sedang di-perkembangkan dan sa-jumlah \$200,000 akan di-minta dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua untuk mengadakan satu steshen mengawal yang baharu di-Kuching.

Polis di-Raja Malaysia telah di-lengkapkan dengan alat² pemancar radio bergerak dan alat² ini boleh di-gunakan dalam masa banjir atau kekacauan di-negeri Sarawak.

Perhubungan radio talipon ada-lah di-kendalikan oleh Jabatan Talikom.

PEMBERHENTIAN DOKTOR² DARI PERKHIDMATAN KERAJAAN SARAWAK—SEBAB²

16. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta kepada Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan doktor² yang telah berhenti dari perkhidmatan Kerajaan Sarawak;
- (b) sebab² mereka berhenti; dan

- (c) sama ada pemberhentian mereka disebabkan oleh pembayaran gaji yang rendah di-Sarawak jika di-bandingkan dengan negeri² lain di-Malaysia.

Menteri Kesihatan Malaysia (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, bilangan doktor² yang meletakkan jawatan daripada perkhidmatan Kerajaan Sarawak semenjak bulan Januari 1966 hingga Disember 1970 ia-lah 23 orang. Sebab² perletakan jawatan yang tersebut ia-lah kerana menjalankan perusahaan sendiri. Buka Doktor Private lebih banyak duit barangkali dapat di-Sarawak itu. Pelajar² perubatan tidak terikat dengan apa² perjanjian sa-belum hari merdeka. Jadi, bagi Colombo Plan, tetapi ta' ada macham di-sini kena lima tahun bekerja dengan pemerintah. Tiada bersetuju berkhidmat di-kawasan luar bandar. Perletakan jawatan tersebut bukanlah kerana perbezaan besar di-dalam pembayaran gaji kepada pegawai² di-Sarawak dan di-Malaysia Barat.

GETAH MALAYSIA TIDAK DI-BELI OLEH CHINA KOMINIS

17. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah Kerajaan sedar China Kominis tidak lagi membeli getah Malaysia, kalau sedar dari bila, dan Negara mana pula yang banyak menambah pembelian-nya.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, Kominis China tidak berhenti daripada membeli getah dari Malaysia. China Kominis hanya tidak memasoki pasaran getah dalam beberapa minggu yang lalu sahaja. Mengikut keadaan sekarang Amerika Sharikat dan Russia ada-lah negara yang banyak sa-kali membeli getah dari negara kita.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dalam penjualan getah kita dengan China Kominis pada masa yang akan datang, dapat-kah Yang Berhormat Menteri ini menerangkan kepada Dewan bahawa kita juga akan mengikut sistem yang di-buat oleh Kerajaan Ceylon, ia-itu dengan menggunakan tukar barang ia-ini barter trade. Maka dengan keadaan yang macham ini, saya memahamkan, Tuan Yang di-Pertua, memberikan

keuntungan kepada ra'ayat dan juga keuntungan kepada negeri yang kita ambil barang bawa masuk ke-negeri ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sa-lama ini bukan sahaja negeri Komunis China, bahkan semua negara² yang membeli getah kita ada-lah membayar cash, ia itu bayaran tunai dan ini-lah satu sistem yang terbaik sa-kali. (*Ketawa*).

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, pembelian getah daripada Komunis China ini ada-kah menerusi Kuala Lumpur, atau Port Swettenham, atau pun melalui Singapura?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, melalui Port Swettenham dan juga Pulau Pinang.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan lagi. Saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan, di-satu masa pernah-kah beliau itu berunding dengan Menteri Ekonomi Thailand berhubung dengan perdagangan getah antara Thailand dengan Malaysia dengan China Komunis. Kira-nya ada, tolong beritahu Dewan satakot mana perjanjian atau rupa mana perjanjian itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada saya berunding, tetapi rundingan itu ada-lah rahsia.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri ini sedar dengan sebab tidak ada-nya China membeli getah kita di-sini harga getah kita sekarang sudah makin turun dan perkara ini melibatkan kehidupan ra'ayat² luar bandar dan kampung. Ada-kah usaha yang lain sedang di-jalankan sekarang ini untuk mengatasi kemerosotan harga yang saya nyatakan ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya, berbagai² usaha telah, sedang dan akan di-buatkan oleh Kerajaan kita untuk mendapat harga yang lebih baik bagi getah kita tetapi ini akan memakan masa yang panjang. Ta'dapat saya memberi jaminan di-sini, ada-kah kita akan mendapat kejayaan yang sepenoh-nya daripada usaha² yang akan di-jalankan oleh kita itu.

LAPANGAN TERBANG MARUDI

18. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah Kerajaan akan memperluaskan lapangan terbang yang

tidak cukup luas di-Marudi, Bahagian Ke-Empat Sarawak dan bila kerja memperluaskan lapangan terbang ini akan di-mulakan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, lapangan terbang yang sesuai bagi semua chuacha akan di-bina di-Marudi di-dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua. Kerja² di-jangka akan bermula pada pertengahan tahun ini juga.

PELABOHAN MIRI/KUALA BARAM— PEMBENAAN

19. Dato' K. M. James Wong bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah sebab² kelambatan dalam pelaksanaan pembenaan pelabohan semua musim di-Pelabohan Miri atau Kuala Baram bagi kapal² besar untuk keperluan² segera di-Bahagian Ke-Empat Sarawak.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memperakukan keperluan mengadakan sa-buah pelabohan di-seluruh utara Negeri Sarawak dan telah menguruskan supaya Kajian di-jalankan. Mengikut hasil kajian tersebut di-dapati Kuala Baram sahaja yang di-dapati sesuai untuk di-jadikan pelabohan kapal² besar di-situ. Bagaimana pun dengan kerana keadaan hydrographic di-sungai Baram, maka keputusan telah di-ambil supaya di-adakan kajian arus di-Kuala Baram sa-belum menentukan sama ada pelabohan boleh di-bina di-situ.

Sa-lepas membuat kajian yang lanjut, Bahagian Penyiasatan Hydraulic Wallingford telah membuat keputusan dalam bulan Mei, 1970 bahawa alorai perkapalan sa-dalam yang di-kehendaki boleh di-dapati dan di-selenggarakan dengan chara membina sa-buah tembok memandu arus. Sa-lain daripada tembok ini perbelanjaan juga akan di-kehendaki bagi membina dermaga dan kemudahan di-darat. Jumlah anggaran bagi projek ini ia-lah lebih kurang \$35 juta. Langkah sekarang ini sedang di-ambil bagi mengundang suatu kajian yang lengkap mengenai pembenaan pelabohan ini untuk menentukan justifikasi-nya pada segi ekonomi pelabohan ini.

Dato' K. M. James Wong: Mr Speaker, Sir, when will the final report on the feasibility study be available to the Honourable Minister?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bila sudah siap bahkan, Tuan Yang di-Pertua, bila sudah siap kita akan berikan ma'alumat kepada Ahli Yang Berhormat.

Dato' K. M. James Wong: Is the Honourable Minister aware that the investigation of the Kuala Baram Port or Harbour, as the case may be, has been going on for over ten years, since 1960? That was the original investigation. That is why I asked the Honourable Minister just now how long this new feasibility study will take before the Minister will have the report in his hand to make a decision.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang mendalam belum ada begitu lama, Tuan Yang di-Pertua, dan di-sebabkan ini ada-lah memakan belanja yang begitu besar itu-lah sebab kita adakan kajian yang chukup², baharu kita buat kerja yang sa-benar-nya.

Dato' K. M. James Wong: In view of the importance of this port to the development of the Fourth Division in the opening up of hundreds of thousands of acres there for resettlement and other purposes, will the Honourable Minister say definitely how long will it take—will it take one year, two months, three years, or five years or ten years—to have the feasibility report?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Di-sebabkan kajian yang mendalam ada-lah perlu, ini tidak dapat saya terangkan beberapa lama, tetapi kita buat dengan sa-berapa lekas yang boleh.

SHARIKAT LOMBONG BESI DI-PAHANG/TRENGGANU— PENUTUPAN

20. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta kepada Menteri Buroh untuk menyatakan berkenaan dengan penutupan Sharikat Lombong Besi di-Pahang dan di-Trengganu:

- (a) jumlah buroh dan keluarga yang terlibat daripada tindakan majikan² sa-takat ini;
- (b) apa-kah tindakan di-pehak Kementerian bagi menjamin kehidupan baharu kepada pekerja² dan keluarga mereka yang terlibat itu.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, dengan penutupan Eastern Mining & Metal Company Ltd, Bukit Besi, Trengganu, 3,033 pekerja dan 12 ribu orang tanggungan mereka terlibat:

Eastern Mining & Metal Company	1,960 pekerja
Trengganu Mineral Sendirian Company	223 ..
Eastern Stevedoring Company	362 ..
Contractors dan workers	488 ..
Jumlah ...	3,033 pekerja

Sa-hingga ini 2,058 pekerja telah di-berhentikan, EMCO 1,462 pekerja, Trengganu Mineral 108 pekerja dan 488 pekerja² dari konterek, yang lain² maseh lagi bekerja tetapi di-jangka akan di-berhentikan pada tahun ini.

Dengan penutupan Rompin Mining Company Sendirian Berhad, Kuala Lumpur, 1,826 pekerja dan lima ribu orang tanggungan mereka terlibat. Rompin Company Sendirian Berhad 1,419 pekerja, Eastern Stevedoring Company 401 pekerja, Malay States Shipping 6 pekerja—Jumlah 1,826 semua-nya telah di-berhentikan.

Dengan bantuan Kementerian saya satu perjanjian telah di-chapai di-antara Kesatuan Pekerja² Lombong Pantai Timor mewakili pekerja² lombong itu di-satu pihak dan Sharikat Lombong di-satu pihak lagi di-mana pekerja² telah menerima kira² \$3,000 tiap² sa-orang sa-bagai sugu hati perkhidmatan dan pemberhentian kerja di-waktu mereka di-berhentikan.

Kerajaan telah melantek dua buah Jawatan-kuasa Kerja bagi mengkaji masaalah² dan kesan penutupan dua lombong itu. Dan hasil dari kajian shor² di-buat bagi menyelesaikan masaalah itu. Lebeh² lagi tentang kemungkinan menyambung pekerjaan dan menyediakan pekerjaan ka-dalam bidang ekonomi yang baharu di-kawasan itu bagi pekerja² yang telah di-berhentikan itu dan tanggungan² mereka. Hasil dari chadangan² dua Jawatan-kuasa itu dua Staff Courses telah di-lantek bagi melaksanakan chadangan² itu.

Sa-takat ini 123 orang pekerja telah dapat di-berikan pekerjaan yang lain di-Negeri² Trengganu dan Pahang.

Tuan V. David: Mr Speaker Sir, may I speak in English? (*Dengan izin*) Will the Minister inform this House exactly the number of people to this date who have been employed and what positive measures the Minister has taken to find alternative employment for the others who have not found employment?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab soalan itu.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, can he please also inform us where they have been given employment?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah jawab di-mana tempat.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, from my information many of them have not been employed and these are fictitious figures given by the Ministry to mislead this House.

Tuan Yang di-Pertua: That is not a supplementary question—that is all right.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya baharu beritahu 123 orang sahaja dapat kerja. Kalau dia kata ini fictitious, apa-kah dia ingat kita Kerajaan ini? (*Ketawa*).

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, it is a shame and disgrace for the Minister to say that out of three thousand only hundred over have been employed, Sir.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita chakap lebeh, dia chakap fictitious; kalau kita chakap betul, dia chakap shame.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, the Minister has not answered the question. There are over three thousand people unemployed and the Government is not in a position to find employment for these three thousand people.

Tuan Yang di-Pertua: Will you confine your remarks to supplementary questions?

Tuan V. David: Sir, I just want to know what measures the Government has taken to find employment for those who are not employed and how long will it take to find employment for them?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya baharu terangkan dalam Bahasa Kebangsaan tadi ia-itu kita ada dua Jawatan-kuasa dan Jawatan-kuasa ini sudah pun menyiasat perkara ini dan ada recommend macham², macham mana kita hendak chari kerja dan saya pun sudah terangkan di-Eastern Mining Company berapa orang, di-Rompin berapa orang. Jadi dia tidak faham. Jadi itu-lah sebab dia selalu sahaja chakap banyak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ta' boleh charikan kerja fasal orang ini banyak, kerana kita ada orang yang sa-macham itu dalam negeri ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Buroh dia selalu pandai chakap bohong, dia tidak ada beri tahu macham mana dia boleh charikan kerja. Kita tahu ada dua Jawatan-kuasa. Berapa Jawatan-kuasa mahu siasat macham mana mahu chari kerja, beritahu berapa orang boleh dapat kerja, berapa lama boleh dapat kerja—itu yang mustahak—dia punya keluarga mahu bagi kehidupan, yang Kerajaan hendak jawab ia-lah tentang kehidupan dan orang² yang hilang pekerjaan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan.

Tuan Yang di-Pertua: How in the world can you answer that question? (*Ketawa*). It is not a question.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, nasib baik saya pun sudah tahu dia punya language, sebab itu saya pun boleh jawab juga.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang saya tidak dapat satu jawab berapa lama Kerajaan berjanji boleh beri kerja kepada orang yang tidak ada kerja. Tolong beritahu, boleh-kah atau tidak. Kalau tidak, beritahu tidak, Kerajaan boleh bertanggung-jawab tiap² orang itu mahu chari kerja sendiri.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan begitu senang hendak chari kerja bagi beribu² orang. Bukan sa-bagitu senang sahaja boleh pergi angkat sa-orang itu ka-tempat itu. Kerajaan kita ada mengambil berat atas perkara ini dan kita tahu berapa-kah orang yang susah, beribu² orang ini, jikalau hilang pekerjaan di-Pantai

Timor sana. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengambil berat atas perkara ini. Dan dia sendiri ada pergi ka-tempat itu berjumpa dengan pekerja² dan kita telah membuat bermacam² jalan sa-bagai alternative employment kepada pekerja² itu. Tetapi bila, saya tidak boleh chakap dalam Parlimen ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata Kerajaan mesti mahu jawab macham mana mahu beri penghidupan sama ra'ayat. Perdana Menteri ada berkata mahu memberi penghidupan sama have-nots—ini have-nots bila boleh dapat kerja, enam bulan, satu tahun, barangkali tidak langsung boleh dapat kerja. Tolong jawab.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua kita bukan sa-buah negeri untuk memberi kasehan pekerjaan untuk orang² mendapatkan kerja. Jadi kita mesti tengok macham mana dia dapat training, mana kita boleh accommodate pekerja² ini. Jadi kita dengan sa-berapa boleh menghantar orang² ini pergi ka-Negeri Sabah dan ka-tempat² lain². Skill-nya kalau boleh di-pakai di-negeri Sabah dan lain² tempat, kita akan hantar pergi ka-sana, tetapi kita mesti meng-ambil masa sadikit. Tidak boleh serta-merta hari ini hilang kerja, besok boleh chari kerja. Bukan sahaja orang ini, kita ada 100,000 lebeh orang yang menunggu hendak chari kerja juga.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu sekarang yang Kerajaan tidak ada satu ranchangan yang tetap boleh beri kerja sama orang yang hilang kerja di-Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua: What is your supplementary question?

Tuan V. David: No, Sir, that is a statement of fact.

Tuan Yang di-Pertua: You are not allowed to make a statement here.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: On a point of order. It is a statement of facts, not a question.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak jawab sadikit, Kerajaan akan mengutamakan juga mereka² yang telah hilang pekerjaan ini untuk men-

jadi peserta dalam Ranchangan² Tanah LKTP, Ranchangan² Tanah Pinggir, Ranchangan² Tanah Belia yang sudah dan yang akan di-buka. Bagitu juga Kerajaan Pusat ada memberikan pinjaman wang kepada Kerajaan Negeri supaya membuka ranchangan² tanah yang lebeh banyak. Pembukaan tanah sa-luas 5,000 ekar berdekatan dengan lombong yang di-tutup itu sedang di-usahakan dan satu perusahaan kayu yang besar yang meliputi kawasan sa-luas 250,000 ekar sedang dalam kajian dan apabila di-dapati sesuai dan di-buka akan memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada mereka itu. Sa-bahagian daripada chara Kerajaan untuk menolong mereka.

UNIVERSITI KOLEJ DI-SARAWAK— PENUBOHAN

21. Tuan Pengarah Rahun Anak Debak bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan menubuhkan sa-buah Universiti Kolej di-Sarawak bagi menyediakan tempat² untuk pelajar² lepasan Tingkatan VI tiap² tahun; jika benar, bila dan jika tidak, mengapa.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Speaker, jawab-nya ia-lah tidak, buat pada masa ini. Sebab-nya ia-lah kerana benda itu tidak praktik, tidak praktikal.

KESOKANAN (SOKAN) NEGARA— MENINGGIKAN TARAF

22. Tuan Othman bin Abdullah minta kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apa-kah peranan yang di-mainkan oleh Kementerian ini untuk meninggikan lagi taraf kesokanan (Sokan) negara dan ada-kah Kementerian ini berchadang untuk menggiatkan latehan² jasmani kepada belia² melalui Persatuan² belia supaya menjadi belia² yang sehat dan bersemangat serta dinamis sesuai dengan dasar Pembangunan Negara sekarang.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada-lah meng-ambil berat di-atas perkara meninggikan taraf Sokan di-dalam negara ini sabagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum di-Per-sidangan Dewan ini akan di-bentangkan satu Rang Undang² yang di-namakan Undang² Majlis Sokan Negara dalam mana di-harapkan sa-lepas lulus-nya Undang² ini Kerajaan akan lebeh² terlibat lagi dengan perkara²

berkaitan dengan Sokan dalam mana juga kerajaan akan mengambil atau pun memainkan peranan yang penting mengadakan dasar² polisi² yang tertentu berkenaan dengan sokan, sa-bagaimana barangkali Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan khas-nya bahagian sokan telah mengadakan penyusunan sa-mula di-dalam mana Kerajaan telah meluluskan satu Badan Penyusunan, satu badan di-bawah penyusunan sa-mula ini di-mana akan diadakan satu badan Pengarah Sokan yang di-ketuai oleh sa-orang Pengarah Sokan dibantu oleh pegawai² yang di-panggil pegawai yang akan memajukan sokan atau pun Sport Promotion Officers dan di-bahagian ini juga akan di-adakan satu bahagian yang dalam mana di-adakan berbagai² bahagian yang menguruskan berbagai² permainan yang popular yang di-sukai ramai oleh orang² dalam negara ini, dan dalam bahagian² ini akan di-letakkan juru² lateh atau pun coaches yang tertentu, yang akan memberi latehan² kepada pemain², terutama-nya kepada orang² yang muda.

Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat ma'alum juga, baharu² ini sa-buah badan yang di-namakan "Sports Medicine Council" telah di-tubuhkan dengan tujuan supaya menggalakkan lagi kita menumpukan perhatian kepada perkara yang anggap agak chukop penting sa-bagaimana yang di-sebutkan.

Di-dalam bahagian yang kedua soalan Ahli Yang Berhormat ini, dalam mana kita boleh menggalakkan orang menumpukan lagi dengan berat-nya di-atas perkara berkaitan dengan perkara jasmani. Jadi, Kementerian saya pun mengambil berat dalam perkara ini dan telah menggalakkan Badan² Belia, Pertubohan² Belia supaya menjadikan perkara latehan jasmani ini satu perkara yang penting dalam urusan² latehan jasmani.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan telah mengatakan ambil berat. Definition ambil berat ini ada-kah lima pukul, atau pun sepuluh pikul. Jadi, bagaimana berat-nya. Jadi, saya hendak bertanya berat-nya (*Ketawa*).

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya rasa berat ini tidak boleh di-timbang dengan pikul, dan saya rasa berat-nya—Kementerian saya akan mengambil berat yang sangat mendalam dalam perkara ini.

Tuan Yeoh Teck Chye: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Honourable Minister tell us whether proper steps are being taken to ensure that in the various sports the proper Committees are set up and people who are really qualified and who can really contribute to the sports are being nominated to serve on these bodies, because we have learned a very bitter lesson from the last Thomas Cup, where many people felt that there had not been a proper set-up of that Committee and as a result we have lost the Cup very badly although we could have prevented this most unfortunate incident?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya sungguh bersimpati dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu, tetapi Ahli Yang Berhormat, saya tahu ada-lah sa-orang pemain badminton yang sungguh jagoh pada masa² yang lepas, tetapi Ahli Yang Berhormat pun barangkali sedia ma'alum bahawa perkara perlantekan pegawai² di-dalam Pertubohan² Sokan ada-lah sa-mata² terpulung kepada Badan² Sokan. Kerajaan tidak champor dalam perkara ini. Jadi, sama ada pegawai yang baik di-pileh ada-lah sa-mata² terpulung kepada Badan² Pertubohan Sokan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai. (Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup, dan jawapan² lisan bagi Pertanyaan² No. 23 hingga No. 49 ada-lah di-beri di-bawah ini).

KEKACHAUAN DI-ULU KATIBAS DAN NGEMAH

23. Penghulu Abit anak Angkin bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(a) ada-kah tidak Menteri sedar, ia-itu ra'ayat dalam Ulu Katibas dan Ngemah dalam Daerah Kapit dan Kanowit di-Sarawak merasa sangat susah kerana kehidupan mereka terganggu oleh sebab kekachauan selalu berlaku di-tempat tersebut;

(b) boleh-kah tidak Menteri memberi keyakinan ra'ayat di-situ telah di-beri chukup jagaan atas keselamatan mereka dan juga kehidupan yang sempurna, supaya mereka dapat menjalankan pencharian mereka sa-hari² dengan tidak khuatir dan takut.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman):

- (a) Kawasan yang di-rujukkan oleh Ahli Yang Berhormat ia-lah kawasan² dimana pengganas² komunis ada-lah giat baharu² ini. Oleh itu ada-lah kemungkinan penduduk² kawasan tersebut terlibat. Pasokan² Keselamatan telah menjalankan beberapa "operations" di-kawasan tersebut dan telah berjaya membunuh beberapa orang pengganas.
- (b) Saya boleh memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa semua tindakan yang perlu ada-lah di-ambil untuk menjaga keselamatan ra'ayat jelata supaya dapat mereka itu menjalankan pekerjaan sa-hari². Oleh itu tidak payah-lah penduduk² kawasan tersebut merasa tersangat takut.

Tetapi untuk mencapai kejayaan yang penoh, maka penduduk² di-dalam kawasan² ini juga hendak-lah menunjukkan kerjasama mereka dengan pasokan² keselamatan. Mereka mesti-lah jangan memberi apa² sokongan kepada pehak pengganas dan hendak-lah melaporkan sa-chepat mungkin jika ada apa² ma'alumat yang di-perolehi mengenai pehak² musuh. Dengan chara ini dapat-lah anchaman² dari pehak komunis di-hapuskan untuk kebaikan semua penduduk.

(Dengan izin).

- (a) The areas referred by the Honourable Member are areas where the Communist Terrorists have recently been active. It is natural therefore that the people living there would be affected to some extent. The Security Forces have mounted a number of operations and have succeeded in scoring many kills.
- (b) I can assure the Honourable Member that all necessary action is being taken to ensure the safety of the people living in these areas, so that they may go about their daily lives. There is no need, therefore, for the people to be unduly alarmed.

However, in order to ensure complete success, it is important that the people themselves should co-operate fully with the Security Forces. They must not give any support to the Communist Terrorists and should promptly pass on

any information they may have about terrorist activities to the Security Forces. In this way, the threat posed by the Communist Terrorists can be completely eliminated and this will benefit all the people.

PENTADBIRAN IBU KOTA PERSEKUTUAN—PENJAJA²

24. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa Pentadbiran Ibu Kota Persekutuan, Kuala Lumpur selalu mengachau² penjaja² di-Bandar Kuala Lumpur.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Saya tidak sedar yang Pentadbiran Ibu Kota mengganggu penjaja² dalam bandar Kuala Lumpur, tetapi saya tahu yang pehak mereka sedang menjalankan tugas sa-laras dengan peruntukan undang² ia-itu dengan mem-bersihkan bandar Kuala Lumpur dari penjaja² yang tidak berlesen atau penjaja² berlesen yang berjaja di-kawasan² yang terlarang.

(Dengan izin) I am not aware that the Federal Capital Administration is harassing the hawkers in the town of Kuala Lumpur, but I am aware that they are carrying out their duties in accordance with the provisions of the law in clearing illegal hawkers or licensed hawkers trading in prohibited zones in Kuala Lumpur.

PERANCHANGAN KELUARGA

25. Tuan Lim Kit Siang minta kepada Perdana Menteri menyatakan polisi Kerajaan yang baharu berkenaan Peranchang Keluarga di-Malaysia.

Perdana Menteri: Kerajaan tidak mempunyai satu dasar yang baharu mengenai peranchangan keluarga di-Malaysia.

Dasar yang ada pada masa ini ia-lah bertujuan mengurangkan kadar tambahan jumlah penduduk² daripada kadar yang ada sekarang ini ia-itu 3% sa-tahun ka-2% supaya usaha² pembangunan ekonomi dan sosial di-negara ini dapat meninggikan taraf hidup serta pendapatan purata bagi tiap² keluarga.

TUNTUTAN BRUNEI KA-ATAS LIMBANG

26. Tuan Lim Kit Siang minta kepada Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau telah menerima kenyataan rasmi dari Kerajaan Brunei terhadap tuntutan-nya ka-atas Limbang, Sarawak dan menyatakan sikap Kerajaan terhadap kenyataan rasmi sa-umpama itu.

Perdana Menteri: Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa bagi pihak Malaysia "perhubungan rasmi" dalam soal ini ada-lah perhubungan dari pihak British sebab perhubungan luar Brunei ada-lah pada keseluruhan-nya di-dalam tangan British. Kerajaan belum menerima sebarang perhubungan rasmi daripada pihak British berkenaan apa yang di-katakan tuntutan itu. Ra'ayat Sarawak telah mengambil keputusan untuk bergabung dengan Malaysia dengan sa-chara sukarela dan ini telah di-sokong oleh Kerajaan British sendiri. Kita telah juga di-beritahu oleh Kerajaan British pada masa itu bahawa kedaulatan-nya ka-atas Sarawak tidak sa-harus-nya di-ragu²kan.

(Dengan izin) I wish to inform the Honourable Member that as far as the Government is concerned, "official communication" in this regard would be communication from the British Government as the conduct of Brunei's external relation lies entirely in British hands. The Government has not received any official intimation from the British Government on the alleged claim. The people of Sarawak had decided to join Malaysia out of their own free will and supported at that time by the British Government. We were given the assurance by the British Government then that there was no doubt about its sovereignty over Sarawak.

BUKU² TEKS PERCHUMA

27. Tuan Lim Kit Siang minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan pemberian buku² teks perchuma kepada semua murid² Sekolah Rendah yang miskin di-bandar dan luar bandar untuk menentukan yang tidak sa-orang budak pun di-halangi dari mendapat pelajaran yang chukup oleh kerana kemiskinan ibu-bapa mereka.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak, kerana ini akan memakan belanja yang banyak. Bagaimana pun, pada tiap² tahun sejak tahun

1960 Kementerian saya ada memberi buku² teks perchuma dengan chara pinjaman kepada murid² sekolah rendah yang miskin di-bandar dan di-luar bandar.

PENGANIAYAAN UGAMA DI-SABAH

28. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengadakan Surohanjaya Penyasat untuk menyiasat pengakuan Enche' Peter Mojuntin, Ahli Dewan Negeri Sabah, mengenai aniaya ugama di-Sabah.

Perdana Menteri: Tidak. Kerajaan berpuas hati bahawa tidak ada penganiayaan (persecution) terhadap penganut² Ugama Kristian di-Sabah.

YAP PAK LEONG—SEBAB² DI-TAHAN

29. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai:

- (i) tarikh dan tempat tahanan Enche' Yap Pak Leong;
- (ii) sebab² di-tahan;
- (iii) sama ada benar bahawa ia di-tahan oleh sebab ia mengambil bahagian yang chergas dalam pilehanraya 1969.
- (iv) sama ada Menteri akan mengulang kaji kes-nya dengan tujuan membebaskan dia sa-chepat mungkin.

Tun Dr Ismail:

- (i) Enche' Yap Pak Leong telah di-tahan di-bawah Ordinan Memelihara Keselamatan Awam, 1962, Sabah mula² 28hb Julai, 1969 dan sekarang ini berada di-Tempat Tahanan Kota Kinabalu, Sabah.
- (ii) Ia di-tahan kerana kegiatan²-nya yang membahaya terhadap keselamatan Negara.
- (iii) Ada-lah tidak benar bahawa ia di-tahan kerana mengambil bahagian dalam pilehanraya 1969.
- (iv) Kes-nya akan di-ulangkaji oleh Lembaga Penasehat yang berkenaan. Saya tidak dapat memberi jaminan bila ia akan di-bebaskan.

KOK FUNG CHONG—SEBAB² DI-TAHAN

30. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai

- (i) tarikh dan tempat tahanan Enche' Kok Fung Chong, pemimpin Kesatuan;
- (ii) sebab² di-tahan.

Tun Dr Ismail:

- (i) Enche' Kok Fung Chong telah di-tahan di-bawah Ordinan Memelihara Keselamatan Awam 1962 Sabah mulai 17hb Jun, 1970, dan sekarang berada di-Tempat Tahanan Kota Kinabalu, Sabah.
- (ii) Ia di-tahan kerana kegiatan²-nya yang perasangka terhadap keselamatan Negara.

PERPUSTAKAAN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA—PENUBOHAN

31. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau mempunyai ranchangan menubuhkan Perpustakaan Tunku Abdul Rahman sa-bagai tanda penghormatan untuk beliau, di-mana semua kerja, surat yang di-tulis, ucapan dan kertas² yang di-tanda-tangani sa-masa beliau menjadi Perdana Menteri akan di-simpan, semuanya ini akan menjadi bahan² pengajian ahli sejarah dan orang² yang terpelajar, jika tidak, mengapa.

Dato' Ong Kee Hui: Ketua Pengarah Arkib dan Perpustakaan Negara telah mengemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri satu chadangan mengenai penubohan sa-buah Arkib dan Perpustakaan Tunku Abdul Rahman Putra untuk mengandungi bukan sahaja suratan², terbitan² dan barang²-nya yang berguna kepada negara, tetapi juga benda² ini kepunyaan rakan²-nya. Perkara ini sekarang telah di-pindahkan kepada Kementerian saya dan saya akan mengkajinya dengan sa-chepat mungkin.

(Dengan izin) The Director General of National Archives and Library submitted to the Prime Minister's Department a proposal for the establishment of a Tunku Abdul Rahman Putra Archives and Library which would hold not only his papers, publications and objects of national interest but also those of these associates. This subject has since been transferred to my Ministry, and I shall be studying it at the earliest opportunity.

PENGECHUALIAN TENGGARA ASIA— JAMINAN

32. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana-kah chadangan-nya untuk mengechualikan Asia Tenggara akan di-jamin oleh China, Russia dan Amerika Sharikat dengan ada-nya ashkar² British dan Australia.

Perdana Menteri: Ada-nya tentera² British dan Australia dalam bidang peratoran perundingan pertahanan lima-negara tidak-lah bertentangan dengan langkah baharu kita untuk berdikari dalam hal ehwal pertahanan. Demikian juga ada-nya tentera² tersebut tidak-lah bertentangan dengan dasar berkechuali dan tujuan kita meujudkan pengechualian di-Tenggara Asia. Ada-lah menjadi hak negara² berdaulat untuk membuat peratoran² yang chukup untuk mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara kita. Sa-hingga terchapai-nya tujuan Malaysia untuk meujudkan sa-buah Tenggara Asia yang stabil dan aman dengan jalan pengechualian rantau ini yang di-jamin oleh kuasa² besar, maka Malaysia menganggap peratoran perundingan pertahanan lima-negara itu sa-bagai penting bagi membantu-nya dalam usaha²-nya untuk mengadakan pertahanan yang chukup bagi negara ini bagi menentang pencherobohan dari luar.

(Dengan izin) The presence of British and Australian forces in Malaysia in the context of 5-power consultative defence arrangements is not inconsistent with our new approach for self-reliance on matters of defence, nor is it in contradiction with our policy of non-alignment and our objective for the neutralisation of South-East Asia. It is within the right of sovereign States to provide for adequate arrangements for defence of their sovereignty and integrity. Until and unless Malaysia's objective for a stable and peaceful region of South-East Asia is achieved through neutralisation guaranteed by major powers, Malaysia considers the 5-power consultative defence arrangements as essential in order to assist her efforts to provide for an adequate defence of the country from external aggression.

KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS ASEAN

33. Tuan Fan Yew Teng minta kepada Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau akan membuat chadangan yang konkrit

untuk pembenaan "ASEAN Economic Common Market", jika ya, berikan butir², jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Malaysia dan negara² ASEAN yang lain belum membuat chadangan tersebut. Pada masa ini beberapa Jawatankuasa ASEAN sedang mengkaji kemungkinan untuk mengadakan sa-chara terhad kawasan perdagangan bebas berdasarkan keluaran dirantau ASEAN dalam tiap² satu bahan.

(*Dengan izin*) Malaysia has not made such proposal nor other members of ASEAN. At the moment the various committees of ASEAN are studying the possibility of establishing a limited free trade area on a commodity by commodity basis in ASEAN region.

PERWAKILAN PERDAGANGAN GETAH KA-NEGERI CHINA

34. Tuan Goh Hock Guan minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan sama ada pihak Kerajaan akan menubuhkan satu Perwakilan Perdagangan Getah di-Negeri China untuk mengelakkan kemerosotan harga getah.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kerajaan sedia menimbangkan perutusan sa-buah Perwakilan Perdagangan Getah ka-Negeri China apabila suasana dan keadaan di-fikir sesuai dan akan memberi faedah kepada Malaysia.

BANK OF CHINA—MEMULAKAN PERKHIDMATAN-NYA

35. Tuan Goh Hock Guan minta kepada Menteri Kewangan menerangkan sama ada Bank of China akan di-jemput untuk memulakan perkhidmatan-nya sa-telah memandangkan keadaan dasar luar negeri Malaysia terhadap Negeri China.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) The Banking Ordinance, 1958, prohibits the issue of a licence to any bank in which more than 50% of the issued and paid-up capital is owned and the management is controlled by a foreign government. Since the Bank of China is wholly owned by a foreign government, namely, The People's Republic of China, and its management is controlled by that Government, a licence cannot be issued to that bank to operate in Malaysia.

PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA/PARTI KOMINIS MALAYA—PENGIKTIRAFAN

36. Tuan Goh Hock Guan minta kepada Perdana Menteri menerangkan bila dan apakah syarat² pihak Kerajaan akan mengakui Red China dan Parti Kominis Malaysia.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab pertanyaan berkenaan pengiktirafan People's Republic of China. Pendirian Kerajaan terhadap Parti Kominis Malaysia memang sudah di-ketahui. Parti tersebut ada-lah parti yang di-haramkan kerana menjalankan rebolusi bersenjata terhadap Kerajaan yang sah dan di-pilih oleh Ra'ayat Malaysia.

(*Dengan izin*) I have already answered the question relating to the recognition of the People's Republic of China. The Government's stand on the Communist Party of Malaya is well known. It is an illegal party as it is carrying out armed revolution against the legally constituted and popularly elected Government and the people of Malaysia.

PERBAHATHAN AGONG EKONOMI UNIVERSITI MALAYA—PENG- HARAMAN MAGERAN

37. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa Majlis Gerakan Negara mengharamkan Perbahathan Agong Ekonomi di-Universiti Malaya pada bulan Ogos, 1969 dan ada-kah beliau sedar bahawa sa-patut-nya beliau menggalakkan perbahathan ini agar ra'ayat negara ini tertarek dengan Ekonomi.

Tun Dr Ismail: Mengikut ingatan saya, tidak ada apa² sekatan di-kenakan oleh Kerajaan terhadap perjumpaan mahasiswa di-Universiti campus sa-belum Mei 13, 1969.

Tetapi sa-lepas Mei 13, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom, semua perjumpaan² di-luar campus, termasuk juga perjumpaan di-antara Ahli² Parlimen dan pengundi² di-larang sama sekali dari segi keselamatan. Dalam pada itu mahasiswa² telah di-beri kebebasan untuk mengadakan perjumpaan² itu di-dalam Universiti campus, jika perjumpaan itu tidak terbuka kepada orang² luar campus.

Sekarang ini sekatan itu tidak lagi di-kenakan.

SURAT² AKUAN² SAKIT DARI DOKTOR²

38. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kesihatan :

- (a) Mengapa doktor² yang tertentu sahaja layak mengeluarkan surat² akuan sakit kepada kakitangan² Kerajaan;
- (b) Mengapa surat² akuan sakit dari doktor prebet sa-lama lebih daripada dua hari hendak-lah di-tandatangani timbal oleh doktor² Kerajaan;
- (c) Ada-kah beliau akan menarek balek peratoran ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

- (a) Mengikut Perintah 'Am sekarang mana² doktor prebet yang berdaftar boleh mengeluarkan sijil sakit untuk pekerja² Kerajaan. Oleh itu, tidak-lah benar di-katakan bahawa hanya doktor² tertentu yang di-pileh sahaja layak mengeluarkan surat² akuan sakit.
- (b) Mengikut Perintah 'Am yang tersebut itu juga, sijil sakit yang di-keluarkan oleh doktor prebet bagi tempoh melebihi dua hari hendak-lah di-tandatangani oleh Pegawai Perubatan Kerajaan oleh kerana pada masa² lampau pernah di-dapati sijil² sakit itu di-salah gunakan.

Untuk menchegeh kes² saperti ini tempoh hari sakit yang boleh di-beri oleh doktor prebet pada sa-suatu masa atau satu tahun telah di-hadkan.

- (c) Kerajaan berpendapat bahawa Peratoran ini, ia-itu sijil² sakit yang di-keluarkan oleh doktor² prebet sa-lama lebih dua hari hendak-lah di-tandatangani timbal oleh Doktor Kerajaan, ada-lah memuaskan.

TAN KAI HEE—PENAHANAN

39. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada Enche' Tan Kai Hee yang telah di-tahan semenjak tahun 1965 akan di-bebaskan bila kes-nya di-pertimbangkan pada bulan Mach, 1971 atau Kerajaan berniat menahan-nya lagi.

Tun Dr Ismail: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat perentah tahanan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap

Enche' Tan Kai Hee telah di-lanjutkan sa-lama 2 tahun lagi mulai 12hb Mach, 1971. Saya tidak dapat menetapkan bila ia akan di-bebaskan.

PEMECHAHAN ESTET DI-SITIAWAN

40. Tuan Richard Ho Ung Hun bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar tentang pemecahan estet di-Sitiawan yang dapat di-buktikan mesti pun terdapat larangan undang² mengenai pemecahan, dan jika ya, ada-kah langkah² di-ambil untuk menampung tenaga kerja yang menggaggor itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sa-buah ladang, Ladang Suffolk di-Sitiawan telah di-dapati bertukar tangan sa-banyak dua kali. Tenaga kerja yang asal di-ladang itu ia-lah sa-ramai 243 orang. Sa-ramai 86 orang bekas pekerja² itu maseh lagi tinggal di-ladang itu dan yang lain sa-ramai 153 orang bekas pekerja itu telah pun meninggalkan ladang itu dan mendapat pekerjaan di-tempat lain.

Dari 86 orang bekas pekerja yang maseh tinggal di-ladang itu, 47 orang dari-nya bekerja di-ladang itu kepada tuan punya yang baharu. Sa-ramai 39 orang bekas pekerja lagi itu telah pun di-tawarkan pekerjaan oleh tuan punya yang baharu untuk bekerja di-ladang² yang di-mileki-nya di-Telok Anson, Taiping dan Pahang, tetapi mereka tidak mahu menerima tawaran itu.

Sa-takat ini, tidak ada permohonan untuk pemecahan ladang di-terima oleh State Estate Land Board, Perak.

(*Dengan izin*) One Estate, the Suffolk Estate, in Sitiawan is known to have changed hands twice. The original labour force on the estate was 243. While 86 ex-workers of the estate are still living on the estate, the remaining 157 ex-workers have left for employment elsewhere.

Of the 86 ex-workers still remaining on the Estate, 47 are working on the Estate for its new owner. The remaining 39 ex-workers have been offered employment by the present owner on other estates owned by him in Telok Anson, Taiping and Pahang, but have not accepted the offer.

So far, no application for sub-division of the estate has been received by the State Estate Land Board, Perak.

PEMECHAHAN LADANG² GETAH DI-SITIAWAN

41. Tuan Richard Ho Ung Hun minta kapada Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada beliau sedar di-kawasan Sitiawan ada ladang² getah yang besar di-pechah²kan sunggoh pun Kanun Tanah Negara melarangkan perbuatan itu. Jika ya, apa-kah langkah² yang beliau akan ambil, supaya sa-suatu larangan undang² dalam Kanun itu dapat di-patohi.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Permohonan bagi memechah²kan ladang² getah yang besar di-kawasan Sitiawan belum ada lagi di-terima. Jika soalan ini di-maksudkan kapada Suffolk Estate, sekarang telah dinamakan Arasu Estate, perkara ini ada di-dalam pengetahuan Kerajaan Negeri dan pada masa ini di-dalam siasatan.

BAYARAN PAMPASAN PEKERJA— JUMLAH

42. Tuan Su Liang Yu minta kapada Menteri Buroh menyatakan bayaran pampasan pekerja saperti berikut:

- (a) Jumlah kematian akibat kechederaan pada tahun 1969 dan 1970 dalam Negeri² Malaysia mengikut bangsa;
- (b) jumlah perbelanjaan untok pampasan kerana kematian itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Dalam tahun 1969, sa-banyak 395 kematian akibat kechederaan di-Malaysia. Jumlah wang pampasan yang di-bayar ia-lah sa-banyak \$2,211,662.54.

Dalam tahun 1970, sa-banyak 446 kematian akibat kechederaan di-Malaysia. Jumlah wang pampasan yang di-bayar ia-lah \$2,296,782.14. Tidak ada rekod yang di-simpan bagi tiap² negeri atau orang² yang chedera mengikut bangsa, kerana di-bawah Ordinan Pampasan Orang-kerja, semua tuntutan bagi wang pampasan ada-lah di-kendalikan dengan tidak mengira apa² juga bangsa orang-kerja yang berkenaan.

(Dengan izin) In 1969, there were 395 fatal accidents in Malaysia. The total amount of workmen's compensation paid was \$2,211,662.54.

In 1970, there were 446 fatal accidents in Malaysia. The total amount of Workmen's Compensation paid was \$2,296,782.14. No record is kept of accidents by State or of

injured workmen by race because under the Workmen's Compensation Ordinance, all claims for compensation are dealt with without any regard to the race of the workmen concerned.

PERMIT² KERJA KAPADA BUKAN WARGANEGARA

43. Tuan Su Liang Yu minta kapada Menteri Buroh menyatakan jumlah Permit² Kerja yang di-keluarkan semenjak 1969 hingga hari ini kapada bukan warganegara dan warganegara yang layak dan berapa permit² kerja telah di-baharu² dalam tahun 1970 dan juga berapa di-antara-nya di-tolak dan apa sebab-nya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sa-hingga 15hb Januari, 1971, sa-banyak 141,588 Permit² Kerja (131,890 bagi Malaysia Barat dan 9,698 bagi Malaysia Timor) telah di-keluarkan kapada pekerja² bukan warga-negara.

Sa-hingga 15hb Januari, 1971, 59,990 Permit² Kerja telah di-baharu² dan 11,386 Permit Kerja 2-tahun ada-lah maseh lagi sah sa-hingga 30hb September, 1971. Jumlah Permit Kerja yang sah sa-hingga 15hb Januari, 1971, ada-lah sa-banyak 71,376.

Bilangan Permit Kerja yang tidak di-baharu² ia-lah 70,212 (16,199 telah di-batal-kan kerana pemegang²-nya telah menjadi warganegara dan baki-nya 54,013 tidak di-baharu²). Permit² ini tidak di-baharu² kerana pemegang²-nya telah meninggalkan pekerjaan atau permohonan mereka telah di-tolak kerana mereka tidak berhak mendapat pembaharuan sechara otomatik dan kerja² mereka itu boleh di-ambil aleh dengan senang-nya oleh ra'ayat Malaysia.

(Dengan izin) Up to 15th January, 1971, a total of 141,588 employment permits (131,890 in West Malaysia and 9,698 in East Malaysia) had been issued to non-citizen workers.

As at 15th January, 1971, 59,990 had been renewed and 11,386 2-year permits were still valid until 30th September, 1971. The total number of valid permits as at 15th January, 1971, was therefore 71,376.

The number of permits which had not been renewed was 70,212 (16,199 had been cancelled as the holders had subsequently become citizens leaving a balance of 54,013 unrenewed). These permits had not been renewed

because the holders had left their employment or their applications for renewal had been rejected on the grounds that they were not entitled to automatic renewal and the jobs could be easily taken over by Malaysians.

TABONG BENCHANA NEGARA

44. Tuan Walter Loh Poh Khan minta kapada Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah di-terima bagi Tabong Benchana Negara sa-takat ini, berapa banyak yang telah di-bahagikan kapada mangsa² banjir dan angka pechahan jumlah wang yang di-berikan dan jumlah tiap² satu bangsa yang menerima bantuan ini.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) The position of the National Disaster Relief Fund as at 1st March, 1971, was as follows:

Contribution by Federal Government	\$ 7,000,000
Contribution from the Social Welfare Services Trust Fund	500,000
Transferred from the National Emergency Relief Fund ...	1,317,563
Donations from public and other sources	2,118,666
Total Receipts ...	\$10,936,229

Total amount paid out for the relief of flood victims ...	\$10,750,448
---	--------------

It is not possible to give a breakdown of the amounts paid out to the victims according to race, as applications for aid were considered on their merits and not classified according to the racial origin of the applicants.

PENILAIAN ALAT² RADIO DAN ALAT² GANTI

45. Tuan Walter Loh Poh Khan minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan berapa-kah jumlah nilai alat² radar, wireless dan bahagian² serta alat² pertukaran (accessories) Askar² Bersenjata bagi tiga tahun yang lalu yang mana telah di-nilaikan dan telah di-hapuskan daripada kira². Ada-kah benar bahawa kesemua alat² tersebut tidak pernah di-gunakan. Jika benar mengapa.

Perdana Menteri: Jumlah nilai alat² radio serta alat² ganti yang telah di-jadikan "serap" dan di-hapuskan dalam masa 3 tahun yang lalu ia-lah sa-banyak lebih kurang \$300,000.

Alat² ini telah di-gunakan semenjak tahun 1953, ia-itu dalam tempoh masa 12 hingga 18 tahun pada hal alat² ini biasa-nya tahan di-gunakan selama 10 tahun sahaja.

Kenyataan bahawa peralatan² dan perkakas² ini tidak pernah di-gunakan tidak-lah benar.

(*Dengan izin*) The total value of radio equipment and accessories condemned to scrap and written off over the last three years amounted to approximately \$300,000.

These equipments have been in service since 1953, over periods stretching from 12 to 18 years where normal life expectancy is 10 years and, accordingly, it is not true to say that these equipments and accessories have never been used.

HADIAH² KAPALTERBANG² KAPADA INDONESIA

46. Tuan Walter Loh Poh Khan minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan sebab dan tujuan beliau mengeluarkan suatu berita yang mengatakan bahawa negara kita akan menghadiahkan kapalterbang² kapada negara Indonesia pada hal negara kita sendiri kekurangan kapal² terbang dan kekurangan wang.

Perdana Menteri: Saya tidak pernah mengeluarkan apa² siaran akhbar mengenai perkara ini. Soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat ada-lah sama dengan soalan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus wakil Dungun untuk mana jawapan bertulis telah pun di-berikan. Sila lihat Jawapan Bertulis No. 184.

(*Dengan izin*) I have not made any press release on the subject. The question posed by the Honourable Member is similar to the question posed by the Honourable Member Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun) for which a written reply has already been given. I would like to invite the Honourable Member to refer to the answer given to Written Question No. 184.

KONVENSHEN PERTUBOHAN BUROH ANTARABANGSA—PENGIKTIRAFAN

47. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kapada Menteri Buroh oleh kerana Malaysia telah mengiktiraf Konvenshen Pertubohan Buroh

Antarabangsa Bilangan 98, bila-kah Kerajaan berchadang hendak menyelaraskan Undang² Kebangsaan dengan peruntokan² Konvenshen ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Undang² Buroh kita yang berkaitan dengan I.L.O. Convention No. 98 ada mengandongi prinsip² Convention tersebut dan oleh itu ia-nya adalah sa-jajar dengan peruntokan² Alat Antara-bangsa itu.

(Dengan izin) Our Labour Laws which are relevant to the I.L.O. Convention No. 98 embody the principles of that Convention and is therefore in line with the provisions of the International Instrument.

PERJALANAN PERHUBONGAN PERUSAHAAN TERHADAP PEKERJA²

48. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar bahawa terdapat perasaan tidak puas hati yang meluas di-kalangan pekerja² terhadap perjalanan Perhubungan Perusahaan yang ada sekarang dan jika sedar, apa-kah langkah² yang hendak beliau ambil bagi memperbaikinya supaya chekap dan berkesan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya kechewa bahawa rojokan Ahli Yang Berhormat terhadap "perjalanan Perhubungan Perusahaan yang ada sekarang" ada-lah tidak terang kepada saya untuk memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimana pun, jika ia dapat menerangkan apa yang di-maksudkan-nya dengan ungkapan itu saya akan memberi-nya jawapan.

(Dengan izin) I regret that the Honourable Member's reference to "existing machinery of Industrial Relations" is rather vague for me to give a reply of any exactitude. However, if he would state precisely what he means by that expression, I will give him a reply.

PERWAKILAN PEKERJA² KEPADA BADAN² BERKANUN

49. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buroh dapat-kah beliau menerangkan sebab² pekerja² yang berpertubohan tidak mempunyai perwakilan yang sechukup-nya dalam beberapa lembaga dan badan seperti Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang, di-mana kepentingan pekerja² ada-lah terlibat sa-chara langsung dan ada-kah beliau menimbangkan langkah² bagi memperbaiki keadaan yang ada sekarang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Di-mana kepentingan pekerja² terlibat sa-chara langsung langkah² telah di-ambil untuk memileh wakil² pekerja ka-beberapa badan dan pehak berkuasa termasuk Lembaga Letrik Negara, Badan EPF, Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang, Amanah Perumahan dan Lembaga Keretapi. Bilangan wakil² pekerja pada badan² itu di-tentukan oleh perlembagaan badan² atau pehak berkuasa tersebut. Ini di-ulang-kaji bila mana keperluan timbul.

(Dengan izin) Whenever it is felt that workers' interests are involved, steps have been taken to nominate workers' representatives to various boards and authorities including the National Electricity Board, the EPF Board, the Penang Port Commission, Housing Trust and Railway Board. The number of workers' representatives on such boards is determined by the constitution of the respective boards or authorities. This is reviewed whenever the need to do so arises.

USUL

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, persidangan Dewan Ra'ayat hari ini hendak-lah di-teruskan hingga pukul 7.30 malam.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, persidangan Dewan Ra'ayat hari ini hendak-lah di-teruskan hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² (PINDAAN) RUMAH JUDI AM

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Rumah Judi Am, 1953 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

USUL

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan ber-banyak² shukor dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga." (10hb Mach, 1971).

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat masa-nya hari ini sahaja yang terbuka untuk beruchap. Pada esok hari Menteri² akan menjawab. Jadi, kalau hendak di-ratakan perbahathan, saya minta-lah Ahli² Yang Berhormat beruchap pendek². Pendek² kata saya itu tidak lebeh daripada sa-tengah jam. Kalau hendak beruchap panjang juga saya akan hentikan.

Perbahathan di-sambongan sa-mula.

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bermohon menyampaikan ucapan tahniah dan ribuan terima kaseh ka-atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sa-bagai mengambil sempena pembukaan Meshuarat Dewan Ra'ayat baharu² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kebenaran untuk berchakap dalam bahasa Ingeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to take this opportunity to congratulate the Government for its moral courage in expressing Malaysia's indignation over Britain's decision to sell arms to the racist regime of South Africa. The courage I am referring to is the decision of our Government to pull out of the Eight-Nation Commonwealth Commission recently after the announcement of the British Conservative Government to proceed on to sell arms to South Africa.

I had refused to believe, Mr Speaker, Sir, reports from journalists and diplomats close to the proceedings of the last Commonwealth Conference, mostly foreign, that the British Prime Minister, Mr Heath, showed nothing but contempt for most of the Asian and African delegations. I had refused to believe these reports, because I had always held the British people in high esteem, rational and responsible, especially as leaders in the arena of international politics.

As a keen observer of international politics, I simply fail to see any sensible reason for Britain's defiance of Commonwealth opinions so contemptuously expressed even at the risk of breaking up the Commonwealth itself. I simply fail to see who Mr Heath is really trying to please. Even Canada and even that staunch militarist ally of hers, the United States of America, seem to disagree with Britain's flimsy contention that the arms sale is in the interest of international security against Communism. I can think of only two countries that must be extremely pleased with Mr Heath's decision. One is, of course, the South African regime itself and the other, strange as it may sound, is none other than the Soviet Union.

What distresses me more is the fact that about the only country that has staunchly stood by Britain is Australia, that country in our part of the world which had indicated a realistic wish to associate herself with the aspirations of the peoples of Asia, particularly those of South-East Asia. We have now learned that Australia has got a new Prime Minister. May I, Mr Speaker, Sir, take this opportunity to extend my very best wishes to the new Prime Minister, Mr McMahon, and express my ardent hope that his new Government would reappraise Australia's stand on this issue of relations with the racist regime of South Africa, which is of great concern to the emerging nations of Asia and Africa. We note that Mr Malcolm Fraser had also earlier resigned as Defence Minister and that Mr Gorton now has become Defence Minister. But Mr Fraser has gone on record recently as having reminded opposers of the arms sale, of experiences in history of how the appearance of just a couple of warships near the coast of a country managed to exert influence in international diplomacy.

Needless to say, Mr Speaker, Sir, I am not challenging the Australian ex-Minister's knowledge of history. Indeed, I would like to

remind the present Australian Government—if Mr Fraser's statement still represents her attitude on this subject—that in the study of history the sort of reminder and the sort of analysis given by Mr Fraser comes under the category of what is known as “gun-boat diplomacy”. Mr Speaker, Sir, surely both the British and the Australians do not still cling to that out-dated concept of power by gun-boat diplomacy.

The experience of Vietnam have clearly demonstrated that no number of guns, no number of warships and for that matter no number of helicopters has managed to hold back the spread of Communist influence. The aspirations of most of the peoples of the developing countries are certainly not towards Communism. Neither are we aspiring purely for Western type so-called democracies aping the West blindly. What we aspire for are simply freedom, dignity and peace so that we could develop the best means of achieving a decent standard of living. Similarly, Sir, these are also the aspirations of the peoples of Africa. And when I say the peoples of Africa, I include those ruthlessly oppressed black peoples of South Africa, Rhodesia, Angola and Mozambique.

Britain's decision to sell arms to South Africa and the Conservative Government's failure to assure that no further sales would be made have helped to undo all the goodwill and all the good work done by her in the past in her efforts to alleviate the living conditions of the peoples especially those of the Commonwealth. As far as I can see now, Britain is slowly but surely drifting to the side of racist regimes much despised by Asians and Africans alike. If ever history is to judge one country that has most effectively contributed to the spread of Communist influence in Africa, I am certain, Mr Speaker, Sir, that Britain would occupy the highest position of honour.

Let us hope that good sense would return to the people of Britain. Let us hope that the discouraging racist trends developing within Britain itself, as well as reflected in her conduct in international relations be short-lived. Let us, in this House, express our deep concern over Britain's arrogant and contemptuous stance towards us all, Africans and Asians alike, endangering the survival and the good work contributed by the Commonwealth of Nations.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang telah mengharu saya di-dalam beberapa hari yang lepas ia-lah berkenaan dengan langkah² Kerajaan yang berchadang hendak memperkemaskan kedudukan pelajaran tinggi ditanah ayer kita ini. Maksud saya ia-lah hendak menyentoh Ordinan 74 yang baharu² ini telah di-luluskan oleh Majlis Gerakan Negara.

Saya berdiri berchakap pada hari ini dengan penoh minat dan perasaan tanggungjawab. Saya berdiri berchakap berasas kapada pengalaman² yang telah saya dapati apabila saya bertugas beberapa tahun dahulu di-kalangan pergerakan² pelajar di-perengkat² national dan international serta sa-bagai sa-orang yang maseh rapat dengan lapangan akademik pada masa ini.

Dari pehak pemerintah sa-suatu negara ideal-nya ia-lah untuk sa-sabuah pusat Pelajaran Tinggi menggembelingkan segala tenaga-nya ka-arrah soal² akademik dan pelajaran sahaja dengan tidak mengganggu pehak pemerintah dalam soal² politik, terutama sa-kali politik yang menyebelahi sa-suatu pehak. Dari pehak Pusat² Pelajaran Tinggi pula, termasuk pelajar² serta maha²-guru-nya sa-kali, ideal-nya ia-lah supaya konsep otonomi Pusat² Pelajaran Tinggi, terutama sa-kali di-universiti², di-pertahankan dengan tidak ada gangguan daripada mana² pehak terutama sa-kali pehak pemerintah. Sa-bagai sa-orang realis, saya tidak perchaya bahawa hanya satu sahaja daripada kedua² ideal ini boleh di-terima. Negara kita tidak sama dengan negara² Barat dan kita tidak sa-harus-nya mengikut konsep otonomi universiti yang di-anuti di-Barat.

Walau bagaimana pun ada suatu konsep yang tidak dapat di-pisahkan dan di-bezakan di-antara keadaan kita dengan keadaan di-Barat. Konsep ini ia-lah konsep “Academic Research” atau “pengkajian akademik.” Sa-suatu pengkajian akademik tidak berm'ana dan tidak berkesan sa-kira-nya kajian² itu tidak di-buat dengan beranalisa dan kritikal.

Di-Fakulti Sastera dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran di-Universiti Malaya mithalnya, Tuan Yang di-Pertua, telah bagitu banyak tugas² kajian yang telah di-berikan kapada pehak² pelajar dan juga sa-tengah² guru pada masa² yang lepas dan pada masa² yang akan datang. Ada kajian² yang tetap

akan menyentuh perkara² yang boleh ditafsirkan sa-bagai perkara² sensitif atau sa-bagai menyebelahi sa-suatu pihak parti politik atau kumpulan² luar daripada universiti itu sendiri. Dan di-dalam proses membuat kajian² ini terpaksa-lah juga kedua² pihak pelajar² dan guru² memberi pendapat² yang berasas analisa dan kritikal yang boleh di-pandang sa-bagai melanggar undang² negara kita yang baharu sahaja kita luluskan berhubung dengan soal² sensitif dan Ordinan 74 itu.

Keraguan² dan ketakutan² di-kalangan masyarakat akademik ini sangat-lah berat di-pandang oleh mereka. Saya berharap dapat-lah kira-nya pihak² yang berkenaan daripada Kerajaan menerangkan kedudukan yang sa-benar-nya dan sa-kira-nya ditafsirkan perlu—saya sendiri fikir perlu, Tuan Yang di-Pertua—memberi jaminan kepada pihak² masyarakat akademik di-negeri kita ini bahawa kedua² undang² yang ada itu tidak termasuk dan tidak terkena kepada kajian² akademik. Penjelasan ini sangat-lah mustahak, oleh sebab saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, pun ada beberapa pelajar di-bawah penyeliaan saya yang menanti²kan-nya.

Di-kalangan pergerakan Persatuan² Pelajar pula, Tuan Yang di-Pertua, ada suatu lagi keraguan. Keraguan ini ia-lah berhubung dengan seksyen 50 dalam perlembagaan yang termaktub dalam Ordinan 74 di-mana nampak-nya sa-suatu Badan Pelajar dan sa-suatu Universiti (termasuk-lah Majlis Perwakilan Pelajar yang di-chadangkan itu) tidak di-beri kebenaran untuk bergabung dengan mana² pertubuhan luar. Saya bersetuju bahawa sa-suatu Badan Pelajar tidak-lah sa-harus-nya bergabung dengan sa-suatu Badan Politik atau Kesatuan² Sekerja. Tetapi nampak-nya seksyen ini telah menyekat juga Badan² Pelajar daripada bergabung dengan Badan² Pelajar yang lain untuk menubuhkan satu Badan Pelajar perengkat nasional.

Mengikut pengetahuan dan pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada suatu negeri pun di-dalam dunia ini yang tidak ada kesatuan pelajar² perengkat nasional masing². Malahan Kesatuan² Pelajar di-mana² negeri itu telah dapat memainkan peranan mereka dengan begitu berkesan di-dalam usaha² pembenaan masyarakat. Dan sa-tahu saya di-Malaysia ini Kesatuan² Pelajar perengkat nasional seperti Persatuan Kebangsaan Pelajar² Islam sa-Malaya dan

Persatuan Kebangsaan Pelajar² Malaysia telah memainkan peranan mereka di-arena kebajikan masyarakat dengan begitu bertanggung-jawab.

Saya tahu bahawa memang ada pelajar² bersendirian yang begitu aktif bermain politik hinggakan mereka telah ketinggalan dalam pelajaran akademik masing². Pelajar² itu sendiri-lah yang akan sedar pada masa hadapan kelak akan kerugian di-atas kegiatan² mereka yang luar daripada akademik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya merayu kepada Kerajaan supaya hujjah² saya ini di-pertimbangkan dengan teliti untuk kepentingan masa hadapan kedudukan Pelajaran tinggi di-negara kita ini.

Akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertanggung-jawab menyebutkan di-sini beberapa hal berhubung dengan kejadian banjir yang telah melanggar negara kita baharu² ini. Kalau di-tanya kawasan manakah yang terok sa-kali di-landa banjir di-negeri Johor, dengan tidak menanti² lagi jawab-nya ia-lah Segamat. Banjir telah menyebabkan kehilangan harta-benda terutama sa-kali di-kalangan orang² miskin di-kampung² dengan begitu terok-nya. Saya menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah dapat memberikan pertolongan kepada ra'ayat dengan begitu chepat dan chekap.

Di-dalam hal ini saya suka mengambil kesempatan di-sini untuk menguchapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua mereka yang telah bertungkus lumus membantu ra'ayat jelata di-dalam masa banjir dahulu. Uchapan tahniah dan terima kasih ini saya tujukan juga dengan istimewa-nya kepada pihak Tentera dan Polis. Jangalah mereka hendak sejok hati bila mendengar kritik² ka-atas mereka yang di-lemparkan oleh sa-tengah² pihak. Saya yakin kritik² yang telah di-buat itu ia-lah berhubung dengan keadaan² terpenchil.

Saya telah nampak dengan mata kepala sendiri di-Kuala Lumpur dan di-Segamat di-mana pihak² Tentera dan Polis telah bertugas dengan tekun dan penoh bertanggung-jawab tidak mengira keadaan chuacha atau siang malam.

Di-Segamat sendiri saya sangat tertarek atas ketekunan Pasokan² Tentera yang ada juga beberapa orang yang saya nampak terkokol² kesejokkan sa-telah berkhidmat

bagitu lama di-dalam hujan dan panas dan mereka ini telah terus menjalankan tugas masing².

Itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang di-katakan semangat berjasa. Dan, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah juga yang di-katakan semangat berkhidmat.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan sa-tinggi tahniah dan ribuan terima kaseh di-atas Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda pada masa membuka meshuarat Dewan Ra'ayat yang lalu dan di-samping itu saya suka mengambil kesempatan di-dalam beberapa perkara yang terkandung di-dalam Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Dalam Uchapan Titah Baginda telah di-tegaskan Kerajaan untuk melateh belia² di-negara kita ini untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang sempurna. Masalah penganggor di-negara kita ini di-kalangan belia, saya fikir memang harus mendapat perhatian yang teliti dan di-ikuti pula dengan tindakan yang tegas memandangkan jumlah kaum belia di-negeri kita ini yang bagitu ramai ia-itu lebeh kurang 60%.

Kerajaan harus beri keutamaan kapada ranchangan latehan kemahiran berbagai belia² ini. Saya melihat masaalah ini dalam dua segi ia-itu putus asa. Pertama-nya penganggoran yang meluas mungkin membawa kapada kegelisahan dan di-kalangan belia dan keadaan saperti ini senang sahaja meletuskan kekacauan yang tidak kita ingini. Dengan pehak Kerajaan memberi mereka latehan, maka dapat-lah mereka mengaleh dan memandangkan perhatian mereka kapada aktiviti yang berguna kapada bangsa dan negara.

Kedua kadar perkembangan perusahaan di-negeri ini berkehendakan tenaga yang mahir. Oleh yang demikian, jika pehak Kerajaan dapat mengadakan tenaga ini bersama² dengan kemudahan² perusahaan yang lain sudah tentu kita dapat menarek pelaburan dari dalam dan di-luar negeri, dan mempercepatkan lagi kadar perkembangan perusahaan itu untuk menchapai tujuan² dan saya kemukakan dua shor.

Pertama, Kerajaan Negeri dan Pusat harus memberi segala kemudahan kewangan dan lain kapada badan² yang ada sekarang ini.

Menjalankan ranchangan latehan kemahiran untok belia². Ranchangan latehan MARA umpama-nya harus di-perkembangkan lagi untok menampong lebeh lagi belia yang berkehendakkan latehan.

Kedua, Kerajaan sendiri terutama-nya sa-kali Kerajaan Negeri harus mengadakan ranchangan²-nya sendiri untok menambah usaha² yang telah di-jalankan. Kita harus sedar bahawa dengan kadar penambahan penduduk sa-banyak 3%, masaalah ini akan menjadi lebeh rumit lagi dalam tahun yang akan datang. Jadi, saya menyeru supaya Kerajaan mengambil langkah yang tegas dan meliputi di-dalam usaha membasmi penganggoran di-Malaysia ini. Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, untok membasmi penganggoran di-kalangan belia. Saya meminta pehak Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan menimbangkan sa-mula tentang pembayaran chukai rumah² toll di-dalam negeri Johor ia-itu daerah Muar dan Batu Pahat, yang mana toll² ini di-kenakan bayaran saperti kereta² dari 80 sen hingga \$2 manakala lori² daripada \$3 hingga \$5 ia-itu mengikut besar dan berat-nya bayaran yang di-kenakan kapada orang² yang lalu lintas di-atas kedua² toll ini. Boleh di-katakan bayaran yang paling tinggi sa-kali kalau di-bandingkan di-negara yang lain. Penentangan chukai toll ini telah banyak menimbulkan sungutan dari orang ramai sejak dari awal dahulu dan saban hari penentangan terhadap chukai ini sa-makin mendadak datang-nya dari semua para lalu-lintas yang menggunakan kedua² jambatan ini. Masaalah yang nyata sekarang, Tuan Yang di-Pertua, yang berpuncha dari chukai toll ini juga bahawa terdapat ramai dan boleh di-katakan semua ahli² perusahaan dan perdagangan tidak mahu mendirikan firma² atau kilang² serta pusat² perusahaan di-kedua² daerah ini. Perhatian dan minat pakar² ahli perniagaan berpaling ka-tempat² lain sa-mata² untok melepaskan diri mereka dari belunggu chukai ini yang sendiri kita ma'alum tidak mendatangkan satu apa pun keuntungan kapada mereka. Andai-nya Kerajaan ingin melihat perusahaan di-dirikan bersaing di-mana² tempat di-negara kita ini, saya harap Kerajaan dapat menimbangkan sa-mula atas kedua² membayar toll ini supaya di-hapuskan. Dengan chara bagini saya perchaya sa-bahagian penganggor dari kalangan belia dapat di-hapuskan kerana ahli² perusahaan dan perdagangan tidak ragu² mendirikan firma² atau kilang² serta pusat² perusahaan di-kedua² daerah ini.

Maka dengan ini tercapai-lah tujuan Kerajaan yang membela nasib kaum belia.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam segi pelajaran di-mana Kerajaan perlu mengambil perhatian ia-lah tentang kesulitan² yang sering berlaku dan di-hadapi oleh pelajar kita di-masa ini. Di-sini perlu saya tegaskan ia-itu pelajar yang saya maksudkan ini ia-lah pelajar² yang sedang menuntut di-sekolah² menengah Melayu di-dalam Tingkatan Enam Atas mahu pun Tingkatan Enam Rendah. Kesulitan yang amat berat yang mendatangkan kegelisahan di-kalangan pelajar² yang mana mereka itu terpaksa mengambil peperiksaan mata pelajaran ia-itu Pengetahuan 'Am di-dalam bahasa Inggeris. Bagi pihak ibu bapa dan pelajar² merasa tidak puas hati atas sikap Kerajaan mewajibkan mereka berbuat demikian. Kita sudah sedia ma'alum bahawa pelajar² dari sekolah kebangsaan itu sejak dari darjah rendah telah di-didek dan di-semai dengan pengetahuan di-dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Bahasa Inggeris hanya merupakan masalah satu pelajaran yang di-wajibkan. Itu pun di-ajar sa-takat rendah sahaja. Dari itu tidak-kah Kerajaan berfikir bahawa dengan pengetahuan bahasa yang berkurangan itu, pelajar² itu tidak dapat mengeluarkan isi² dan pendapat² yang baik sa-taraf dengan yang di-kehendaki. Terutama di-waktu peperiksaan di-mana masa untuk berfikir itu terlalu pendek. Tentu-lah sa-kali pelajar² ini tidak dapat kebolehan mereka sa-chara pelajar² yang memang menuntut semenjak awal di-dalam sekolah² Inggeris.

Ada-kah Kerajaan sedar di-dalam hal ini. Dan ada-kah Kementerian yang berkenaan ingin memberi kesempatan dan chuba mengatasi masalah kerumitan² dan kesulitan yang di-hadapi oleh pelajar² itu, dan apa akibatnya kepada pelajar² ini kelak jikalau kepedahan dan jeritan mereka tidak di-indahkan. Mereka yang telah bermudtela'ah dengan bersungguh² dan mempunyai penoh harapan untuk lulus akan serta-merta merasa kechewa dan putus asa bila mengetahui apa yang menggagalkan mereka ia-lah kelak di-dalam mata pelajaran Pengetahuan 'Am mereka itu. Pelajar yang terkandas sa-chara ini akan lebeh rosak hati-nya, hingga hilang keperchayaan kepada diri sendiri dan lemah inisiatif-nya dan inisiatif-nya untuk maju kahadapan tidak dapat di-nafikan bahawa mereka yang mendapat keperchayaan di-

dalam mata pelajaran ini juga di-beri tempat di-universiti. Tetapi kita mesti kaji perasaan pelajar² itu dari segi saikoloji, walau pun mereka yang gagal di-dalam General Paper berpeluang memasuki universiti dan boleh melanjutkan pelajaran ka-peringkat yang tinggi. Tetapi tentu mereka merasa complex bila bertanding dengan pelajar² lain yang mendapat pula complex dan apa pula jadi-nya kepada mereka yang tidak dapat terus melaksanakan chita²-nya di-sebabkan kegagalan-nya. Tentu hal ini akan membunuh semangat serta harapan mereka untuk menghadapi dunia penghidupan dengan tabah. Siapa yang di-salahkan di-dalam hal ini. Adakah pelajar itu? Tentu sa-kali tidak. Mereka yang berjaya menduduki Tingkatan Enam boleh di-katakan ada-lah pelajar² yang terdiri dari mereka yang rajin dan mempunyai harapan penoh untuk maju. Di-mana-kah dudok-nya kesalahannya? Saya rasa Kerajaan dapat menyelam lebeh dalam lagi akan perkara itu. Dari itu sa-chara ringkas saya berharap pihak Kerajaan dapat menimbang-kan seruan saya supaya mata pelajaran Pengetahuan 'Am itu di-adakan di-dalam bahasa Kebangsaan atau pun Inggeris rendah demi untuk kepentingan pelajar² kita, kerana kalau hal itu tidak di-ambil berat, sa-lama itu-lah akan terdapat peratusan kegagalan besar di-kalangan anak Melayu kita.

Tuan Yang di-Pertua, di-bawah Rancangan Pertanian yang di-ranchangkan oleh Kerajaan, saya juga ingin turut membincangkan, terutama sa-kali dalam masalah kaum tani ia-itu tenaga penting yang kita semua tahu menjadi tulang belakang kepada negara² yang telah maju. Tetapi bak kata pepatah: sa-kali ayer pasang sa-kali pantai berubah. Sa-kali di-landa banjir sa-tahun ranchangan ra'ayat pa'tani kita musnah. Yang demikian sudah-lah menjadi kenyataan bahawa banjir melumpuhkan harapan ra'ayat hidup di-atas usaha berchuchok tanam. Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya kejadian² banjir yang berlaku di-sakitar tanah ayer kita ada-lah menjadi masalah yang besar dan berat yang terpaksa di-pikul bersama oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Yang demikian pada keseluruhan-nya perhatian kita ada-lah tertumpu kepada susah payah yang di-pikul oleh Kerajaan sa-mata². Sedangkan di-pihak ra'ayat yang menderita kerugian harta benda, kehilangan rumah tangga, terjejas mata pencharian-nya. Tidak dapat hendak kita menilaikan perasaan hampa dan kechewa mereka.

Betapa tidak saya katakan bagitu. Mithalnya bagi sa-orang hamba Allah yang berusaha berchuchok tanam, berkebun atau bersawah. Sa-elok²-nya usaha mereka hendak menchapai kejayaan datang-lah banjir memunsahkan segala harapan. Sa-kali pun mangsa² banjir ini di-beri bantuan atas kadar namun tanaman² mereka tetap hilang dan musnah belaka. Jadi, dengan sebab itu izinkan saya menyampaikan rayuan kepada pehak Kementerian yang berkenaan juga memohon pertimbangan dan sokongan daripada Kerajaan supaya ranchangan jangka panjang bagi peraliran ayer di-Johor Barat yang di-berikan peruntukan sa-banyak \$120 juta itu di-jadikan jangka pendek sahaja supaya di-segerakan usaha² mengerjakan-nya. \$120 juta memang besar bunyi-nya jika di-perkatakan sa-kali gus, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, beratus² yang Kerajaan telah tiap² tahun berbelanja tiap² kali banjir menyerang Kerajaan tidak nampak banyak-nya, dan berulang² kali ra'ayat yang berchuchok tanam mengalami kemusnahan; betapa besar rugi-nya mereka?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di-dalam berkenaan dengan projek pengaliran ayer atau pun projek perparitan di-Johor Barat ada-lah mengandongi kawasan pertanian sa-luas lebeh kurang 300,000 ekar dan 200,000 ekar sudah di-tanam dengan getah, kelapa sawit dan padi, dan 100,000 ekar lagi ia-lah kawasan baharu mukim yang terlibat ia-lah mengandongi 12 mukim.

Penduduk² di-dalam kawasan tersebut yang mengandongi 12 mukim ini, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah Daerah Batu Pahat dan juga Daerah Batu Pahat Dalam yang di-wakili oleh saya sendiri. Penduduk di-dalam kawasan tersebut lebeh kurang 268,000 orang, 75% Melayu, 25% China hanya 3% India. Sa-bahagian besar projek yang di-chadangkan ini telah mengalami banjir di-dalam bulan Januari 1969, hingga 1971, dalam-nya ayer tinggi sa-banyak tiga kaki hingga enam kaki tidak kurang dari tiga minggu lama-nya terpendam di-situ. Dan orang yang telah di-pindahkan ka-pusat pemindahan di-dalam tahun 1971 di-dalam Daerah Batu Pahat dan di-Batu Pahat Dalam termasuk kawasan saya sendiri ia-itu berjumlah 11,000 orang. Anggaran pelaksanaan ranchangan ini berjumlah 120 juta ringgit. Pelaksanaan projek ini akan menghilangkan kejadian banjir yang telah di-alami dari sa-tahun ka-satahun dan keluaran hasil dari kawasan tersebut akan bertambah.

Dan lagi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan Benteng Sungai Lurus. Pantai yang berjadi² di-antara Sungai Lurus dan Sungai Sengkarang. Dan yang paling terok sa-kali ia-lah di-antara Parit Terus dan Sungai Lurus. Benteng ini telah di-pindahkan sa-kali lebeh kurang 8 tahun dahulu dan lapisan pantai maseh berjalan terus, dan pada hari ini benteng yang ada itu pun sudah pun pechah di-pukul gelombang, laut dan pantai yang dashat. Jabatan Parit dan Taliayer telah mendapat peruntukan sa-banyak \$200,000 untuk membena Timbok Batu Belubor ya'ani di-dalam Sangkar dan sa-belum pekerjaan ini siap tempat² lain pula telah di-ancham oleh gelombang.

Kawasan yang mendapat faedah di-dalam kawasan ini tidak kurang dari 5 ribu ekar tanah yang di-tanam dengan getah dan kelapa. Penduduk di-situ tersangat gelisah di-atas kejadian ini. Jabatan Parit dan Taliayer telah pun membuat peruntukan dan peranggaran lebeh kurang 1½ juta untuk membaiki-nya. Ini pun, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, belum memadai.

Pekerjaan menahan pantai ini dapat di-jalankan maka kawasan sa-luas 5,000 ekar yang subur di-tanam dengan getah dan kelapa itu dapat-lah di-selamatkan dan penduduk² di-situ dapat-lah dudok dengan tenteram dan saya ada-lah berharap supaya projek ini juga Kerajaan mengambil perhatian berat, kerana saya selalu sahaja di-tumpukan desakan ra'ayat² yang terlibat dan mengalami penderitaan mengenai dengan tanaman² mereka yang menjadi musnah di-sebabkan benteng pechah dan ayer mengalir di-dalam kebun² mereka hingga berbulan² dan berminggu² menjadikan pokok² dan tanaman² mereka habis musnah.

Mengenai persawahan pula, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di-dalam kawasan saya juga ia-itu mengandongi sa-luas 3,000 ekar pada masa ini tanaman padi di-sawah itu bergantung kepada ayer hujan sahaja. Jika ada ayer hujan menchukopi, maka berjaya-lah pesawah² itu dan jika ayer hujan tidak menchukopi, maka tidak-lah pesawah² itu dapat apa² pun. Terkadang² pada awal musim menanam, hujan ada menchukopi dan apabila pesawah² telah mengubahkan anak² padi-nya hujan berhenti dan sawah-nya menjadi kering, dan anak² padi habis mati.

Pada masa ini Kerajaan ada menyediakan satu sekim yang dengan di-bena dua pintu kawalan di-Parit Olak Batu dan Parit Seri

Pandan dan walau bagaimana pun kawasan ini bergantung bekalan ayer-nya daripada ayer hujan, dan bekalan ini tidak-lah dapat di-tentukan. Satu chadangan hendak membena satu ampangan ayer di-sabelah Ulu Sungai Semerong yang memakan belanja \$5 juta telah di-chadangkan untuk membekalkan ayer kepada pesawah² yang tersebut. Jikalau projek ini dapat di-laksanakan, saya perchaya pesawah² di-Asam Kebok ini dapat-lah menikmati kemewahan hidupan-nya. Saya sa-bagai Wakil Ra'ayat yang telah di-amanahkan oleh ra'ayat di-dalam kawasan yang tersebut ada-lah mengharapkan supaya projek yang tersebut akan dapat di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin, dan jangan-lah hendak-nya Kerajaan akan memikirkan peruntukan yang bagitu besar tidak ada ekonomi dan tidak lojik. Kalau di-bandingkan dengan hasil yang di-perolehi, tetapi kita hendak-lah memandang kemahuan ra'ayat dan usaha yang telah di-usahakan oleh ra'ayat, supaya merupakan satu² kemahuan yang mendapat sokongan dan perhatian daripada pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di-dalam Uchapan Titah Kerajaan ada menitek-beratkan di-atas ranchangan pertanian. Ra'ayat di-dalam kawasan Batu Pahat Dalam ada-lah mengandongi lebeh daripada 100,000. Lebeh daripada 90 peratus ada-lah berusaha sendiri sa-bagai kaum tani, kaum nelayan dan kaum ternakan, sadikit sahaja bilangan yang bekerja sa-bagai kakitangan Kerajaan. Tetapi apa yang mendukacitakan, keseluruhan penduduk² di-dalam kawasan itu, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ia-lah segala apa yang di-usahakan mereka selalu sahaja gagalkan dengan sebab tiga projek yang saya sebutkan tadi. Dan saya perchaya sa-kira-nya tiga² projek ini dapat di-segerakan pelaksanaannya bukan sahaja penduduk di-dalam kawasan ini dapat hidup lumayan, tetapi juga akan merupakan sa-buah daerah yang banyak mengeluarkan hasil mahsol untuk di-bawa keluar negeri. Dengan ini saya berharap Kerajaan akan mempercepatkan segala peruntukan yang saya kemukakan di-dalam Dewan ini demi kepentingan ra'ayat dan negara kita.

Dato' Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjong sa-tinggi² kaseh dan tahniah terhadap Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong. Dan saya suka mengambil peluang ini mengulas sadikit Titah Uchapan Seri Paduka Baginda itu yang berkenaan dengan Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Seri Paduka Baginda telah bertitah bahawa untuk suatu masharakat lebeh adil maka Kerajaan telah menggubal satu dasar ekonomi yang dinamik dan praktik yang akan di-laksanakan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua. Ini ada-lah sa-sunggoh-nya, Dato' Yang di-Pertua, satu dasar yang bijak kerana saya yakin pembasmian keadaan ekonomi yang tidak sa-imbang di-kalangan kaum² di-negeri ini ada-lah sharat yang harus di-penuhi lebeh dahulu bagi sa-barang dasar untuk menyampai perpaduan negara.

Pemerhati² ekonomi dan masaalah² kemasharakatan Malaysia yang boleh di-pertanggung-jawabkan ia-itu orang² yang minat-nya jujur terhadap Malaysia berpendapat bahawa satu daripada sebab² besar timbul-nya kekachauan Mei 1969 dan ketegangan yang berlanjutan sa-telah kejadian itu ia-lah perasaan dan kebimbangan yang mendalam di-hati kaum yang tidak berada bahawa mereka akan tinggal mundur dalam lapangan ekonomi dan tertekan daripada mengambil bahagian dan penyertaan dalam bidang pengeluaran atau pun productivity yang tinggi dan modern dalam negeri ini. Ada kemungkinan besar bahawa jurang tidak sa-imbang dalam pengeluaran dan pendapatan di-antara kaum akan bertambah luas kerana perkembangan yang pesat di-bidang atau sector modern, khusus-nya perindustrian, yang menerima galakan dari Kerajaan menerusi bantuan² yang berupa pengechualian dari chukai atau tax holidays, kelonggaran tarif atau tarif concession, perlindungan dan sa-bagai-nya melainkan jika perkara ini di-kaji dan di-ubah dengan memasokkan lebeh banyak lagi ahli² yang mahir di-dalam perdagangan dan buroh bumiputra dalam sector modern ini. Tambahan pula sector modern ini dengan pengetahuan dan keahlian teknik-nya atau technical know-how, hak milek dan pengawasan-nya ada-lah mengechualikan penyertaan bumiputra, yang demikian melanjutkan lagi ketidaksetabilan di-antara kaum.

Dasar ekonomi baharu bagaimana yang di-Titah oleh Seri Paduka Baginda ada-lah satu usaha hendak menghapuskan puncha kekachauan di-masa hadapan. Sa-sunggoh-nya ini ada-lah satu ikhtiar untuk mencapai

objective perpaduan negara di-kalangan berbagai kaum. Dasar ekonomi baharu ini menggambarkan ikhtiar untuk mencapai perkembangan ekonomi yang pesat untuk mengadakan peluang² pekerjaan dan persaingan ekonomi yang lebih baik di-antara kaum². Analisa² yang di-jalankan hari ini menunjukkan bahawa negara kita ada kemampuan untuk mencapai ketiga² matlamat ini. Yang demikian ada-lah perlu bahawa alat atau jentera perancang Kerajaan seperti Badan atau Jabatan Perancang Ekonomi atau Economic Planning Unit, Perbendaharaan, Bank Negara, MIDF dan FIDA hendak-lah mengemukakan kepada Kerajaan rancangan yang sungguh², matlamat² dan projek² bagi penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan hendak-lah di-masukkan ka-dalam buku Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Perkataan² yang samar² dan nasihat² atau janji² yang di-laong²kan mengenai penyertaan bumiputera dan membantu bumiputera di-bidang atau sector modern negeri kita ini dengan tidak ada projek² yang tegas dan dari pelaksanaan² yang benar², hanya-lah menimbulkan harapan² dengan tidak ada hasil² yang nyata di-kalangan bumiputera sambil menggambarkan keseimbangan dan kewaspadaan di-kalangan bukan bumiputera. Ini akan membawa kepada keadaan tidak puas hati di-kalangan penduduk² bumiputera dan penduduk² bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai langkah segera ka-araf pelaksanaan dasar ekonomi baharu ini badan² Kerajaan yang di-katakan government agencies sendiri hendak-lah memberi contoh dengan memulakan memberi pekerjaan yang lebih banyak kepada bumiputera dalam perkhidmatan-nya. Saya tujukan khas kepada badan² atau agency² seperti Penerbangan Malaysia (Malaysian Airways), MIDF, FIDA, EPF, Keretapi Tanah Melayu, Pusat Penyelidikan Getah atau Rubber Research Institute, Perbadanan Perkapalan Kebangsaan, Malayawata dan lain². Badan² ini-lah sa-patut-nya mengambil langkah memberi pekerjaan kepada bumiputera di-semua peringkat dalam perkhidmatan-nya. Jikalau badan² Kerajaan seperti ini sendiri tidak mengambil pekerja² bumiputera bagaimana-kah kita hendak harapkan bidang swasta menyahut seruan dasar ekonomi baharu ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh pelaksanaan, bukan dasar-nya, tetapi pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran baharu² ini telah membuat pengumuman mengenai rancangan Kementerian-nya untuk masa lima tahun akan datang. Rancangan² itu pada hemat saya mempunyai 4 tujuan yang utama :

- (i) membangun dan memperkuat sistem pelajaran sa-bagai menyokong keseluruhan objective yang telah diranchangkan untuk mengujudkan perpaduan kebangsaan,
- (ii) memperbaiki keadaan yang tidak seimbang dalam pelajaran, peluang² dan bahan² di-antara kawasan² bandar dan luar bandar,
- (iii) berusaha melaksanakan terus bahasa kebangsaan,
- (iv) memperbaiki sistem pelajaran di-kedua² aspek quality dan quantity di-semua peringkat supaya memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara,

dan dalam usaha-nya mencapai matlamat² ini Yang Berhormat Menteri tersebut telah menerangkan bahawa Kementerian-nya akan meneruskan tindakan yang di-ambil atau telah di-ambil oleh Menteri Pelajaran sebelum-nya ia-itu Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub menjadikan bahasa Malaysia sa-bagai bahasa pengantar di-semua sekolah rendah kechuali bahasa Inggeris mula² 1970 dan selanjut-nya beliau telah mengumumkan tindakan² yang akan di-ambil-nya :

- (1) mula² tahun 1972 semua Tingkatan I akan di-ajar mata² pelajaran berikut dalam bahasa Malaysia ia-itu mata pelajaran pendidekan jasmani, civic, music, lukisan dan kerja tangan;
- (2) mula² tahun 1973 semua Tingkatan I akan di-ajar semua mata pelajaran melainkan Ilmu Hisab dan Sains dalam Bahasa Malaysia.

Dengan ini berma'ana pada tahun 1977 pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia akan di-adakan dalam bahasa Malaysia seluruh-nya melainkan bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains. Dengan ini juga berarti pelajaran² yang masok ka-Universiti dalam tahun 1980 ada-lah mereka yang mendapat pendidekan dalam bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun tujuan atau objective² yang mahu di-chapai itu baik sa-kali, akan tetapi saya sangat² ragukan jika tindakan² itu mungkin mencapai matalamat tersebut malahan kalau di-teliti dengan halus akan ternyata bahawa tindakan² itu membawa implikasi yang burok dan bertentangan langsung dengan tujuan² yang saya sebutkan tadi.

Persoalan yang pertama yang timbul dari rancangan Kementerian Pelajaran itu ia-lah mengapa Ilmu Hisab dan Sains di-pilih sa-chara istimewa untuk di-ajar dalam bahasa Inggeris, apa-kah bahasa Malaysia tidak layak, tidak ada kemampuan untuk di-gunakan sa-bagai bahasa pengantar untuk ilmu² tersebut? Barangkali alasan yang di-berikan ia-lah kekurangan guru. Tetapi perlu ditanya pula kalau rancangan latehan² guru dalam mata² pelajaran lain boleh di-adakan, maka tentu-lah boleh juga di-adakan latehan guru bagi dua mata pelajaran tersebut.

Jadi, kesimpulan yang dapat di-lihat ia-lah soal ini terletak kepada sikap mereka yang bertanggung-jawab menjalankan jentera pelajaran.

Kalau mereka perchaya bahawa bahasa Malaysia itu dapat dan perlu di-gunakan sa-bagai bahasa pengantar untuk Ilmu Hisab dan Sains, maka sudah tentu ia akan mengambil tindakan² yang menuju ka-arrah itu. Implikasi yang paling burok dari tindakan Kementerian Pelajaran, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah bahawa untuk sa-lama²-nya bahasa Malaysia tidak akan menjadi bahasa sains dan teknologi. Ini akan menjadi hanya bahasa kebudayaan dan bahasa kesusasteraan, tidak bahasa perdagangan dan sains.

Jadi, dengan itu usaha melaksanakan objektif yang ketiga yang saya sebutkan tadi daripada chita² dasar pelajaran itu sudah tentu akan gagal. Kalau hanya sa-takat menempatkan bahasa Malaysia sa-bagai bahasa kebudayaan dan pentadbiran, maka kita tidak melihat ini suatu kemajuan pada tingkat perkembangan sekarang ini. Sejak bertahun² yang lampau bahasa Malaysia sudah pun menjadi bahasa kebudayaan dan bahasa pentadbiran. Tujuan yang harus di-chapai sekarang ini apabila kita berkata² mahu mendauletan bahasa itu ia-lah memberikan-nya nilai² yang moden, nilai² yang menjadi dasar pergerakan dunia moden hari ini ia-lah nilai² ekonomi, sains dan nilai teknologi. Amat di-sayangkan bahawa rupa²-

nya ini tidak menjadi tujuan dari pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan Kerajaan sekarang ini.

Tujuan yang kedua dari pelaksanaan Dasar Pelajaran ini di-katakan ia-lah untuk memperbaiki keadaan yang tidak sa-imbang dalam pelajaran, peluang² dan bahan² di-antara kawasan² bandar dan luar bandar. Kita tahu sa-bahagian besar daripada bumi-putra berada di-luar bandar. Anak² mereka pergi bersekolah di-luar bandar dengan menggunakan bahasa pengantar bahasa Malaysia. Ilmu Hisab dan Sains dan Bahasa Inggeris ada-lah agak asing bagi mereka kalau di-bandingkan dengan teman² mereka yang lebeh bernasib baik di-bandar² dan kota² besar. Tindakan mengajar Ilmu Hisab dan Sains ini dalam bahasa Inggeris, akan menjauhkan lagi kedua² matapelajaran yang di-anggap penting oleh dunia moden ini daripada murid² ini. Mereka lemah dalam bahasa Inggeris. Ini suatu kenyataan. Mereka harus lebeh dahulu mengatasi bahasa ini. Kemudian mereka harus mengatasi kelemahan mereka yang lain lagi, mempelajari Ilmu Sains dan Ilmu Hisab. Dan pelajaran ini akan di-sampaikan dalam bahasa yang mereka belum faham baik sa-chara lisan mahu pun tulisan. Pendek kata, Dato' Yang di-Pertua, tindakan ini bukan akan mende-katkan mereka yang di-luar bandar ini dengan Sains dan Ilmu Hisab tetapi akan lebeh mempersukar mereka mempelajari ilmu² tersebut. Apa-kah ini tindakan yang di-katakan mahu memperbaiki keadaan yang tidak sa-imbang di-antara pelajar² di-kawasan bandar dengan pelajar² di-luar bandar?

Kemudian timbul pula masalaah bagi pelajar² yang masok darjah satu dalam tahun 1970 ia-itu tahun lepas. Mereka ini di-ajar semua pelajaran, kechuali bahasa Inggeris, dalam bahasa Malaysia. Mereka ini akan sampai ketingkatan Satu dalam tahun 1976 dan Tingkatan V tahun 1980. Apa akan jadi kepada mereka ini? Sa-lama ini mereka belajar dalam bahasa Malaysia, Inggeris merupakan satu matapelajaran sahaja. Apabila mereka masok Tingkatan Satu dalam tahun 1976, mereka akan terpaksa pula mulai belajar Sains dan Hisab dalam bahasa Inggeris. Sadikit sa-banyak ini tentu akan menimbulkan kesulitan kepada pelajar² tersebut.

Bahawa tindakan² Kementerian Pelajaran ini berusaha untuk tidak menjadikan bahasa

Malaysia dalam bidang Sains dan teknologi lebih jelas lagi kalau kita perhatikan keadaan yang sa-sungguh-nya apabila dipraktikan nanti. Ambil-lah pelajar Sains dalam Tingkatan V mengambil peperiksaan SPM atau Sijil Pelajaran Malaysia. Kerana Sains dan Ilmu Hisab di-ajar dalam matapelajaran Inggeris, maka mereka boleh mengambil Sains Tulin ia-itu Pure Science yang berarti 3 matapelajaran Sains, ia-itu Fisik, Kimia dan Kaji Hayat atau Biologi dalam bahasa Inggeris. Kemudian 2 Ilmu Hisab yaitu, Hisab Umum dan Hisab Tambahan dalam bahasa Inggeris. Kemudian mereka mengambil Bahasa Inggeris. Jadi, 6 dari laman matapelajaran boleh di-ambil dalam bahasa Inggeris. Jelas bahawa bagi pelajar² ini bahasa Malaysia bukan-lah bahasa pengantar utama atau "main medium of instruction". Hanya dua matapelajaran sahaja dari laman yang di-pelajari dalam bahasa Malaysia. Dan keadaan ini akan lebih nyata kalau di-lihat di-tingkatan VI pula. Di-sini mereka akan masuk jurusan sains dan semua pelajaran-nya akan di-ajar dalam bahasa Inggeris. Maka dengan itu kita lihat bahawa sekolah² dalam bandar akan terus melahirkan ahli² sains yang tidak faham dalam bahasa Malaysia. Dan mereka akan masuk universiti, baik dalam mahu pun universiti luar negeri dan kemudian akan menjadi ahli² professional yang tidak faham dalam bahasa Malaysia. Mereka akan terpaksa menggunakan bahasa Inggeris dalam tugas mereka. Sadikit² pengetahuan bahasa Malaysia mereka hanya chukup, kalau dia sa-orang doktor untuk menanyakan apa sakit kepada pesakit-nya dan kalau dia sa-orang engineer, untuk memberi perintah kepada buroh²-nya. Dan pertanyaan-nya ia-lah bila-kah bahasa Malaysia pada pandangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan jadi bahasa sains dan teknologi?

Dan dengan melahirkan dua jenis manusia yang berlainan: ahli² sains, doktor, engineer dan ahli² pertanian yang faham berbahasa Inggeris di-satu pihak dan ahli² sastera dan pentadbir yang faham dalam bahasa Malaysia di-pihak yang lain, apa-kah chorak jurang yang akan timbul nanti dalam masyarakat kita yang sudah di-janjikan aman, damai makmur dan adil? Perbezaan ini akan lebih nyata apabila nanti, gulungan yang satu mempunyai latar belakang luar bandar dan yang lain mempunyai latar belakang kota atau bandar. Dan dengan itu juga akan hancor-lah chita² mahu menyempitkan

jurang perbezaan di-antara yang berada dengan yang tidak berada, di-antara orang desa dengan orang bandar.

Mari-lah kita ikuti akibat dari pelaksanaan ranchangan ini di-perengkat universiti. Kalau pelajar² sains itu tadi masuk ke-universiti luar negeri, maka akan berkekalan-lah mereka dengan sifat ka-Inggerisan mereka. Begitu juga kalau mereka masuk ke-universiti Pulau Pinang, kerana Universiti Pulau Pinang belum ada ranchangan untuk menjadikan Bahasa Malaysia sa-bagai media pengajaran-nya. Apa yang di-usahakan oleh Universiti Pulau Pinang sekarang ia-lah menggalakkan kursus Bahasa Malaysia Saintifik yang di-beri masa dua jam tiap² sa-minggu. Walau pun demikian, patut-lah juga di-hargai usaha Universiti Pulau Pinang pada mengadakan soalan² dalam bahasa Malaysia untuk di-jawab dalam bahasa Malaysia dalam tiap² kertas peperiksaan tahunan-nya. Dalam peperiksaan tahun pertama yang lalu di-adakan baharu² ini peperiksaan ini telah di-ambil oleh kebanyakan mahasiswa bukan Melayu, dan keputusan-nya saya dapat tahu amat memuaskan. Ini membuktikan bahawa Bahasa Malaysia boleh menjadi bahasa sains dan teknologi dan boleh di-ikuti oleh mahasiswa² bukan Melayu. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sendiri pun sa-hingga hari ini tidak pernah mengeluarkan apa² kenyataan tentang penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di-Pusat² Pengajian Tinggi. Jadi nampak-nya masing² Pengajian Tinggi buat ikut suka hati dan inisiatif masing² sahaja. Universiti Malaya mithal-nya telah mengadakan ranchangan² tertentu. Fakulti Sastera telah lama lebih dahulu menjalankan dasar ini. Sekarang fakulti² lain juga mempunyai ranchangan-nya peringkat demi peringkat. Fakulti Sains mithal-nya akan memberikan 70% dari kursus-nya dalam bahasa Malaysia dalam tahun 1982. Fakulti Pertanian semua kursus-nya dalam bahasa Malaysia dalam tahun 1984.

Jadi, tindakan² yang di-ranchangkan oleh Kementerian Pelajaran ini akan dengan sa-chara langsung bertentangan dengan usaha² Universiti Malaya mahu mengubah dengan beransor² bahasa pengantaran-nya dari Inggeris kepada bahasa Malaysia. Pelajar² yang akan masuk ka-Fakulti² Sains, Pertanian, Kejuruteraan, dan Perubatan terdiri dari pelajar² aliran sains yang sejak Tingkatan

V mempunyai hanya dua mata pelajaran dalam bahasa Malaysia dan sa-panjang dua tahun dalam Tingkatan VI tidak punya mata pelajaran dalam bahasa Malaysia. Saya bimbang hal ini akan di-jadikan sa-bagai sebab atau alasan, dan ia merupakan alasan yang lojik sekali, mengapa fakulti² ini tidak perlu mengubah bahasa pengantar-nya. Harus di-ingat bahawa sa-lama ini jumlah pelajar² dari jurusan Melayu yang mungkin banyak itu-lah yang telah mendesak fakulti Sastera, Universiti Malaya untuk mengubah bahasa pengantar-nya selaras pula dengan dasar dan janji Kerajaan.

Dengan ini berarti bahawa apabila dikatakan universiti menggunakan bahasa Malaysia sa-bagai bahasa pengantar-nya, maksud-nya ia-lah Fakulti Sastera dan barang kali juga Fakulti Ekonomi bagi kursus² yang bukan mengenai hisab saperti statistik. Apa akan jadi dengan Universiti Kebangsaan? Pada masa ini kuliah² dalam Fakulti Sains ada-lah di-dalam Bahasa Kebangsaan. Adakah akan menggunakan Bahasa Inggeris pula? Kementerian Pelajaran sa-patut-nya bukan sahaja merancang pelaksanaan Bahasa Malaysia yang berkesan, tetapi membersehhkan penghalang, membersehhkan ranjau² dan batu karang yang mengganggu pelayaran pelaksanaan, Bahasa Malaysia menjadi bahasa sains dan teknologi dan bahasa moden. Dan kerana bahasa ini berhubung erat dengan pemakai pribumi-nya atau natif-nya maka tindakan² Kementerian Pelajaran itu bererti juga menyekat bumi-putra yang sa-bahagian besar-nya berada di-luar bandar daripada menjadi orang² sains dan teknologi dan orang² moden.

Dengan itu, maka nyata-lah bahawa tindakan² yang di-ranchangkan oleh Kementerian Pelajaran itu sama sa-kali tidak selaras dengan tuiuan-nya. Malah pada banyak bahagian bertentangan dengan chita²-nya sendiri. Maka itu perlu-lah dan saya berharap dan saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya melihat sendiri dan merenungkan kembali akibat² daripada tindakan Kementerian itu bukan untuk satu, dua tahun tetapi untuk beberapa jenerasi yang akan datang.

Kesimpulan-nya, kita tidak memerlukan dasar pelajaran yang baharu, tetapi apa yang kita kehendaki ia-lah semangat dan pelaksanaan baharu yang bersunggo² di-atas dasar pelajaran yang telah sedia ada.

Saya suka juga menyentuh sedikit, Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pelajaran Ugama Islam di-dalam sekolah² yang menjadi sa-bahagian daripada Dasar Kebangsaan kita. Saya banyak mendengar rungutan bahawa Pelajaran Ugama terutama di-sekolah² menengah tidak berjalan dengan bagitu baik-nya dan tidak ada penyeliaan atau pemereksaan di-jalankan kepada guru² yang mengajar-nya. Saya suka menhadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran menimbangkan untuk mengadakan Pemereksa² atau Nazir² Khas untuk mata pelajaran Ugama Islam ini. Kita ada mempunyai Jema'ah Nazir tetapi saya tahu tidak ada sa-orang yang ada bertugas untuk menyelia atau memereksa pengajaran Ugama Islam di-sekolah². Walau pun saya mengetahui Ugama Islam ini ada-lah hak Negeri², tetapi yang berhubung dengan pelajaran ada-lah juga tanggung-jawab Kerajaan Persekutuan.

Dalam soal ejaan pula, Dato' Yang di-Pertua, kita dengar baharu² ini banyak pihak² yang chuba mengemukakan sistem ejaan yang baharu, tetapi saya suka-lah menasihatkan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, ia-itu perlu-lah sekarang di-adakan satu Badan daripada Kementerian Pelajaran sendiri dengan di-bantu oleh pihak Universiti² dan Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mengambil satu keputusan sistem ejaan yang sa-benar-nya. Kita mengetahui bahawa sistem ejaan ini telah berjalan daripada tahun 1959 dan kemudian dalam tahun 1967 ia-itu sistem ejaan yang di-dapati sesuai bagi Indonesia dan Malaysia, tetapi oleh sebab pihak Indonesia belum lagi sanggup menjalankan-nya maka Malaysia telah menanti bagini lama.

Saya suka mengeshorkan supaya pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran menanyakan dari pihak Indonesia kira-nya pihak Indonesia belum lagi atau lambat lagi sanggup melaksanakan sistem ejaan itu, maka patut-lah kita sendiri mengadakan sistem kita sendiri. Jadi, ini dapat mengelakkan daripada pelbagai sistem ejaan yang mengelirukan orang² yang belajar Bahasa Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan pertahanan negara, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah: "Di-dalam bidang pertahanan, Kerajaan terpaksa memperbesarkan lagi Angkatan Tentera demi kepentingan keselamatan negara dari sa-barang ancaman dari dalam dan dari luar negeri. Sunggo² pun langkah ini akan memakan belanja yang agak

besar, tetapi sa-bagai suatu negara yang bebas dan berdaulat, negara kita harus-lah berikhtiar dengan segala daya upaya-nya mempertahankan diri-nya daripada sa-barang anchaman”.

Dato' Yang di-Pertua, Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ini sangat jelas dan tegas. Pertahanan sa-sabuah negara ada-lah pertalian yang rapat di-antara tiga Bahagian atau Angkatan yang merupakan satu rantai, ia-itu Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara, dan tiap² satu Bahagian daripada rantai ini ada-lah sama penting-nya. Dalam satu kenyataan yang di-siarkan dalam akhbar² sa-belum berlangsung persidangan Komanwel, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan telah berkata dengan nada yang tegas dan lantang bahawa Malaysia tidak boleh mengharap bantuan orang lain bagi pertahanan negara-nya, Malaysia hendak-lah berdiri di atas kaki-nya sendiri dan bergantung kepada kemampuan-nya sendiri. Ketegasan dasar yang di-suarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu di-sanjong tinggi bukan sahaja oleh saya, tetapi oleh ra'ayat seluruh-nya. Kemudian kenyataan Yang Amat Berhormat itu saperti tersiar dalam *Straits Times* keluaran 30hb September, 1970, saya petek sedikit sahaja jika di-izinkan oleh Dato' Yang di-Pertua berbunyi:

“Malaysia will have to go it alone in defence and her foreign policy must be geared to this fact. Stressing this today—30th September—the Prime Minister, Tun Abdul Razak, said that ‘Malaysia could not depend on others for defence. That must be our policy’. He was asked in a special interview whether Malaysia’s move towards the non-aligned nations would affect the Government’s defence arrangements. Tun Razak replied, ‘The factors are such now that we should find our own identity. We ought to have a policy that we should follow. It should be an independent foreign policy. We should realise that we must depend on ourselves for our own defence.’”

Ini sa-bahagian, Dato' Yang di-Pertua, daripada kenyataan yang di-keluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang juga menjadi Menteri Pertahanan. Bagitu juga kenyataan ini saya anggap sa-bagai jawapan kepada sa-buah berita dari Washington dalam bulan Mei 1969 yang di-siarkan oleh *Straits Times*, berbunyi dengan ringkas, Dato' Yang di-Pertua:

“‘The United States has urged Britain not to provide supersonic fighters to Malaysia,’ the State Department said today. Asked about reports that United States was trying to prevent Malaysia from acquiring British Lightning Jets, French

Mirage or United States F5 Phantom Fighter Aircraft, a spokesman confirmed that the matter was discussed with the British Foreign Office in London on Thursday. The State Department spokesman, Mr Robert McClosky, told reporters that United States wanted to prevent an arms race development in the area. The United States was concerned that the purchase of sophisticated weapons would also include weapons such as supersonic jets. The provision of the United States Foreign Aid Law requires the Department to reduce aid to a developing country buying sophisticated weapons by the amount of such a purchase. Another provision calls for cutting off aid entirely if the United States determines that the country’s military expenditure has a material effect on development efforts.”

dan panjang, lagi Dato' Yang di-Pertua . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah 31 minit hendak gulong satu minit lagi.

Dato' Syed Nasir bin Ismail: Saya gulongkan. Sikap dan ugutan dari Kerajaan United States itu amat-lah di-kesalkan. Sa-bagai negara yang merdeka dan berdaulat kita mempunyai dasar dan keperibadian kita sendiri. Saya berbangga membaca pengumuman Kementerian Pertahanan pada 21hb Ogos, 1970, bahawa Tentera Laut kita akan di-bekalkan dengan Bot Laju Penyerang atau Fast Strike Craft yang di-lengkapkan dengan senjata Exocet System menggunakan missile atau peluru berpandu. Ini amat perlu bagi mengawal dan menguasai perairan kita yang luas di-keliling Semenanjung Malaysia Barat dan juga perairan Malaysia Timor. Ini akan merupakan satu alat menahan atau deterrent daripada pengachau² yang hendak chuba mengusek kita.

Negara kita tidak berhenti² di-ancham oleh pengganas² militant terutama di-kawasan sempadan Thai dan Indonesia. Tentera² kita dan anggota Polis kita hendak-lah di-beri perlingtonan yang chukup dalam menjalankan tugas memburu pengganas² itu, dan bagi memelihara keamanan dan ketenteraman supaya perdagangan dan perusahaan dapat berjalan dengan tidak terganggu demi kestabilan ekonomi negara. Mereka hendak-lah di-lengkapkan dengan senjata² moden dan kereta² perisai moden yang mempunyai kelengkapan senjata dan kemampuan yang tahan lasak, yang sudah di-uji dan sesuai serta wajar bagi bumi negara kita yang mempunyai bukit bukau dan anak² sungai yang banyak.

Saya ringkaskan ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita bukan sahaja perlu

mempunyai Angkatan Laut dan Angkatan Darat yang kuat, yang di-lengkapkan dengan senjata² dan kelengkapan² moden, tetapi sangat perlu kepada Angkatan Udara yang mempunyai kapal terbang pejuang bagi semua keadaan hawa dan chuacha, atau yang disebut "all weather fighter bomber". Kapal terbang yang sa-umpama ini mempunyai dua peranan utama, ia-itu pertahanan angkasa negara dan kedua, memberi perlindungan dan sokongan kepada Tentera Darat dan Laut, serta kemampuan menyerang.

Kita sedia ma'alum di-dalam peperangan moden di-zaman ini bahawa negara yang menguasai angkasa-lah yang unggul atau yang "superior". Tentera Darat berkenderaan yang sudah tentu bergerak melalui jalanraya² dengan mudah boleh menjadi mangsa serangan udara musuh; contoh yang hampir dengan kita ia-lah kedudukan tentera Vietnam Utara yang di-bom tiap² hari di-atas jejak Jalan Ho Chi Minh atau Ho Chi Minh trail.

Demikian juga hal-nya dengan tentera laut kita, sa-kali pun boat² ronda kita mempunyai alat pertahanan diri yang chukup, tetapi boat² ini tidak dapat mempertahankan pengkalan² tentera laut-nya, dan jika pengkalan-nya menjadi sasaran serangan udara musuh maka boat² itu sendiri tidak mempunyai erti.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah penting bagi negara kita menguasai angkasa kita sendiri dengan mempunyai kapal terbang pejuang lengkap di-persenjatai bagi perjuangan di-angkasa dan mempunyai sistem radar bagi penerbangan di-waktu siang, malam atau bila² masa chuacha yang tidak baik. Dan lagi kapal terbang² ini hendak-lah mempunyai dua kali kelajuan suara atau yang di-katakan Mark II kerana dalam beberapa tahun lagi kapal terbang² sivil yang akan terbang di-ruangan angkasa kita ada-lah daripada jenis Mark II ia-itu dua kali kelajuan suara. Kerajaan tidak boleh silap tentang memilih jenis kapal terbang supersonic ini.

Dan akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, dalam mengemukakan hal pertahanan ini saya tidak berchadang kita hendak berperang, kerana kita bukan negara yang suka kepada peperangan, tetapi ada pepatah bahawa "hendak mengelakkan peperangan, mesti-lah buat persediaan untuk berperang". Dan saya teringat ada satu pepatah Latin yang berbunyi "Si vis pacem, para bellum", erti-nya "jika kamu mahukan keamanan, bersedia-lah untuk

berperang." Walau pun pepatah ini sudah 2,000 tahun lama-nya, Dato' Yang di-Pertua, tetapi maseh boleh di-pakai sekarang.

Oleh sebab masa, Tuan Yang di-Pertua tidak mengizinkan saya lagi, terpaksa saya berhenti di-sini. Saya ucapkan terima kaseh.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah terima kaseh-lah—jimatkan masa.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya terutama mengucapkan ribuan terima kaseh di-atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baharu² ini.

Yang saya berchakap pada hari ini, bukan apa², sedikit sahaja tidak panjang—ada-lah berkenaan dengan kemiskinan. Ada sa-tengah² Ahli Dewan hendak menchercha dan sa-bagai-nya, tetapi saya fikir lebeh berat-lah bahu memikul daripada orang yang memandang. Saya mengatakan kemiskinan ini ada-lah satu penyakit, satu kuman yang boleh merebak dan jika merebak padah kepada jiwa sa-saorang itu padah akhir-nya. Jadi, kapada sa-suatu negeri, jikalau penyakit kemiskinan ini melarat, saya takut ia-itu sa-macham yang telah terjadi kapada Komin-tang, China. Negeri-nya jahanam, Kominis mendapat-nya. Jadi, dengan sebab itu negeri kita ini terpaksa-lah kita tengok bagaimana kita boleh mengatasi kemiskinan² yang kita nampak di-luar dan di-dalam bandar, tidak kira bangsa, oleh kerana miskin tidak kira bangsa. Perut kalau lapar, orang yang perut lapar yang tahu. Jikalau tidak berumah, orang yang tidak berumah yang tahu. Dengan sebab itu saya katakan di-sini kemiskinan mesti-lah di-hapuskan, tetapi menghapuskan kemiskinan ini bukan-lah satu dua hari, macham mana yang di-kehendaki oleh parti² lawan. Boleh jadi satu bulan, dua bulan tidak dapat di-buat, tetapi Kerajaan mesti-lah berusaha, berusaha betul², bukan mengatakan ambil berat sahaja, ambil berat sahaja, berat-nya sa-pikul, dua pikul, lima pikul ta' tahu. Dengan sebab itu saya harap-lah kapada Kerajaan pada hari ini menjalankan yang sa-benar², terutama sa-kali problem kita di-luar bandar dan oleh kerana kemiskinan² orang² kita di-luar bandar mereka telah datang ka-dalam bandar.

Apabila orang² miskin kita, terutama sekali orang Melayu yang duduk di-luar² bandar tidak mempunyai pekerjaan oleh kerana getah² chukop murah, sampaikan kepada hari ini getah², pokok² getah di-panjat orang dengan tangga lagi, memotong getah² ini chuma boleh mendapat satu hari lima puluh sen. Anak sa-puluh orang, berapa sen sa-orang. Lima sen makan sa-orang boleh-kah hidup di-kampung². Dengan sebab itu mereka lari ka-bandar² dan menjadi satu problem yang besar kepada bandar² seperti Kuala Lumpur. Jadi, di-Kuala Lumpur ini mereka di-hambat kerana membuat rumah haram, di-hambat mereka, di-punahkan rumah² mereka. Jadi, ka-mana orang miskin ini hendak lari.

Dengan sebab itu, saya baharu² ini pergi ka-India dan menengok bagaimana keadaan di-India. Hendak-kah Kerajaan kita apabila telah di-hambat orang miskin ini, punahkan rumah-nya, orang² ini tidor di-tepi² jalan anak beranak, memasak di-tepi jalan anak beranak—yang mana saya telah nampak di-Bombay, di-Madras, di-Puna dan sa-bagainya. Jadi, dengan sebab itu, Kerajaan apabila memecahkan rumah² si-miskin yang di-katakan tanah haram atau rumah haram ini mesti-lah berfikir². Sebab apa, pegawai² menjalankan tugas ini memang senang. Dengan kapak dan beliong, habis meruntuhkan-nya, tetapi siapa yang sengsara ia-itu orang² miskin yang tidak ada mempunyai daya upaya, tetapi ingat² jikalau orang² miskin ini berkumpul, saya ingat Polis pun, Tentera pun tidak dapat mengawasi orang² ini. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, problem kemiskinan ini bukan boleh di-tampal, macham baju hendak di-tampal², tampal di-sini koyak di-sana, tampal ka-sana koyak di-sini. Jadi, Kerajaan mesti mengkaji dalam² di-atas hal kemiskinan ini. Bukan satu dua hari, tetapi bertahun, bertahun akan mengkaji-nya.

Saya juga menguchapkan terima kaseh sa-banyak²-nya, sunggoh pun ada wakil² parti lawan mengatakan NOC tidak baik, tetapi saya berfikir oleh kerana ada Tentera kita di-negara ini, ada Polis di-negara ini maka keamanan telah dapat kita chapai. Kalau ta' ada Tentera hari itu, pada 13 Mei saya ingat apa akan jadi kepada negeri ini. Dengan sebab itu saya menguchapkan satinggi² terima kaseh betul kepada Tentera dan Polis kerana dengan ada-nya mereka maka keamanan terchapai dalam tempoh satu minggu sahaja. Kebakaran tidak meluas, harta benda tidak punah begitu banyak.

Dengan sebab itu, Tentera dalam dua tahun atau pun sa-tahun lapan bulan, katakan-lah Tentera memerintah, sudah membawa keamanan dan kesentosaan kepada ra'ayat.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dahulu Kerajaan kita mengatakan "bread is better than bullet". Hari ini "bullet is better than bread". Kerana apa, jikalau tidak ada Askar, tidak ada keamanan, roti tidakkan dapat. Dengan sebab itu peluru ada-lah lebih penting daripada roti, oleh kerana peluru akan memelihara roti. Jadi, betul-lah bagaimana Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tentera mesti di-perbesarkan, di-modenkan, di-kuatkan lagi. Di-sini tenaga ra'ayat banyak. Apa bangsa pun ada, tenaga-nya banyak betul, yang belia yang tidak bekerja chukop banyak, melepak di-tepi jalan, tidak ada pekerjaan. Apa yang hendak mereka kerjakan, di-faktori pun chukop susah hendak mendapatkan-nya. Apa salah-nya Kerajaan beri dia uniform, beri dia senjata, barangkali tidak bergaji pun tidak apa—macham mana di-buat di-Singapura. Di-Singapura semua jadi ashkar, dipaksa jadi ashkar. Jadi mereka semua ada pekerjaan dan ada makan. Jadi kalau mithalnya orang² yang miskin, belia² yang miskin yang terdiam begitu, berfikir apa mereka fikir? Mereka berfikir apa sebab-nya saya di-jadikan Tuhan di-atas dunia ini sa-rupa sahaja kepada orang lain, tetapi saya hidup menderita. Ada-kah Tuhan ini jahat. Jadi, terfikir kepada kepala mereka bermacam² perkara dan dengan senang sahaja Kominis akan memberi propaganda kepada mereka—tidak ada Tuhan di-atas dunia ini. Kalau ada Tuhan, mengapa engkau orang sa-rupa dengan orang lain, beranak semua-nya sa-rupa, tidak ada kain, tidak ada baju, chuma bertelanjang sahaja, tetapi hari ini bagaimana keadaan kau dengan yang lain².

Dengan hal yang demikian maka Kerajaan pada hari ini belia² ta' bekerja itu masukkan askar beramai² asalkan mata-nya nampak menembak sudah, asalkan dia boleh berjalan sudah, walau pun dengkot pun ambil mereka. Sebab masa ini ta' jauh daripada negeri kita ini, di-Vietnam Selatan, di-Laos, di-Kamboja api peperangan telah melarat, askar² Amerika telah masuk ka-Laos, telah masuk ka-Kamboja dan barangkali ta' lama lagi boleh jadi askar China pula akan masuk champor. Oleh kerana Amerika sudah masuk champor, askar China akan masuk champor kemudian Thailand akan champor dan akhir-nya

SEATO akan champor, satu peperangan yang dahshat akan terjadi di-negara² itu. Dengan sebab itu kita bukan hendak berperang dengan orang, tetapi kita mesti menjaga negara kita ini, kita bukan takut dengan kominis yang di-luar kita takut kepada kominis yang ada di-dalam negeri ini yang ada di-bawah tanah—itu yang kita takut. Saya sudah tengok bagaimana keadaan-nya di-negeri China, waktu saya belajar di-negeri China. Pulau Hainan kuat pertahanan-nya. Askar² kominis masuk ka-Hainan, bot² Komimis habis jahanam tetapi kominis yang di-dalam negeri sudah membuat kachau, besok pagi bukan-nya askar² Komingtang telah di-musnahkan di-pulau Hainan oleh kominis yang bawah tanah. Jadi saya takut kejadian yang di-cheritakan itu akan jadi di-sini. Dengan sebab itu tentera kita mesti-lah kita besarkan biar bagaimana mendapatkan duit—itu pandai-lah Kerajaan menjalankan-nya.

Sudah itu bekas² Pasokan Keselamatan dan belia² banyak yang tidak bekerja dan bekas² Pasokan Keselamatan ini daripada sa-ratus peratus, dua puluh peratus sahaja yang mempunyai pekerjaan. Pekerjaan apa yang dapat oleh mereka yang telah berjuang dua puluh, tiga puluh tahun membela negeri ini di-masa dharurat, konferantasi dan hari telah memberi jiwa mereka kepada negara kita. Apa yang mereka dapat—nasib baik, jadi jaga, jadi jaga di-factory, ini-lah yang mereka dapat. Alang-kah kasehan kepada orang² kita yang telah mempertahankan negara kita ini daripada musuh². Jikalau mereka tidak jadi jaga di-bank itu, kalau mereka tidak mempertahankan negeri kita ini bank² habis lebor oleh musuh². Dengan sebab itu bekas² pasokan keselamatan ini mesti-lah di-jaga baik², sebab apa, saya pun sa-orang ahli daripada bekas² pasokan keselamatan, saya harap kepada bekas² Pasokan Keselamatan, Kerajaan mesti-lah menimbangkan kepada mereka ini. Kapada tentera yang ada berkhidmat mereka ini bukan ada trade union, macham mana Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat ada trade union-nya dan macham² lagi. Tentera tidak ada trade union. Gaji mereka ta' usah mereka meminta hendak di-naikkan chuba mereka mogok, luchut senjata, mereka akan di-tembak mati atau pun entah apa, atau di-hukum berat oleh panglima-nya kepada mereka. Dengan sebab itu, Kerajaan mesti-lah menimbangkan berkenaan dengan gaji mereka. Satu lagi ia-itu sa-lepas dua puluh tahun berkhidmat baharu-lah dapat penchen, tetapi orang² yang bekerja

menulis hari² dudok di-dalam air-condition 10 tahun mereka dapat penchen. Askar² berperang dalam hutan menyabong nyawa, kalau mati pula akan meninggalkan janda² yang banyak, anak² yatim, dua puluh tahun baharu boleh penchen. Jadi, saya harap Kerajaan akan menimbangkan 10 tahun sa-lepas berkhidmat hendak-lah mereka itu di-beri penchen dan gaji² mereka itu di-pertimbangkan balek sa-mula dan sa-belum mereka bersara, tiga tahun sa-belum-nya mereka hendak-lah di-beri latehan, tetapi sekarang enam bulan sa-belum mereka² ini bersara di-beri latehan kalau tidak salah saya, latehan menjadi mechanic atau pun menjadi tukang kayu. Enam bulan, enam bulan apa pun tidak boleh di-buat oleh mereka, jadi pada hari yang akan datang, ada pepatah Melayu mengatakan: Jangan chuma melepaskan kuching batok di-tangga, kalau hendak menyelok pekasam biar-lah sampai ka-lengan. Kalau hendak menolong, tolong betul², pada askar² kita yang akan bersara pada hari ini dan pada masa akan datang. Jadi saya harap sa-kira-nya suroh mereka itu berlateh sa-suatu perkara mithal-nya mechanic biar tiga tahun sa-belum mereka bersara, tiga tahun sa-belum mereka bersara, hendak-lah di-beri mereka bekerja di-satu tempat kemudian di-jamin tempat mereka bekerja biar pun di-factory atau pun di-tempat² yang lain.

Berkenaan dengan estet² pula, estet orang puteh banyak. Orang puteh itu kata Inggeris-lah, Amerika-lah semua orang kulit puteh dan kalau saya katakan satu persatu, Tuan Yang di-Pertua, lebeh banyak jadi lebeh baik-lah saya kata kulit puteh sahaja-lah kerana mereka berbeza daripada kulit saya. Tiap² kali manager, orang puteh datang bekerja di-sini, ada chuti balek, tiga tahun dua tahun balek. Orang puteh ini, manager ini juga datang balek bekerja di-estet² sampai bila². Jadi, apa-kah dasar buroh kita? Buroh ini ada dua macham, buroh kasar dan buroh halus ada. Jadi, ini buroh halus manager² estate orang puteh ini, berbalek² dia datang juga bekerja di-negeri kita. Jadi, apabila ditanya kepada Menteri, "Oh! dia mempunyai estet, dia punya estet tentu dia mesti jaga, kerana estet itu orang kulit puteh yang punya dan kulit puteh yang mesti menjaga-nya." Dahulu boleh, sa-belum kita merdeka boleh, tetapi sekarang kita sudah merdeka. Kalau dia perchaya kepada anak negeri ini menjaga estet² dia, dia adakan estet-nya di-sini. Jikalau dia tidak perchaya, buat apa guna-nya. Hambuskan dia. Jadi, dengan sebab itu saya

meminta kepada Kerajaan terutama sa-kali kepada Menteri Buroh bukan sahaja kepada buroh² kasar bangsa asing ini sahaja di-luchutkan kerja-nya, tetapi kepada estet² manager ini, juga tiga tahun sudah dia bekerja di-sini biar-lah dia balek, gantikan kepada anak negeri di-sini. Kita ada Agricultural College di-sini, di-Serdang ini beratus beribu² keluar tiap² tahun. Orang puteh itu biji getah pun dia tidak tahu; biji getah dia tidak tahu, tiba² di-sini pandai² hendak mengajar kita jadi manager, bukan-nya technician, manager estet. Saya tengok, pokok getah, saya tengok biji getah, saya tahu potong getah, saya jua pandai memotong getah, tetapi Orang Puteh ta' tahu pisau getah pun mereka tidak tahu, boleh menjadi estet manager di-negeri kita ini.

Dengan hal yang demikian, polisi (dasar) Kementerian Buroh mesti di-aleh, kalau tidak di-aleh, kalau kita tanya Menteri itu ada sahaja-lah alasan-nya, ada sahaja kita tidak betul. Ini bukan sa-orang Menteri, banyak Menteri juga, ada sahaja yang kita ini tidak betul selalu. Jadi, dengan sebab itu kalau betul, betulkan-lah. Ini betul, katakan begitu, sudah, jalankan untuk kebaikan Kerajaan.

Saya bukan-lah Parti Pembangkang, tetapi ada-lah Parti Perikatan, tetapi Perkara ini ada-lah dari hati ka-hati saya, supaya Kerajaan kita boleh berjalan lebeh baik dan lebeh baik lagi. Saya telah mengatakan tadi memang-lah lebeh berat bahu memikul daripada orang yang memandang dan memang-lah senang lidah berchakap, lidah itu lembut boleh berchakap bermacham², tetapi buat-nya susah tetapi ini buat-nya senang, Estate Manager Orang Puteh tak usah ambil lagi, kita ada orang yang layak, bukan-kah senang itu kita boleh buat jikalau mahu di-buat. Tetapi takut² ada momok, takut barangkali ada momok. Ooi! orang puteh itu besar kuasa, orang Inggeris Great Britain sekarang bukan-nya first class power lagi ia jadi second class power, apa yang kita takut. Dengan sebab itu, saya harap bukan sahaja orang puteh, tetapi ada yang bukan warganegara yang menjadi Estate² Manager yang berkulit hitam pun ada, yang bukan warganegara itu pun tidak kita mahu, sebab apa, saya kata begitu, ada pepatah Melayu mengatakan: "Berok di-hutan di-susukan, anak sendiri lapar tak makan". Berapa banyak warganegara ta' kira bangsa yang tidak ada mempunyai pekerjaan, tetapi yang bukan warganegara, beribu² ada kerja, warganegara

Singapura, warganegara Taiwan di-beri kerja. Saya boleh profkan, jadi takut mengambil tindakan nanti warganegara Singapura kalau ambil tindakan, Singapura pula ambil tindakan, peduli apa, itu tidak menjadi fasal.

Jadi, berkenaan dengan wang pula. Berkenaan dengan duit ini tadi, apabila kita telah berpechah dengan Singapura, duit Singapura, Malaysia Malaysia-lah. Jangan dapat pertukaran ini lekas sangat, boleh berguni pun pada hari ini boleh di-bawa ka-Singapura, berguni² dengan tidak ada sekatan foreign exchange-nya.

Sa-lepas 13hb Mei yang saya dapat tahu bukan main banyak, bermillion, berjuta², saya pun ta' terkira, tak tahu saya sipar²-nya banyak sangat chabut ka-Singapura, kosong negeri kita. Jadi, negeri kita di-katakan kaya raya, chukup banyak duit kaya raya, saya mithalkan macham satu rumah, jikalau rumah itu chantek macham rumah ini-lah chantek-nya, tetapi jikalau mithal-nya bangku-nya sudah tidak ada, tikar-nya tak ada, tempat tidor-nya sudah kena bawa apa ma'ana rumah itu lagi. Jadi, Kementerian yang berkaitan dengan wang ini hendak-lah menahan wang kita masuk ka-Singapura, mesti-lah ada Foreign Exchange macham mana Foreign Exchange di-luar² negeri saperti ka-India baik, ka-Australia, ka-Amerika, begitu-lah di-buat dengan Singapura, sebab apa Singapura ini telah merdeka dan berdaulat dan kita juga telah merdeka dan berdaulat.

Ada lagi satu perkara berkenaan dengan airport kita, chukup chantek Airport Subang, landasan-nya panjang, di-atas dunia ini barangkali landasan Subang itu-lah yang panjang, pada saya-lah sebab saya ini saperti "katak di-bawah tempurong", tetapi bangunan-nya sa-lepas sahaja, sa-lepas sahaja di-bena bochor, kalau tidak perchaya pergi-lah ka-airport itu, di-letakkan orang² airport itu timba², rumah itu kalau atap senang bochor-nya, ini rumah batu bagini, atap-nya pun batu, bukan lagi atap yang di-buat daripada atap nipah. Atap daripada simen itu pun bochor. Jadi, saya hairan dan ajaib dan mashhor hati saya, sebab apa banyak tourist² yang datang ka-negeri kita ini menengokkan airport kita itu chantek, tetapi bochor. Tidak kah ada satu agreement di-antara kontrektor dengan pehak yang bertanggung-jawab,

jikalau airport itu bochor dia terpaksa membaiki-nya balek. Sudah beberapa tahun Airport Subang tidak ada di-bela pun, tidak ada di-bela², apa sebab-nya, ada-kah “Udang di-sa-balek batu?”

Berkenaan dengan Malay Reserve. Malay Reserve, di-Selangor, tiga suku daripada tanah² Malay Reserve ini tanah bawah ayer, tanah gambut tidak berguna, oleh kerana penjajah dahulu, penjajah dahulu sudah diambil-nya tanah² yang baik² ini, di-pileh-nya baik², ini jadi Estate Orang Puteh, tetapi tanah² yang tidak elok² ini di-jadikan Malay Reservation, tengok-lah di-kawasan saya ia itu di-Kuala Selangor ada 400,000 ekar tanah, tanah gambut. Mengikut pakar² pertanian, pakar² pertanian kita tidak boleh di-tanam apa² pun, tetapi hutan belantara, pokok² yang besar tumbuh di-situ, kata-nya ta' boleh di-tanam apa² oleh kerana gambut-nya chukup dalam 15 hingga 20 kaki. Saya hairan sangat, jikalau pokok² boleh tumbuh dua kali pemelok boleh tumbuh, ta' boleh di-tanam—pakar apa ini, tetapi ada pakar Jepun mengatakan walau bagaimana dalam gambut-nya sa-kali pun, kalau di-tanam nenas, akar nenas tumbuh tiga inchi sebab apa kata pakar pertanian di-sini kalau dua kaki gambut boleh di-tanam nenas, kalau akar nenas itu kata-lah sa-tengah kaki, dia tidak sampai juga ka-tanah. Dengan sebab itu, kalau 100 kaki gambut-nya boleh juga di-tanam dengan nenas dan nenas-nya lebeh baik, nenas-nya lebeh subor daripada tanah² yang lain. Kalau tak boleh ada-kah Kementerian Pertanian telah membuat satu station research, ambil-lah 10 ekar di-kawasan itu buat research, tanam, kalau tidak elok, tidak boleh, saya memang-lah sedia angkat tangan, tetapi tidak buat apa² lagi sudah mengatakan tidak boleh di-buat. Saya perchaya Menteri itu akan menjawab besok. Apa jawab-nya, pergi-lah ka-Pahang sana banyak tanah kalau di-buka tanah di-Pahang harga-nya murah-lah, sebab itu gambut, ia betul, tetapi orang² di-Kuala Selangor atau orang² di-Selangor ini kekurangan tanah, dia ada mempunyai satu dua ekar tanah dia hendak pergi pula pergi ka-Pahang tinggal-lah pula tanah satu dua ekar ini. Jadi, apa salah-nya oleh kerana Kerajaan sekarang mengikut Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri itu mengatakan hendak menjalankan pembangunan dengan tegas betul², apa salah-nya Kerajaan memaritkan kawasan itu dengan sa-berapa segera, keluarkan ayar²-nya, sebab 14 tahun lama-nya, Tuan Yang di-Pertua,

tidak di-usek², itu di-kawasan Kuala Selangor sahaja; bagaimana di-Sabak Bernam, Kuala Langat dan lain² tempat, tiga suku tanah Malay Reservation tinggal begitu sahaja.

Dengan sebab itu, saya minta-lah dengan Kerajaan kita pada hari ini baik pun State mahu pun Federal atau apa sa-kali pun menjalankan tugas²-nya di-atas perkara² ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebab barangkali kalau ada masa lagi. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi Ahli Yang Berhormat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Ya satu minit. Berkenaan New Village, saya hendak lekas² berkenaan New Village ini. New Village ini pada tahun 1948, General Templer masokkan orang² sebab apa takut supaya kominis nanti menggunakan orang² ini masokkan dalam satu tempat nama-nya New Village. Katakan-lah 10 ekar atau 20 ekar tahun 1948 di-beri satu² lot sa-orang, kira-lah satu orang ini mempunyai 5 orang anak di-antara 10 hingga 15 tahun umur-nya. Pada hari ini sudah 20 tahun lebeh anak²-nya ini sudah 35 tahun atau 30 tahun umur-nya sudah berkahwin, sudah beranak pula, tetapi lot-nya tinggal begitu sahaja. Mereka terpaksa dudok dalam itu, tidak dapat di-besarkan. Kerajaan tidak mengambil initiative, dekat² kawasan itu di-ambil membesar, melebarkan, Kerajaan fikir famili² ini tinggal begitu sahaja. Jadi orang² yang dalam ini buat rumah haram. Dengan sebab itu hari ini Kerajaan maseh memikirkan orang² yang dalam New Village ini tadi. Luaskan kawasan itu daripada membuat rumah² batu di-Kuala Lumpur ini atau pun rumah batu. Orang² ini tidak ada duit hendak membayar. Orang New Village orang miskin, sebab sa-kurang²-nya flat ini \$40.00—\$50.00 hendak menyewa flat satu bilek atau \$50.00 jadi \$120.00. Mana hendak makan, mana hendak pakai, mana hendak bayar duit sekolah, mana hendak itu, mana hendak ini, hendak tengok wayang tiada langsong-lah. Jadi, saya harap Kerajaan meluaskan kawasan² New Village ini. Banyak lagi saya hendak chakap, tetapi tidak usah-lah chakap. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah chukup.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Chukup masa. Terima kaseh.

Dato' K. M. James Wong (Miri-Subis): Mr Speaker, Sir, it gives me great pleasure today to be able to participate in this debate on the Gracious Address of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. In congratulating His Majesty for the Royal Address, I am sure we can all agree with His Majesty's Gracious Address when he stated that this Parliament is of great significance to the Nation. It sounds very prophetic, Sir, when we recall that only last week this House had passed the Constitution (Amendment) Bill. With the passing of that Bill—the first act of this Parliament—Malaysia leaves behind the path of liberal democracy. The path that is now before us is full of pitfalls and Honourable Members of this House have to tread very carefully and warily. The path of this new democracy, a democracy on sufferance, will depend not only on the few but on every Malaysian. Our lives should now be governed by temperance, better understanding in the sense of more giving than taking. It is even more so on those upon whom we have placed our trust, namely the Government; they should be responsible in the carrying out of their allotted duties and they should be free of prejudice, free of emotional conclusions and hasty verdicts. We are given this opportunity to start afresh. We have a new dedicated, wise, young and gracious King, a new and experienced Prime Minister and this new Parliament. So let us start anew and we must make this democracy truly a meaningful one. In spite of the restrictions imposed upon it, let us live with this bargain. It is also the birth of a pragmatic society where we must, this Nation must, Sir, deliver the goods.

Mr Speaker, Sir, I and my colleagues from the Sarawak National Party welcome the principles of the Rukunegara as a code whereby all Malaysians should mould their lives, their actions and be so guided. In order that the Rukunegara would be acceptable by the people, it is essential that the leaders of the people and particularly the elected representatives of the people in this House should set a good example by observing the Rukunegara. It is therefore with regret, in fact with some sadness, that I have to point out to you, Mr Speaker, Sir, that the principle of Rukunegara was not observed by the Honourable Member for Payang when he made a slanderous and personal attack

against me in this House when he took part in the debate on the Constitution (Amendment) Bill.

Mr Speaker, Sir, we are here in this House in our capacity as the elected representatives of the people and it is as Members of Parliament that we sit here, and none of us are here in our personal capacity. For whatever devious reasons, I am sure, Sir you will agree that the Honourable Member for Payang should never have twisted what I said and slandered me personally. For the sake of the record and for the sake of *Hansard*, let me state here categorically that since 1949, I repeat, Sir, 1949, I have been in the timber business, and none, I repeat none, of the forest concessions which my company owns were acquired after Malaysia. They were all acquired before Malaysia and definitely not acquired during the period when I was the Deputy Chief Minister of Sarawak, as mistakenly thought by the Honourable the Attorney-General. It is most surprising, Sir, that the Honourable Member for Payang, who is also the Chief Minister of Sarawak, should resort in this House to discredit me personally. Instead, Sir, of discrediting me personally, he should be thankful that because of the years of hard work that my company and myself have made in pioneering the hill timber industry in Sarawak, that the coffers of the Sarawak Treasury should have such a big surplus when he became the Chief Minister.

Mr Speaker, Sir, I make no apologies for my contribution to the Sarawak hill timber industry. I need not apologise for giving 21 years, 21 of the best years, of my life to the hill timber industry. I am proud of my contributions. I am proud of creating an industry in Sarawak where there was none before. There was no hill timber industry in Sarawak worth mentioning until we pioneered it. I am proud of providing employment for the people and earning foreign exchange for our country. For the sake of record, Sir, allow me to say, lest it be misunderstood, that false allegations were made against me in this House, in the last Parliament, that when I was a Minister in the Sarawak Government, I enriched, I repeat, I enriched myself, by acquiring forest land. I have not acquired, Sir, one square feet of forest land when I was a Minister. This could be borne out by the Honourable Minister for Technology, Research and Local Government if he was

here and also the Honourable Member for Samarahan who was then a Minister in the State Government. I am sure they will bear out my statement. Sir, I apologise for taking up your time in straightening the record and I thank you for your kind forbearance and understanding in allowing me to do so.

Mr Speaker, Sir, I am glad to note that His Majesty has graciously emphasised that the eradication of poverty among the have-nots will be carried out irrespective of their racial origins. I am sure this will go a long way to allay the fears and misgivings of the various races. However, a thought has crossed my mind particularly in the light of what has been said by an Honourable Member on this side of the House who spoke earlier regarding assistance to have-nots and accusations that the assistance had not been properly directed and distributed. Mr Speaker, Sir, may I ask the Government what is their criteria in assessing and differentiating between the haves and have-nots? Has the Government judged which of the have-nots are more deserving and require more assistance? Did the Government have a point system or set rules for the guidance of those who implemented the policy in the past? And if not, will the Government provide these rules for the future?

Sir, everything in life is relative; and between the have-nots themselves I am sure there are some who are relatively more deserving than others. Mr Speaker, Sir, for example, may I ask, is the man who has no money, draws a small salary, having no land or house a poorer man than another man who has land and house but no money and only enough to live on? Again, Mr Speaker, Sir, another example: if a man has a wife and 2 children drawing a salary of \$120 a month, should he be qualified as a more deserving have-not than a man who has a wife and 5 children drawing a salary of \$180? There are variations of these and I think, in fairness to the people and in fairness to those who have to implement this policy, that guidelines should be given by the Government as to how the have-nots could be judged and the more deserving ones given more priority.

Mr Speaker, Sir, the Second Malaysia Plan, although now being drawn up, unfortunately, has not been published in detail and we are not discussing it today. His Majesty in His Gracious Address touched on the broad measures which are needed in

order to uplift the standard of living of the people and, in particular, the have-nots. Until we have a chance to see the Second Five-Year Development Plan it would not be possible for me to comment. However, speaking on general development for Sarawak, I hope the Federal Government will give generous consideration for it in the Second Five-Year Development Plan in view of the imbalance between Sarawak and West Malaysia with regard to education, industrialisation, development, infrastructure, etc. Although allocations were made in the First Malaysia Plan for Sarawak, unfortunately a large balance, surplus, was left unspent due to shortage of personnel to carry out the job and also, I understand, the delay before funds were approved for expenditure because of red-tape and delay caused by Ministries in Kuala Lumpur. There was considerable delay in getting funds approved and there had been instances where a lot of road building equipment were lying idle whilst awaiting approval for funds from Kuala Lumpur, although provisions for the money were in the estimates. This, Mr Speaker, Sir, is like the Malay saying, "Ada runtoḥ ta'ada hujan".

When one speaks of development, Sir, I hope the Government will not forget the most important assets of our country. It is its people and because of this, in order not to dissipate our meagre resources, priorities should be set up. To my mind, the most important is the human factor and the development of our human resources. Development of the human resources means priority for the development of schools to cater for vocational training of making our children better, more useful and skilled citizens. But what has the Government done in this respect for Sarawak? Whereas West Malaysia enjoys nine years of free education, Sarawak, as I have pointed out, is still very backward in this respect. I have already pointed this out in the debate on the Constitution (Amendment) Bill and I shall not elaborate it here again. Sufficient for me to say, Mr Speaker, Sir, that the problems of giving Sarawak boys and girls more urgent priority in education by providing more schools, more teachers, more class-rooms, more books and other training facilities are essential and urgent. Mr Speaker, Sir, I cannot over-emphasize this point and I ask the Federal Government to please take heed of this: give the Sarawak and Sabah boys and girls equal

opportunities and because of their backwardness more opportunities to catch up with their West Malaysian brethren. The imbalance in this educational field between Sarawak and West Malaysia must be adjusted.

Again, on the question of development, the difference on industrialisation between East and West Malaysia is most glaring. Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Padawan yesterday touched on the sad state of affairs in this respect. He gave a whole litany of the problems and the frustrations associated with industrial development in Sarawak. The Honourable Member for Padawan has also mentioned the poor soils of Sarawak, the unemployment problems and the ineffectiveness of the Sarawak Industrial Development Committee and the minimal assistance which the FIDA was able to give. The only silver lining he was able to offer in an otherwise gloomy outlook was that the State Government is now preparing to provide an industrial area where land for development for industries would be available cheaply to proposed developers. Unfortunately, the Honourable Member, Sir, has not given the price at which the land is to be sold.

Mr Speaker, Sir, I would like to say here that I associate myself with the view which the Honourable Member for Padawan has given regarding the very sad state of affairs regarding industrial development in Sarawak. I would strongly support his request to the Federal Government for a statutory body like M.I.D.F.L. to provide special incentives—I repeat “special incentives”—to attract and accelerate industrialisation in Sarawak. I am, however, disappointed that the Honourable Member, who is also the Deputy Chief Minister of Sarawak, has not given this House a blueprint of what the State Government intends to do to remedy the position apart from providing land. For instance, the Honourable Member has not touched on the factors associated with industrial development, such as manpower, survey, training of people to fit into the different jobs, particularly in respect of manpower survey, to find out what the country and what industries need and to train the people to meet these needs.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Padawan has not touched on agricultural development. He has not touched on port

I now come to some other factors that will help in the redistribution of wealth. I refer to matters like social security, public assistance, low-cost housing and education. The Government proposes to create a commercial and business Malay community. I fully agree with that. But we do not know how they propose to do it, but even if that is done successfully we shall only be creating, Mr Speaker, a Malay middle class. What is going to happen to the vast majority of the population in our kampongs, our new villages and the estates? If the people in the rural areas are to share in the nation's wealth, then social security schemes and better welfare assistance and family

allowances based on the cost of living index, must be introduced straightaway.

I believe, Mr Speaker, that about ten years ago I brought in a resolution in this House for the introduction of a comprehensive social security scheme. The resolution was accepted without debate, with applause. To-day, after ten years, the scheme has not been implemented. It appears that it is going to be implemented in the towns of Georgetown, Kuala Lumpur and Johore Bahru as a pilot scheme comprising only about 150,000 workers. I agree that industrial and commercial workers are subject to more risks and uncertainties than the rural and agricultural workers. I do not understand why the Government has decided to exclude the public employees from the application of this scheme. Has the Government in mind to offer something better to its workers? If so, I am happy. But the agricultural workers and indeed the whole mass of poverty stricken people have to share in the cake. We do not know what sort of taxation policies the Minister of Finance has or is going to introduce to effect the re-distribution of income. But a degree of income levelling can be accomplished through social security and the introduction of schemes such as old age pensions, benefits for sickness, unemployment, long illness, maternity invalidity, death and for dependants.

Let me quote from a book, a short quote from a book, *The Economic and Financial Aspects of Social Security*. It says, "Whereas in a wage economy the insecurity of a family's income is caused principally by unemployment of all kinds, including seasonal unemployment, nowadays in a rural economy of small-holders and peasant cultivators (which we are) insecurity is caused not only by unfavourable weather and other causes of bad harvest but also by fluctuations in agricultural prices, particularly where crops are sold for cash in world markets. Protection against this risk may take the form of marketing schemes and insurance against losses in crops and livestock." Therefore, it is a proper and necessary function of the State, which exists for the general well-being of its people, to promote social security. In addition Government must introduce urgent and immediate measures for the payment of universal family allowances. This is essential if we want to have a breed of strong, happy and active people who can benefit from the education and other facilities proffered by

the State. If children come to school without a meal, without food, how do you expect them to concentrate? Having been a teacher for 12 years, I know that. They go to sleep in the class when the teacher is teaching. The present practice is to let State Governments dispense public assistance from their own funds without any assistance from the Central Government. As far as public assistance is concerned, this causes great disparity in the amounts given and is not related to the cost of living index. Most of the States are too poor to pay their Civil Servants, and they have to borrow from the Central Government. How then can they help the poor? Is it the intention of the Government to make the poor help the poor, while they help the rich? Take, for example, the Civil Servants and the higher ups who used to get allowances for their children and those who have to pay income tax get family allowances. But those who are too poor to pay taxes, that is the vast majority of our people in this country are not given any allowances; they do not get any family allowances. The richer you are the more you get for your children. Is it not true? The Minister of Finance will say that it is good capital investment. 10 years ago he wanted to have the levelling up. Where is the levelling up? Therefore, Mr Speaker, Sir, investment in human resources is essential and indeed vital if we want to have a very strong breed of people.

Mr Speaker, Sir, some countries spend as much as 25% on social security and public assistance. Here I do not know what the percentage is. I hope the Ministers responsible will be able to answer. What we get, from those reports, from the Social Welfare Services is that \$5 to \$15 assistance per person. I do not know how anybody can live with \$5 to \$15 a month. Another way in which redistribution can be effected is provision of hostels in all towns and the supply of free meals in all schools. We now have hostels in the bigger towns only not in the smaller towns. I say this again will relieve the family burden and help to take the children out of the debilitating influence of the kampong and the estate which inhibits their outlook in life. In a Socialist country, Mr Speaker, Sir, the welfare of the child from the time it is born is the responsibility of the State. Can we not in our society take care of the child while he is in school?

Mr Speaker, Sir, in conclusion we must ensure that every able-bodied man is profitably employed, and every man who is handicapped is assisted by the State to lead a more productive life. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai Ahli² Dewan ini bagi menguchapkan junjong kaseh Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Uchapan-nya pada masa membuka Dewan ini kelmarin. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarek hati dengan Titah Uchapan-nya menyatakan chita² Kerajaan untuk menchiptakan masha-rakat yang lebeh adil. Tuan Yang di-Pertua, kalimah adil ini ada-lah luas dan pengertian-nya harus-lah di-pandang daripada segi² dan sudut² mahu pun daripada pehak Kerajaan ka-atas ra'ayat dan daripada pehak ra'ayat ka-atas Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat yang berbilang² bangsa yang dudok sama ada di-bandar² atau di-luar² bandar ada-lah mengharapakan bahawa chita² Kerajaan ini akan di-chipta dengan benar² di-atas rasa keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang daripada kawasan luar bandar, Kawasan Hilir Perak, berentang dari Kampong Gajah hingga sampai ka-Kota Setia tidak kurang daripada 60 batu menyusuli Sungai Perak itu. Dan saya faham bagaimana ra'ayat² di-kawasan tersebut yang menjalankan kehidupan mereka dengan berbagai² keadaan, berkebun getah, bertanam padi, bersawah, berkebun kelapa, nelayan, menyemat atap, bekerja nipah, bertanam nanas dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan yang saya fahamkan daripada kalimah ini ada-lah kepada semua jurusan dan semua sudut. Pandangan Kerajaan kepada ra'ayat²-nya dalam bandar bagaimana keadilan-nya. Pandangan Kerajaan kepada ra'ayat di-luar bandar bagaimana pula pandangan-nya. Pandangan ra'ayat sama² ra'ayat yang tinggal di-bandar macham mana pula pandangan-nya dan pandangan ra'ayat sama² ra'ayat di-luar bandar macham mana pula pandangan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kaum² tani yang bersawah kawasan Sungai Manik dan Labu Kubong dan Trans-Perak maseh terhimpit, mahu pun daripada harga padi-nya dan daripada tekanan orang-tengah. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat² yang sa-demikian

itu-lah yang berasa keadilan itu belum dapat di-chiptakan.

Saya sa-bagai Wakil Ra'ayat yang baharu telah meninggalkan jabatan Kerajaan untuk bersara faham benar² yang bahawa harapan ra'ayat ini berharap kepada Kerajaan supaya keadaan² yang mereka berusaha itu dapat kira-nya Kerajaan menyedari bagaimana kesusahan yang mereka penat jereh mereka itu bertanam padi. Sekarang ini, Alhamdulillah, padi sudah di-tanam dua kali sa-tahun, bukan semua kawasan Sungai Manik dan Labu Kubong itu, ada sa-tengah² kawasan belum dapat di-laksanakan menanam dua kali itu di-kerana dengan sebab Pejabat Parit dan Taliayer yang telah saya temui tidak dapat menghantar buroh²-nya kerana kekurangan kewangan. Maka di-sini saya bagi pehak petani² di-Sungai Manik dan Labu Kubong ada-lah mengharapakan kepada Kementerian yang berkenaan untuk menyelideki perkara itu moga² penanam dua kali sa-tahun itu dapat di-serentakkan di-dalam dua mukim, Mukim Sungai Manik dan Mukim Labu Kubong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang mengeluarkan tanah baharu—saya tidak menyentoh tanah baharu—saya menyentoh tanah yang sudah di-keluarkan semenjak pemerintah Colonial. Ada 5,000 ekar tanah yang di-luar kawasan bendang bersempadan dengan Sungai Batang Padang yang dahulu-nya tidak termasuk di-dalam kawasan bendang itu telah di-keluarkan untuk menjadi tanah kampong. Tetapi malang-nya tanah yang sa-luas 5,000 ekar itu tidak dapat di-usahakan kerana selalu mengalami banjir. Banjir di-sabelah Perak agak berlainan dengan sa-belah Johor. Kami di-sana sering tahun mendapat banjir dan orang² di-sana telah pun immune, sudah kebal dengan banjir itu. Kebal yang di-maksudkan di-sini bukanlah pula tidak merasa kesusahan dan payah-nya, tetapi mereka itu seringkali tidak dapat menjalankan usaha-nya terus dalam masa satu tahun itu untuk menchari kehidupan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, di-bandar² keadilan untuk menchipta kema'amoran negara mungkin ternampak lebeh² lagi di-dalam tempoh sa-lepas trajedi 13 Mei ini, ia-itu dengan adanya berbagai² perusahaan yang telah di-jalankan oleh bumiputera kita dan di-anggotai pula oleh buroh²-nya yang daripada dahulu-nya yang kita jarang ternampak bangsa Melayu maka di-sini boleh-lah di-

katakan yang bahawa keadaan itu telah dapat di-atasi dari sa-masa ka-satu masa.

Dato' Yang di-Pertua, di-sabelah luar bandar kema'amoran ini maseh terasa² sa-bagai impian juga belum sa-penoh-nya. Walau pun kita faham yang bahawa di-luar bandar² itu jalan² telah merentang ka-sana, merintang ka-mari, beberapa Dewan² Orang Ramai dan kelinik² di-tubuhkan, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, saya katakan tadi ra'ayat di-luar bandar memandang keadilan ini chuma sadikit, bukan pula mereka tidak berkehendakkan jalan, tidak berkehendakkan kelinik, tidak berkehendakkan Dewan Orang Ramai tetapi sa-balek-nya jikalau satu kampung yang ada penduduk-nya kata-lah 500 orang, mereka memohonkan jalan ka-kampung mereka itu untuk di-tabor dengan tanah merah sa-jauh 3 batu tidak dapat, ini akan menjadi satu tanda tanya yang mengatakan mereka itu di-hampakan.

Dato' Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa latar belakang atau pun di-katakan tempat asas bandar² ini ia-lah kapada ra'ayat² di-luar bandar, maka jika ra'ayat² di-luar bandar ini tidak dapat mengechap sadikit sa-banyak kema'amoran, kemudahan² yang sa-lain-nya telah dapat oleh mereka pada masa sekarang, maka di-situ saya berasa dan berharap supaya Kerajaan benar² meneliti dalam perkara ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya menggambarkan satu keadaan yang agak berupa sedeh. Ada sa-bahagian daripada kawasan bendang yang tertinggi keadaan tanah-nya yang tidak dapat di-usahakan bertanam padi, hanya boleh di-tanam dengan chara tanaman yang lain sa-umpama ubi, kacang dan sa-bagai-nya, beratus ekar juga dan hampir ribu. Bagini keadaan-nya, Dato' Yang di-Pertua, ma'afkan saya, tanah itu di-punyai oleh orang kita Melayu, ma'alum sahaja-lah orang kita dengan keadaan² kesempitan-nya, bila datang satu ulor untuk mendapat kewangan yang agak jarang mereka berjumpa-nya, terus-lah mereka itu mengakui membuat perjanjian dengan kaum² pemodal yang ada di-Langkap dengan sharat²-nya yang bahawa mereka itu berusaha di-atas tanah mereka sendiri dengan sa-chara upahan dan menjaga mengawasi tanaman kacang goreng itu dengan chara upahan, dan sambil mengetip, mengetip kacang goreng itu dengan upahan 50 sen sa-tin pun dengan upahan. Jadi, di-sini, Dato' Yang di-Pertua saya memandang semangat muhibbah

yang ada daripada kaum² kapitalis, atau pun pemodal yang ada di-luar bandar itu tidak di-rasakan. Tanah kepunyaan orang kita Melayu, usaha di-usahakan oleh kita Melayu, di-kutip oleh orang kita Melayu, di-juai-nya—penjual-nya ia-lah pemodal asing. Dato' Yang di-Pertua, orang kita sudah sedar berusaha berchuchok tanam kacang goreng-nya, dengan ubi-nya ratusan ekar, membuat sharikat, membuat sa-chara beramai², tetapi apabila di-pasarkan, maka di-situ datang pula penyakit-nya pula. Kalau kacang goreng-nya tadi di-kata banyak pula yang bertanah-nya banyak pula yang hamp-nya. Kalau ubi kayu-nya pula di-katakan tidak sa-rupa, tidak mahu di-makan oleh binatang. Maka di-sini, Dato' Yang di-Pertua, saya berharap kapada Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan melihat dalam perkara ini macham mana chara-nya boleh menolong pemasaran kapada orang² kita yang tinggal di-luar² bandar supaya harga² barang² tanaman yang di-usahakan oleh mereka itu dapat benar² sa-imbang dan sa-timbal dengan keadaan masa dan tempat.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak berchapak panjang tetapi dalam itu saya sentoh sadikit dalam soal pelajaran. Ra'ayat ada-lah mengharapkan yang bahawa dasar Kementerian Pelajaran di-sini dapat di-laksanakan mengikut stages—tangga² yang tertentu. Jadi, saya kemukakan barangkali di-kawasan lain pula mungkin ada, kawasan Hilir Perak ada dua sekolah menengah, satu di-Chenderong Balai nama tempat-nya dan satu lagi di-Kampung Gajah. Sekolah menengah yang telah mengeluarkan kelulusan SPM tetapi malang-nya, Dato' Yang di-Pertua, dua² sekolah di-luar² bandar yang bilangan murid-nya lebeh seribu sahingga sekarang ini tidak dapat mengajar ilmu sains dengan sa-penoh erti kata, kerana pesawat electric tidak ada lagi. Walau pun saya bagi pehak Wakil Ra'ayat dengan sahabat² saya Ahli Dewan Negeri telah menemui Yang Amat Berhormat Menteri Besar di-sana tetapi keadaan-nya ada-lah mengatakan, ini ada-lah tanggung-jawab LLN, ini ada-lah tanggung-jawab KED, ini ada-lah tanggung-jawab berbagai² kompeni lagi. Jadi, di-sini saya berharap juga kapada Kementerian Pelajaran jika keadaan ini terbiar dengan begitu lama di-khuatiri-lah anak² di-sana itu tidak dapat dengan sa-penoh-nya menyambong atau mengikut pelajaran² yang di-utamakan pada masa ini ia-itu sains dan teknologi.

Dato' Yang di-Pertua, saya di-akhir-nya menyentoh tentang keselamatan negara. Sebagaimana yang telah di-sebutkan dalam Dewan ini, benarkan-lah kalau saya meng-ucapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada pegawai² keselamatan dan tentera. Kerana saya faham di-sini berlaku-nya trajidi 13 Mei di-Perak mungkin jadi 10 Mei ia-itu pada masa mengebahkan kemenangan khas-nya di-Ipoh di-Padang Bandaran dan Telok Anson—di-tempat saya bertanding.

Kerana perarakan itu ada berlaku dan pukul², lempar² botol pun ada berlaku, tetapi dengan sebab kecekapan Polis perkara itu dapat di-kawal dan Alhamdullillah di-Perak tidak berlaku apa² pencerobohan yang mengerohkan negeri di-sana. Sekian-lah.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pada petang ini ia-lah untuk bersama² dengan sahabat² Ahli² Yang Berhormat yang lain bagi menyampaikan terima kaseh di-atas Uchapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Titah Seri Paduka Baginda yang di-sampaikan pada pembukaan Parlimen baharu² ini ada-lah merupakan suatu Titah yang terlalu penting justru oleh kerana sa'at penyampaian Titah itu merupakan sa'at yang begitu penting sa-kali. Sasudah parlimentary democracy dalam negara kita ini di-bekukan perjalanan-nya hampir dua tahun, maka Uchapan Titah itu merupakan suatu Uchapan Pembuka kata bagi memasoki suatu zaman baharu atau boleh juga di-katakan Uchapan Titah itu merupakan suatu Uchapan sa-bagai garis pemisah antara zaman beku dengan zaman chair, garis zaman Mageran dengan zaman parliamentary democracy. Maka nyata-lah perbahathan mengenai Titah Uchapan ini merupakan suatu perbahathan yang terlalu penting dan ini akan dapat di-chatetkan di-dalam sejarah democracy negara kita ini sa-bagai suatu peristiwa yang penting sa-kali, lebih daripada penting-nya dengan Uchapan² Titah Seri Paduka pada masa² yang telah lalu. Akan tetapi malangnya sa'at yang bagini penting dengan penting-nya Titah Seri Paduka yang di-bahathkan pada hari ini tidak mendapat ruangan masa yang cukup untuk di-debatkan atau di-bahathkan. Tempoh-nya sa-lama empat hari ini ada-lah suatu tempoh yang terlalu singkat saperti mana sa-bahagian besar daripada Ahli² Yang Berhormat di-

dalam Dewan ini ingin menyampaikan rasa hati-nya, ingin menyampaikan pandangan-nya dari sudut² parti politik-nya sendiri, tetapi nampak-nya keinginan itu terpaksa di-bendong begitu sahaja oleh kerana kesempitan waktu dan kesempitan peluang² yang sa-harus-nya mereka dapat.

Tuan Yang di-Pertua, masa yang tinggal kepada saya hanya-lah lebih kurang 27 minit sahaja lagi, walau pun banyak perkara² yang saya fikir perlu di-sampaikan sa-bagai pernyataan kalau tidak pun daripada parti saya sekurang²-nya daripada diri saya sendiri tentu-lah masa yang sa-singkat itu tidak cukup, tetapi biar-lah saya mempergunakan masa yang sa-singkat ini untuk menyampaikan apa sahaja yang saya rasa mustahak dinyatakan dengan sa-chara yang ringkas pula.

Tuan Yang di-Pertua, Uchapan atau Titah Uchapan Seri Paduka Baginda ini banyak menyentoh berbagai² aspek kehidupan dalam negara kita ini, tetapi saya hanya hendak menyentoh satu dua atau pun tiga bahagian sahaja, tentang dasar ekonomi baharu yang di-Titahkan oleh Seri Paduka, tentang pelaksanaan dasar pelajaran atau kemajuan pelajaran kebangsaan di-dalam negara kita sekarang ini dan sedikit² tentang benda yang tidak di-sebutkan tetapi di-dalam semangat-nya ujud ia-itu-lah tentang moral yang berdasarkan kepada asas² Islam sa-bagai agama negara yang di-chatetkan di-dalam Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga sekarang ini kita belum lagi dapat meneliti daripada alif sa-hingga-nya apa-kah yang di-namakan dasar baharu ekonomi negara kita, sa-lain daripada kepada kita telah di-hadapkan dengan kenyataan² sa-chara umum bahawa dasar negara kita ini, dasar ekonomi negara kita yang pertama-nya ia-lah untuk mele-nyapkan kemiskinan ra'ayat dengan tidak mengira keturunan bangsa, warna kulit, agama dan sa-bagai-nya.

Yang kedua, untuk mengujudkan perpaduan bangsa, atau perpaduan ra'ayat melalui ekonomi kita ini, atau dengan lebih jelas ia-lah untuk meniadakan ketidak sa-imbangan ekonomi antara kaum dalam negara kita ini dengan mana ini merupakan suatu asas yang mutlak bagi mencapai perpaduan ra'ayat, hanya baharu sa-kadar itu, baharu berita² huruf besar sa-bagai iklan tentang cerita yang hendak di-lakukan akan di-tunjokan pada malam itu. Kita belum lagi di-berikan dengan sa-jelas²-nya. Tetapi, Tuan

Yang di-Pertua, apa yang dapat kita duga, dapat kita sebut bahawa dasar ekonomi ini ada-lah mempunyai suatu niat yang baik dan pehak kami mengangap dasar ekonomi baharu ini ada-lah mengandongi niat yang baik. Akan tetapi apa yang kami ingin menyatakan bahawa tidak semua niat yang baik itu akan dapat menchapai sesuai dengan niat yang baik itu sa-kira-nya ia tidak melalu² jalan² yang baik. Banyak orang yang berniat baik, tetapi melalu² jalan salah untuk menchapai niat yang baik, maka hasil-nya niat yang baik itu tidak akan terchapai.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah dudok-nya ukoran pertimbangan tentang niat yang baik. Saya bimbang bahawa dasar ekonomi baharu ini tidak akan sampai ka-mana². Pertama sa-kali oleh kerana dasar yang saperti ini hendak di-laksanakan di-dalam suatu arena perjuangan yang sengit—biasa-nya kalau kita hendak membuat suatu dasar bagi membaiki kerosakan di-satu pehak yang lain tidak dapat di-buat sa-waktu pehak yang lain lagi telah pun memunchak tinggi di-atas melainkan bentok lembaga atau straktor arena itu sendiri di-ubah, sesuai dengan hasrat dan niat yang kita hendak buat atau dengan suatu kenyataan yang ringkas, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan straktor ekonomi dan masyarakat dalam negara kita ini merupakan suatu² atau merupakan chiri² lama yang maseh wujud dan keadaan bentok chiri yang saperti ini-lah yang menyebabkan berlakunya keadaan ketidak-saimbangan ekonomi antara kaum dalam negara kita ini.

Bagaimana dapat kita hendak mengubah sa-suatu hasil yang lahir dari bentok ekonomi ini kapada suatu yang lebeh baik dengan bergantung kapada benda yang menyebabkan lahir-nya bentok yang tidak baik. Atau dalam suatu kalimat yang lain bahawa chita² yang baik itu tidak akan dapat di-lahirkan di-dalam rumah yang telah pernah melahirkan chita² yang tidak baik, melainkan rumah itu sendiri mesti di-baiki. Structure dan bentok masyarakat di-Malaysia ini perlu di-baiki kapada chara yang lebeh progresif. Kalau ta' salah ingatan saya bahawa dasar ekonomi baharu ini dalam jangka panjang-nya akan dapat di-hasilkan atas kadar maxima 20 persen dalam suatu tingkat waktu satu jenerasi, ia-itu menempoh satu jenerasi dasar ekonomi kita ini akan dapat menaikan graf ekonomi bumiputera di-atas kadar agakan saya dalam 20 persen atau mungkin 30 persen. Itu baharu satu jenerasi. Satu

jenerasi, Tuan Yang di-Pertua, mungkin memakan waktu 20 tahun. Bagaimana dapat kita katakan bahawa niat yang baik itu akan dapat di-chapai dengan sa-penoh-nya? Sampai berapa jenerasi ekonomi bumiputera dapat sa-imbang dengan ekonomi yang bukan bumiputera? Sampai berapa jenerasi ekonomi bumiputera boleh dapat 50 persen dari kedudukan ekonomi negara seluroh-nya? Mungkin sampai dua jenerasi sa-tengah, atau kata-lah di-kuatkan sedikit horse power enjin itu jadi dua jenerasi. Pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, entah apa yang akan berlaku belum kita tentukan lagi. Membuat suatu rancangan ekonomi yang sa-chara evolusi saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah terlalu banyak bergantung kapada harapan dan angan². Merangka suatu sistem ekonomi, pada faham saya, mesti-lah di-buat dalam suatu tata yang tersusun yang boleh dapat menentukan atau menetapkan tentang jayanya, persen² kejayaan-nya tidak lebeh daripada satu jenerasi sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satakat itu, hari ini, itu sahaja-lah yang baharu ternampak tentang dasar ekonomi baharu yang apa dapat saya sebutkan ia-lah niat yang baik, tetapi saya belum dapat memberikan kepastian apa-kah chara² bagi menyampaikan niat yang baik itu juga baik, sa-hingga dasar ekonomi baharu dengan detail²-nya akan di-kemukakan oleh pehak Kerajaan, mungkin sa-bulan, mungkin dua bulan, mungkin tiga bulan lagi di-keluarkan dalam Dewan ini, sa-takat itu yang saya hendak berchakap tentang dasar ekonomi baharu.

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya masok tentang dasar pelajaran. Semenjak angin baharu yang bertiup sa-lepas 13 Mei, sa-hingga sampai kapada Meshuarat Agong Parti yang memerintah sekarang ini, ia-itu Parti UMNO nampak-nya memberikan gambaran² yang agak berchahaya bergemerlapan tentang harapan zaman depan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Ini bagi pandangan sa-tengah² orang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagi orang² yang chermat terpaksa meneliti dengan hati², apa-kah sinar² kegemerlapan itu sinar² lampu yang berchahayakan harapan, atau sinar² kunang² di-waktu malam.

Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang harus di-sebutkan. Saya tuju kapada chontoh terus, Tuan Yang di-Pertua, hendak menyebutkan dasar terlalu panjang tentang soal pelajaran, sains dan teknoloji.

Ada dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berbunyi, "dengan demikian ada-lah menjadi dasar Kerajaan menitek beratkan pelajaran di-sekolah² menengah di-dalam ilmu pelajaran sains dan teknologi dan juga mengadakan sekolah Vokeshenal di-mana penuntut² yang tiada dapat melanjutkan pelajaran-nya di-dalam pelajaran akademik dapat di-beri latihan dan kemahiran yang di-perlukan oleh perusahaan".

Pada 18hb Februari, 1971¹ Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita yang baharu telah memberikan satu kenyataan dengan tegas di-antara objektif Kementerian Pelajaran kata-nya ia-lah mengutamakan ketegasan ka-atas pelajaran sains, teknologi dan vokeshenal. Kemudian Yang Berhormat Menteri Pelajaran menyatakan lagi, kata-nya pada masa ini terdapat 12 buah sekolah² Vokeshenal dan 6 buah lagi akan di-bena menjelang tahun 1974. Pada masa sekarang ada tiga buah sekolah teknik dan 5 lagi akan di-bena menjelang tahun 1974.

Pada 23hb September, 1970 sa-waktu Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini dilantik menjadi Menteri Pelajaran, beliau telah memberikan satu ucapan, kata-nya kemajuan² zaman moden tidak boleh di-chapai tanpa ahli² sains dan teknologi dan juruteknik. Oleh itu sains, teknologi dan latihan vokeshenal akan memainkan peranan yang mustahak, keutamaan hendak-lah di-beri kepada lapangan ini di-dalam perancangan pelajaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan beberapa ucapan ini sa-kadar hendak membandingkan dengan Titah Seri Paduka Baginda untuk menerangkan kepada Dewan yang mulia ini tentang sa-jauh mana pelaksanaan ini berjalan. Memang, Tuan Yang di-Pertua, kita semua sa-pendapat bahawa pelajaran sains, teknik dan vokeshenal ada-lah terlalu penting. Soal yang besar-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah siapa yang hendak di-latih dalam pelajaran sains, siapa yang hendak di-latih dalam bahagian teknologi dan siapa yang hendak di-latih bahagian vokeshenal. Soal-nya sama sahaja dengan soal ekonomi tadi. Kalau perimbangan itu tidak akan wujud, tidak sama wujud-nya neschaya perpaduan tidak akan di-dapati. Soal mewujudkan suatu perpaduan ra'ayat dalam negara kita ini akan mesti di-tempoh dan di-lalui dari berbagai² bidang. Maka bidang ekonomi dan bidang pelajaran

akan memainkan peranan yang terlalu penting. Dari segi dasar pelajaran negara, Tuan Yang di-Pertua, sudah terang dan nyata bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan ada-lah menjadi matlamat utama bagi negara kita ini. Tetapi sa-hingga sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian vokeshenal belum kita nampak lagi ada-nya sa-buah sekolah yang di-ajar dalam bahasa Kebangsaan, kechuali ada beberapa kelas atau darjah di-dalam aliran kebangsaan di-Sekolah Menengah Teknik di-Kuantan. Pada hal, Tuan Yang di-Pertua, bilangan juru teknik, atau bilangan ahli² teknik atau technician pada masa akan datang banyak bergantung kepada kemudahan² yang di-sediakan itu.

Yang Berhormat Menteri mengatakan tahun 1974, menjelang tahun 1974, lima buah lagi Sekolah² Menengah Teknik akan di-bena, telah pun menjadi persoalan dalam masharakat sekarang ini. Di-antara yang lima buah itu berapa-kah agak-nya yang akan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar-nya. Dan di-mana agak-nya tempat, timbul soalan yang kedua lagi tentang Titah Seri Paduka mengatakan bahawa Sekolah² Vokeshenal ini akan di-utamakan kepada pelajar² yang tidak mendapat Pangkat "A" maksud-nya dalam Peperiksaan S.R.P. atau yang tidak berpeluang untuk mendapat latihan² sa-chara akademik, yang tiada dapat melanjutkan pelajaran dalam akademik dapat di-beri latihan dan kemahiran yang di-perlukan oleh perusahaan. Dalam amalan yang berlaku sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian besar pelajar² yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Gred A yang di-ambil memasoki Sekolah Vokeshenal. Jadi berm'ana-lah, Tuan Yang di-Pertua, ini sudah berlawanan dengan Titah Seri Paduka, padahal pelajar² Gred A ini akan dapat berpeluang meneruskan pengajian akademik-nya sampai Sekolah Menengah Atas dan mungkin sampai kepada Universiti. Sapatut-nya peluang untuk pergi ka-sekolah Vokeshenal ini mesti-lah di-berikan kepada murid² yang tidak bernasib baik mendapat Gred yang baik untuk pergi ka-Sekolah Menengah Atas atau sampai terus ka-Universiti. Ini, Tuan Yang di-Pertua, satu hal, kalau kita hendak mengatakan satu sabotaj terlalu besar, tetapi suatu kesilapan boleh di-sebutkan. Sebab sa-bahagian besar

anak² bumiputra yang memasoki Peperiksaan S.R.P. tidak dapat peluang yang baik untuk masuk ka-Sekolah Vokeshenal.

Chuba kita perhatikan, Tuan Yang di-Pertua, 20,000 orang tiap² tahun pukol rata, penuntut² Melayu tidak dapat masuk ka-Tingkatan Empat. Erti-nya penuntut² Melayu yang lulus Peperiksaan S.R.P. tetapi kerana kelulusan-nya tidak baik, Gred-nya barangkali C, dia tidak dapat terus kepada Tingkatan Empat. Ka-mana budak² ini akan membawa diri, Tuan Yang di-Pertua. Dan satu soal lagi yang sudah timbul sekarang ini, ia-lah murid² yang bernasib baik memasoki Sekolah Vokeshenal itu sendiri pun apabila mereka tamat ka-mana pula mereka hendak pergi. Sa-olah²-nya hubungan antara yang mendirikan sekolah dengan kepentingan² masyarakat untuk menerima pelajar² yang tamat daripada Sekolah Vokeshenal itu belum wujud dengan nyata pada masa sekarang ini. Ini pun patut-lah di-fikirkan benar² oleh pihak Kementerian ini, Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak potong² ini, ada satu ucapan yang di-berikan—ini sudah saya sudah baca dalam surat khabar, Tuan Yang di-Pertua, telah di-sentuh oleh salah sa-orang daripada Professor di-Universiti Kebangsaan tentang ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini dan baharu sa-bentar tadi sa-orang Ahli Yang Berhormat di-sabelah sana, ta' tahu nama kawasan Muar-kah atau apa nama-nya, Muar Selatan pun menyentuh juga dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu dalam Seminar Parti Perikatan dalam bulan Februari tahun 1971 Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada menyebut antara lain kata-nya menjelang tahun 1980 ini, semua pelajaran hingga ka-peringkat universiti akan di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan, melainkan pelajaran Hisab dan Sains. Jadi, ini berkaitan terus dengan apa yang di-sebutkan tadi tentang sampai sekarang ini pun maseh belum ada lagi Sekolah Vokeshenal yang di-ajar mengikut aliran Bahasa Kebangsaan dan menambahkan lagi dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri ini pun terlalu susah hati kita memikirkan-nya. Kata-nya dalam tahun 1970 ini di-mula² darjah satu—darjah rendah, dan tahun 1980 mereka semua-nya akan sampai ka-Tingkatan V tetapi satu hal yang agak membimbangkan kita, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu-lah tentang keadaan perkembangan pelajaran kebangsaan di-universiti yang telah pun wujud sekarang.

Yang pertama, Universiti Malaya yang telah mula² sedikit demi sedikit menukarkan pelajaran² dalam-nya daripada bahasa Inggeris kepada Bahasa Kebangsaan. Malah mungkin di-dalam Fakulti berkenaan dengan pelajaran sains, teknologi pun sedikit demi sedikit sudah mula² di-rombak bagi di-ubahsuaikan dengan kehendak² Dasar Pelajaran.

Kemudian daripada itu sa-buah universiti baharu di-tubuhkan, Universiti Kebangsaan sudah tentu-lah menerima pelajar² yang beraliran kebangsaan masuk menjadi mahasiswa-nya di-sana. Dengan apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam Seminar Parti Perikatan itu merupakan banyak gostan ka-belakang. Tuan Yang di-Pertua. Apabila ia sampai ka-dalam Tingkatan Satu dalam tahun 1976 pelajaran sains dan mathematics atau Ilmu Hisab di-ajar dalam bahasa, maseh lagi di-ajar dalam bahasa Inggeris, dalam tahun 1980 Tingkatan Lima maseh lagi di-ajar dalam Bahasa Inggeris mithalan-nya hingga sampai tahun 1981 dari segi semangat ucapan Yang Berhormat Menteri itu pun tetap terus mengajar pelajaran sains dan teknologi atau Ilmu Hisab dalam bahasa Inggeris. Murid² yang tamat dalam tahun 1980 mithalan-nya yang hendak masuk ka-Universiti Malaya pada masa itu kalau mengikut proses yang sedang berjalan sekarang ini Universiti Malaya sudah pun menchapai kepada angka 65 persen penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sa-genap bidang pelajaran. Universiti Kebangsaan tidak berbangkit lagi. Jadi, proses yang di-buat dalam peringkat sekolah tinggi sekarang ini dengan proses yang di-buat di-peringkat sekolah menengah itu tidak saimbang. lebeh² lagi perkara itu nampak-nya akan di-soal oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat di-sabelah sini pada pagi besok berkaitan dengan mengadakan remove class. Barangkali niat daripada pihak Menteri itu baik tentang hasrat² untuk zaman depan pelajar² kita. Tidak kita nafikan tentang baik-nya, tetapi mengkaji dari segi semangat, dari segi semangat melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan Negara kita ini, itu pun merupakan suatu kedayusan dalam meyakinkan mampu atau tidak mampu-nya Dasar Pelajaran Kebangsaan ini akan dapat memainkan peranan hidup pada masa akan datang. Murid² itu di-tarek pergi ka-remove class masuk ka-sekolah Inggeris, kemudian akan masuk ka-universiti apabila mereka lulus Tingkatan Enam besok dengan melalui

sistem bahasa Inggeris, sekolah Inggeris, yang sistem sekolah Inggeris pada masa sekarang ini, Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris pada masa sekarang ini masih menggunakan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran, kecuali pelajaran Bahasa Kebangsaan. Bila dia masuk ka-universiti apakah dia sampai ka-Tingkatan Enam besok, dia akan bertemu kepada satu hakikat, hakikat yang akan mengechewakan keseluruhan hidup dia, iaitu pergi ka-Universiti Kebangsaan seluruh mata pelajaran di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan. Pergi kepada Universiti Malaysia hampir sa-paroh mata pelajaran di-ajar dalam Bahasa Kebangsaan. Sedangkan dia telah di-didek sa-lama beberapa tahun sejak Tingkatan Satu hingga sampai kepada Tingkatan Enam. Apa yang hendak di-kejarkan di-sini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada alasan bagi Yang Berhormat Menteri akan menjawab bahawa ini-lah untuk menguatkan asas² pelajaran bagi pelajar itu sendiri, kerana perlu juga-lah pelajar² belajar bahasa asing. pelajaran Bahasa Inggeris dan apabila melihat pula hasil keputusan STP atau Sijil Tinggi Persekolahan baharu² ini merosot benar kelulusan anak² Melayu yang mengambil Sijil Pelajaran Tinggi melalui Sekolah Kebangsaan, atau Sekolah Menengah Kebangsaan, alasan-nya kalah atau gagal-nya mereka kerana tidak lulus General Paper atau Kertas 'Am oleh kerana Kertas 'Am itu di-ajar atau di-soal dan mesti di-jawab dalam Bahasa Inggeris, walau pun mereka mendapat seluruh-nya empat Principal umpama-nya, tetapi gagal dalam General Paper, dia gagal seluruh-nya. Barangkali harus Menteri akan menjawab ah! ini-lah contoh-nya, sebab itu kita kena kuatkan bahasa Inggeris. Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, bukan begitu. Soal-nya kenapa Kertas General Paper itu, Kertas 'Am itu tidak boleh di-adakan dalam Bahasa Kebangsaan.

Saya ada dengar, Tuan Yang di-Pertua, pihak Badan Peperiksaan Cambridge telah pun bersetuju dari segi dasar-nya—pada dasar-nya untuk membahasa-kebangsaankan semua sa-kali kertas itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau bahasa Melayu-lah Bahasa Kebangsaan dapat di-gunakan untuk peperiksaan dalam peringkat atau dalam tingkat universiti, saya tidak nampak di-mana sulit-nya Bahasa Kebangsaan ini dapat di-gunakan untuk peperiksaan sampai ka-peringkat STP atau Sijil Tinggi Persekolahan. Kalau

Universiti Kebangsaan dapat menggunakan, tiba² Sijil Tinggi Persekolahan tidak dapat di-gunakan, alang-kah pinchang-nya chara berfikir kita, Tuan Yang di-Pertua.

Satu masa dahulu, Tuan Yang di-Pertua, Maktab Perguruan Bahasa di-wujudkan untuk mengajar bahasa Melayu untuk melateh guru², atau menyiapkan guru² yang terlatah untuk mengajar Bahasa Kebangsaan, tetapi satu jalan yang boleh kita buat, mengapa pihak Kementerian tidak dapat mengadakan satu Maktab Perguruan atau pun mengadakan satu cabang dalam maktab melateh guru² untuk mengajar bahasa Inggeris sa-bagai satu mata pelajaran di-Sekolah² Menengah, sa-hingga bolehkan tidak ada guru² yang terlatah untuk mengajar bahasa Inggeris di-Sekolah² Menengah aliran Melayu, menyebabkan murid² itu gagal dalam Kertas 'Am peperiksaan mereka, ini pun satu ketelidoran, Tuan Yang di-Pertua, yang amat mendukachitakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masa-nya kita tidak patut lagi mengikatkan diri kepada Lembaga atau Badan Peperiksaan Cambridge. Kita sudah merdeka, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mempunyai Universiti sendiri. Kita sudah mempunyai Universiti Kebangsaan. Kenapa-lah untuk Peperiksaan Menengah ini kita masih mengikat diri kita atau membiarkan diri kita terikat dengan Peperiksaan atau Lembaga Peperiksaan Cambridge. Ini patut-lah di-fikirkan dari sekarang ini dengan serta-merta sudah dapat mengatasi keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, susah hati saya menengok jam, tetapi ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang terlalu berat untuk di-kaji bersama.

Satu lagi. sa-belum saya menamatkan ucapan dalam tempoh yang singkat, kita nampak-nya, Kerajaan ini sedang memikirkan tentang soal kemajuan sains, teknologi dan bahagian akademik, tetapi tidak memikirkan dari satu sudut yang lain, pembinaan mental ra'ayat tidak dapat di-pisahkan daripada pembangunan rohani. Jangan kita ingat bahawa kita akan dapat maju besok dengan sains dan teknologi sa-mata² tanpa rohani kita yang berisi. Kekuatan rohani ra'ayat ini perlu di-bena dan oleh kerana negara kita ini, Islam sa-bagai Ugama Rasmi-nya, terlalu wajar untuk di-fikirkan oleh Kementerian Pelajaran ini menjadikan mata pelajaran Ugama Islam yang perhubungan-nya

tentang pendidekan budi pekerti dan sa-bagai-nya di-jadikan mata pelajaran wajib. Mungkin ada orang mengatakan ini akan menyulitkan anak² itu sendiri untuk mendapat pelajaran, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesulitan yang kechil itu tidak-lah akan menghalangkan niat kita yang baik. Negara kita akan mendapati kosong pada masa yang akan datang walau pun penuntut² kita penoh atau ra'ayat kita penoh dengan para intelek, ahli sains dan ahli teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai satu chontoh yang kechil yang dapat di-pertunjokkan betapa berlaku-nya pengalaman² yang pahit dalam negara kita ini, ahli² bijak pandai kita melarikan diri ka-luar negeri kerana merebutkan gaji yang lebeh, atau kerana sa-suatu hal yang kechil lari ka-luar negeri, tidak mahu berkhidmat sa-bagai guru dalam negara kita ini, atau tidak mahu berkhidmat sa-bagai pegawai, melarikan diri kapada Badan² yang lain mithal-nya. Ini sa-bagai satu chontoh yang kechil bagaimana rasa pertanggung-jawab terhadap negara dan bangsa itu tidak bagitu penoh dalam jiwa-nya. Dan sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, rasa pertanggung-jawab tiap² sa-saorang warganegara terhadap bangsa dan negara itu tidak akan dapat di-penuhi sa-lagi rohani-nya tidak berseh. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, pelajaran Ugama Islam ini terlalu perlu. Akan berkata-lah orang, sunggoh pun Islam sa-bagai ugama negara, warganegara

kita ini banyak yang bukan Islam, apa-kah pelajaran, mata pelajaran Ugama Islam itu akan di-wajibkan juga kapada orang² yang bukan berugama Islam. Jawab saya, ya. Sa-bagai satu mata pelajaran wajib bagi sa-genap anak² warganegara sama ada dia Islam, Christian, Buddah atau sa-bagai-nya mengetahui apa yang di-namakan Islam sa-bagai ugama negara ini. Bukan hendak menarek mereka masok Islam. Itu terserah kapada diri mereka sendiri, tetapi sudah menjadi kewajipan sa-genap orang yang menjadi warganegara Malaysia mengetahui apa yang terkandung sa-bagai semangat atau Lembaga bagi Malaysia itu sendiri, Islam sa-bagai ugama negara. Sa-genap ra'ayat mesti mengetahui-nya, mempelajari Rukunegara termasuk erti-nya mempelajari Islam sa-bagai ugama negara ini sendiri. Sebab itu-lah menjadikan Islam sa-bagai mata pelajaran wajib, terlalu penting dan mesti di-fikirkan oleh Yang Berhormat Menteri, tidak boleh di-entengkan perkara ini. Dan bersamáan dengan ini, maka seluroh aspek tentang kedudukan guru² ugama mesti di-kaji kembali.

Saya rasa chukup-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.35 malam.